

**PERANAN INSTITUSI PERGURUAN DINIYAH  
PUTERI PADANG PANJANG, SUMATERA BARAT  
DALAM PENDIDIKAN WANITA**

**SYAIFULLAH CHAIDIR**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2012**

**PERANAN INSTITUSI PERGURUAN DINIYAH  
PUTERI PADANG PANJANG, SUMATERA BARAT  
DALAM PENDIDIKAN WANITA**

**SYAIFULLAH CHAIDIR**

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA USULUDDIN  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2012**

## **ABSTRAK**

Disertasi ini membincangkan Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang dari aspek peranannya dalam pendidikan wanita, berserta kaitannya dengan sejarah perkembangan dan peranannya dalam memajukan pendidikan di Padang Panjang dari masa penubuhannya sehingga tahun 1969. Untuk mencapai matlamat kajian ini, penyelidik telah menyandarkan pengumpulan data kepada kajian perpustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*), di mana kedua-dua kaedah ini mencakupi kajian sejarah, dokumentasi dan temu bual. Setelah berjaya mengumpul data yang mencukupi mengenai sejarah dan perkembangan Diniyah Puteri, yang boleh dianggap sebagai benar-benar tepat dan bernilai dari segi objektif dan kesahihan, penyelidik menjalankan analisis yang menyeluruh terhadap data dan sumber tersebut, baik secara induktif mahupun dengan deduktif, sehingga boleh mencapai kesimpulan yang dibentangkan di dalam disertasi ini. Kajian ini mendapati bahawa institusi pendidikan Diniyah Puteri mengalami pertumbuhan yang pesat sebagai institusi pendidikan agama khusus perempuan di Padang Panjang. Di samping itu, didapati bahawa selari dengan perkembangan pelajar, kurikulum, serta kemudahan, jenis pendidikan telah mengalami pengubahsuaian yang berasaskan kepada keperluan dan hajat masyarakat pada umumnya. Kemunculannya telah membantu memajukan pendidikan di dalam kawasan Padang Panjang, bersama-sama dengan institusi pendidikan lainnya. Dapat dikatakan bahawa pembaharuan pendidikan yang dicanangkan oleh Diniyah Puteri adalah sumbangan besar kepada Padang Panjang, baik dari segi peluang belajar kaum wanita ataupun sistem pendidikan moden yang digunakan. Selain itu, kemunculannya juga memainkan peranan dalam membasmi buta huruf di kalangan wanita, membina satu sistem pendidikan khusus perempuan, melaksanakan pendidikan guru, menyediakan pendidikan kemahiran dan menubuhkan pusat pengajian tinggi khusus perempuan.

## **ABSTRACT**

This dissertation discusses the Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang in terms of its role in the education of women, with relation to the historical development and its role in the development of education in Padang Panjang from the time of it was first established until the year 1969. To achieve the target of this study, the researcher has been using in collecting data the library research as well as the field research, where these both methods covered for history research, documentation and interviews. Having collected enough data about the history and the development of Perguruan Diniyah Puteri, the researcher believed that the data are accurate and valuable in terms of objectivity and validity in order to conduct a thorough analysis of data and resources; both inductive and the deductive and to reach final conclusion presented in this dissertation. This study found that Perguruan Diniyah Puteri experienced rapid growth as a religious educational institution dedicated for women in Padang Panjang. In addition, it was found that in parallel with the development of students, curriculum and facilities, the type of education has been altered based on the needs and desires of society at large. Its presence has helped improve education in the area of Padang Panjang, along with other educational institutions. It could be concluded that educational reform defined by Perguruan Diniyah Puteri is a major contribution to Padang Panjang, both in terms of learning opportunities for women or the use of modern educational systems. In addition, its appearance also plays a role in eradicating illiteracy among women and manages to build a special educational system for women, conduct education for teachers, provide vocational education and skills and establish a college for girls.

## **PENGHARGAAN**

Syukur serta puji-pujian kepada Allah SWT, kerana dengan taufik, hidayah dan kurnia-Nya disertasi ini dapat diselesaikan meskipun terdapat banyak kesulitan dan dugaan yang dihadapi. Tidak lupa juga selawat dan salam kepada Nabi Muhammad s.a.w selaku pembawa ilmu pengetahuan dan kemajuan kepada umat manusia seluruhnya.

Setinggi-tinggi penghargaan penulis ucapkan kepada Dr. Aizan Binti Ali @ Mat Zin selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan buah fikiran serta teguran-teguran yang membina dalam kerja-kerja menyiapkan disertasi ini. Dan juga penulis ucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Tatiana Denisova berserta Dr. Faisal @Ahmad Faisal bin Abdul Hamid yang telah memberikan waktunya untuk memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan disertasi ini.

Penghargaan khusus penulis ucapkan kepada semua pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), yang telah berbakti memberi ilmu dan didikannya kepada anak bangsa tanpa jemu. Tidak lupa juga ucapan terima kasih khusus kepada Dr. Faisal @Ahmad Faisal bin Abdul Hamid selaku ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam dan Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor selaku mantan ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, serta kepada Puan Soffihaidar binti Baharuddin selaku mantan setiausaha Jabatan

Sejarah dan Tamadun Islam yang turut membantu penulis dalam menjayakan penulisan ini sehingga selesai.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada mudir, kakitangan, guru-guru dan ustazah-ustazah di Perguruan Diniyah Puteri atas kerjasama yang telah diberikan kepada penulis dan kemudahan-kemudahan bagi menyelesaikan penyelidikan ini.

Demikian juga penulis ajukan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada sahabat-sahabat dan individu-individu yang terlibat dalam memberi sokongan secara langsung atau tidak langsung bagi menyempurnakan kajian ini, khususnya kepada Encik Aizuddin Abdul Hanan, Encik Andri Sahputra S.Pd.I, Puan Ria Febriani S.Pd.I dan Encik Ahmad Rifai yang telah banyak membantu dalam pengumpulan dokumentasi dan sumber rujukan disertasi ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada ayah dan ibu yang telah banyak memberi semangat dan perangsang kepada kejayaan penelitian ini. Tidak lupa terima kasih diucapkan kepada isteri, anak dan keluarga penulis yang sentiasa memberi galakan dan bantuan untuk menjayakan penulisan disertasi ini.

Akhirnya, dengan segala rendah hati dipohonkan maaf di atas segala kelemahan yang terdapat dalam kajian ini. Dan penulis berharap semoga disertasi ini dapat memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat, khasnya kepada individu-individu yang berkecimpung dalam dunia pendidikan.

## **KANDUNGAN**

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xv

## **BAB I: PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Definisi Tajuk	8
1.8 Kajian Literatur	10
1.9 Metodologi Kajian	16

## **BAB II : GAMBARAN UMUM PENDIDIKAN PEREMPUAN**

2.1 Pengenalan	20
2.2 Konsep Pendidikan Islam	21
2.2.1 Pengertian Pendidikan Islam	21
2.2.2 Tujuan Pendidikan Islam	27
2.2.3 Kurikulum Pendidikan Islam	31
2.2.4 Pendidikan Wanita Menurut Agama Islam	33
2.3 Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Minangkabau	39
2.3.1 Kedudukan Geografi Minangkabau	39
2.3.2 Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat	40
2.4 Sejarah Pendidikan Di Sumatera Barat	46
2.4.1 Sejarah Pendidikan Sebelum Penjajahan	46
2.4.2 Sejarah Pendidikan Masa Penjajahan	53
2.5 Kesimpulan	62

## **BAB III : PERGURUAN DINIYYAH PUTERI PADANG PANJANG**

3.1 Sejarah Penubuhan	66
3.2 Matlamat Perguruan	71
3.3 Riwayat Hidup Rahmah El Yunusiyah	73
3.3.1 Salasilah Keturunan	73
3.3.2 Masa Kecil	74
3.3.3 Pendidikan	75
3.4 Sistem Pendidikan Perguruan	77
3.5 Organisasi	81

3.5.1 Organisasi Perguruan	81
3.5.2 Organisasi Pelajar	84
3.5.2.1 Persatuan Murid-murid Diniyah School (PMDS)	84
3.5.2.2 Persatuan Kulliatul Muallimat (PKM)	86
3.5.2.3 Ikatan Pelajar Diniyah Puteri dan KMI Padang Panjang	87
3.5.2.4 Persatuan Pelajar Islam Indonesia (PII)	88
3.6 Perkembangan Pelajar	89
3.7 Jenis Pendidikan Dalam Perguruan	90
3.7.1 Madrasah Ibtidaiyah (MI)	91
3.7.2 Diniyah Menengah Pertama (DMP)	95
3.7.3 Kulliyatul Mu'allimat Al Islamiah (KMI)	98
3.7.4 Fakulti Dirasaat Islamiah (FDI)	101
3.8 Kesimpulan	103

#### **BAB IV : PERANAN PERGURUAN DINIYYAH PUTERI DALAM PENDIDIKAN KAUM WANITA**

4.1 Pendahuluan	107
4.2 Membina Sistem Pendidikan Khusus Perempuan	109
4.3 Melaksanakan Pendidikan Guru	117
4.4 Menyediakan Pendidikan Kemahiran	123
4.5 Membasmi Golongan Buta Huruf Di Kalangan Perempuan	126
4.6 Menubuhkan Pusat Pengajian Tinggi Khusus Wanita	130
4.7 Kesimpulan	134

**BAB V: PENUTUP**

5.1 Kesimpulan ..... 140

5.2 Saranan ..... 145

**BIBLIOGRAFI** ..... 147

**LAMPIRAN**

## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>		<b>Halaman</b>
Jadual 3.1	Waktu aktiviti harian pelajar Perguruan Diniyah Puteri	78
Jadual 3.2	Waktu aktiviti mingguan pelajar Perguruan Diniyah Puteri	79
Rajah 3.3	Struktur organisasi Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang	83
Jadual 3.4	Jumlah lulusan Perguruan Diniyah Puteri hingga tahun 1969	90
Jadual 4.1	Senarai mata pelajaran Perguruan Diniyah Puteri tahun 1961	113
Jadual 4.2	Kurikulum Kulliyatul Muallimat Al Islamiah 1940-1946	118
Jadual 4.3	Senarai nama lulusan KMI yang menjadi guru	121
Jadual 4.4	Senarai nama lulusan KMI yang mengabdi di masyarakat	122
Jadual 4.5	Jenis-jenis pendidikan kemahiran dalam perguruan	125
Jadual 4.6	Waktu aktiviti menjahit dan memasak perguruan	126
Jadual 4.7	Senarai mata pelajaran Sekolah Menyesal	128
Jadual 4.8	Senarai mata pelajaran Fakulti Dirasat Islamiah	132

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **No. Lampiran**

- |             |  |
|-------------|--|
| Lampiran 1  | Statistik pelajar dan mahasiswi yang tamat             |
| Lampiran 2  | Statistik pelajar dan mahasiswi yang tamat             |
| Lampiran 3  | Daftar Nama-nama Bekas Pelajar KMI 1940-1970           |
| Lampiran 4  | Senarai Aktiviti Beberapa Lulusan KMI Dalam Masyarakat |
| Lampiran 5  | Peraturan Internat Tiap-tiap Hari                      |
| Lampiran 6  | Daftar temu bual                                       |
| Lampiran 7  | Gambar Rahmah El Yunusiyah                             |
| Lampiran 8  | Gambar Perguruan Diniyah Puteri                        |
| Lampiran 9  | Gambar gedung sekolah Perguruan Diniyah Puteri         |
| Lampiran 10 | Gambar asrama Perguruan Diniyah Puteri                 |
| Lampiran 11 | Gambar masjid Al Ashliyah (masjid Pasar Usang)         |
| Lampiran 12 | Gambar asrama perguruan dan masjid Al Ashliyah         |

## **SENARAI SINGKATAN**

DEPAG	: Departemen Agama
DMP	: Diniyah Menengah Pertama
DPR	: Dewan Perwakilan Rakyat
FDI	: Fakulti Dirasah Islamiah
FTD	: Fakulti Tarbiah dan Dakwah
IAIN	: Institut Agama Islam Negeri
IKIP	: Institut Keguruan Dan Ilmu Pendidikan
KAS	: Kerajinan Amai Setia
KMI	: Kulliatul Mu'allimat Al Islamiah
MAN	: Madrasah Aliyah Negeri
MPR	: Majlis Perwakilan Rakyat
PGA	: Pendidikan Guru Agama
PGAPI	: Perikatan Guru-guru Agama Puteri Islam
PKN	: Pendidikan Kewargaan Negara
PMDS	: Persatuan Murid-murid Diniyah School
PP	: Pondok Pesantren
RI	: Republik Indonesia
SD	: Sekolah Dasar
SDN	: Sekolah Dasar Negeri
SDR	: Sekolah Diniyah Rendah

SMEP : Sekolah Menengah Ekonomi Pertama

SMP : Sekolah Menengah Pertama

SR : Sekolah Rakyat

UNAND : Universitas Andalas

## PANDUAN TRANSLITERASI<sup>1</sup>

KONSONAN			
Huruf Arab	Transkripsi	Huruf Arab	Transkripsi
ء	a, '(Hamzah)	ض	d
ا	a	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	ه	h
س	s	و	w
ش	sh	ي	y
ص	s	ة	h

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam (2001), *Buku Pedoman Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi*, Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 34-41

Vokal Panjang		Vocal Pendek	
Huruf Arab	Transkripsi	Huruf Arab	Transkripsi
ا	a	إ	a
و	u	ؤ	u
ى	i	ئ	i

DIFTONG	
Huruf Arab	Transkripsi
او	aw
اي	ay
يـ	iy/i
ـوـ	uww

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Kemunculan berbagai-bagai institusi pendidikan Islam di Indonesia telah banyak memberi makna positif kepada masyarakat. Pada masa lalu institusi-institusi pendidikan Islam telah berjaya melahirkan para cendekiawan Muslim dan tokoh masyarakat yang turut serta melawan penjajah dan berperanan menyebarluaskan ajaran Islam serta memajukan bangsa Indonesia. Di antara institusi-institusi pendidikan Islam tersebut ada yang telah melakukan pembaharuan dalam pendidikan Islam dan memperjuangkan hak kaum wanita dalam pendidikan. Sehingga sumbangannya masih lagi dikenang dan dirasakan oleh masyarakat Indonesia sekarang.

Perguruan Diniyah Puteri yang ditubuhkan pada tahun 1923 di Padang Panjang, Sumatera Barat merupakan institusi pendidikan agama yang telah memperjuangkan hak kaum wanita dalam pendidikan.<sup>1</sup> Sekolah ini muncul bersamaan pada masa penjajahan Belanda di Indonesia, di mana hak kaum perempuan dalam mendapatkan pendidikan menempuh banyak rintangan. Hampir saja peluang untuk mendapatkan pendidikan tersebut tidak diberikan dengan baik sehingga lahirnya ramai golongan buta huruf yang jahil di kalangan perempuan.

---

<sup>1</sup> Junainatul Munawaroh (2002), “*Rahmah El Yunusiah: Pelopor Pendidikan Perempuan*”, dalam Jajat Burhanuddin (ed.), *Ulama Perempuan Indonesia*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, h.

Salah seorang tokoh perempuan Sumatera Barat yang pernah berjuang dalam kemajuan kaum wanita adalah Rahmah El-Yunusiyah (1900-1969). Ketokohan Rahmah tidak asing lagi dalam catatan perjalanan sejarah Sumatera Barat, khususnya dalam sejarah pendidikan. Beliaulah yang menubuhkan Perguruan Diniyah Puteri pada tahun 1923 di Padang Panjang tersebut. Sekolah ini terkenal dengan nama Diniyah School Puteri atau Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang.

Kemunculan Diniyah Puteri adalah tahap yang sangat menentukan dalam sejarah pergerakan perempuan Indonesia. Kerana Rahmah El-Yunusiyah menubuhkan sekolah agama yang moden khusus bagi perempuan Islam ketika gerakan reformis Islam yang dilancarkan oleh kaum muda menjadi-jadi dan di saat semangat perempuan bersekolah moden masih terhalang oleh sikap ambivalen adat dan masyarakat.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Rahmah El-Yunusiyah mempunyai cita-cita yang tinggi dalam dirinya iaitu memperbaiki kedudukan wanita melalui pendidikan moden berdasarkan prinsip agama. Hal ini kerana menurutnya, salah satu cara untuk mengangkat darjat kaum wanita adalah melalui pendidikan. Mendidik seorang wanita bererti mendidik seluruh manusia. Selain itu, Rahmah El-Yunusiyah merupakan anak perempuan yang kreatif dan cerdas serta tidak cepat merasa puas dalam menuntut ilmu. Ia sangat memahami permasalahan yang sedang dihadapi oleh kaum perempuan pada masanya tersebut, dan ia berusaha untuk menolong mereka supaya terbebas dari yang mereka alami.

Di antara permasalahan tersebut adalah rasa ketidakpuasan dalam mempelajari hal-hal yang berkenaan tentang perempuan di dalam kelas yang terdapat percampuran antara pelajar lelaki dan perempuan. Kerana banyak permasalahan yang berkenaan dengan perempuan tidak dapat diungkapkan secara terang-terangan dalam kelas tersebut, dan antara murid dan guru tidak bebas mengutarakan pendapat. Selain itu, yang sedang dihadapi oleh kaum wanita saat itu adalah ramainya dari golongan perempuan yang tidak mendapat kesempatan yang luas untuk belajar atau mendapatkan pendidikan yang sepatutnya. Hal ini disebabkan oleh kuatnya pengaruh adat dan tradisi tempatan. Di mana anggapan masyarakat Minangkabau tentang pendidikan perempuan sudah terjerumus ke dalam keadaan yang menyedihkan. Hal ini kerana menurut masyarakat yang fanatik terhadap adat bahawa menyuruh anak perempuan ke sekolah adalah sama dengan menyuruh mereka menempuh jalan menuju ke arah kebinasaan.<sup>1</sup>

Oleh sebab itulah Rahmah El Yunusiyah mengharapkan wujudnya sekolah khusus bagi perempuan. Hal ini kerana menurutnya, ini hanya mungkin akan tercapai kalau ada suatu perguruan yang khusus untuk perempuan sehingga ia bertekad untuk menubuhkan sekolah khusus untuk anak-anak perempuan. Dan akhirnya penubuhan Perguruan Diniyah Puteri di Padang Panjang yang ia usahakan menjadi catatan penting dalam sejarah pendidikan, kerana sekolah agama tersebut merupakan sekolah agama khusus perempuan yang pertama di Indonesia.<sup>2</sup> Bahkan dalam perkembangan perguruan setelahnya, kewujudan Diniyah Puteri Padang Panjang sebagai sekolah khusus

---

<sup>1</sup> Maria Ulfah Subadio dan T.O Ihromi (1994), *Peranan dan kedudukan Perempuan Indonesia*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press, h. 37.

<sup>2</sup> Abasri (2008), “Sejarah dan Dinamika Lembaga-Lembaga Pendidikan Islam di Nusantara”, dalam Samsul Nizar (ed.), *Sejarah Pendidikan Islam, Menelusuri Jejak Sejarah Pendidikan Era Rasulullah Sampai Indonesia*. Jakarta: Kencana, h. 293.

perempuan telah menarik perhatian *shaykh al-azhar* Dr. ‘Abdu al-Rahman Taj<sup>1</sup> untuk menubuhkan institusi pendidikan khusus perempuan. Maka tidak lama selepas lawatannya ke Diniyah Puteri pada tahun 1955, pendidikan khusus perempuan atau *kulliyyat al-banat* ditubuhkan pula di Universiti Al Azhar, Mesir.

Hal ini menandakan bahawa kemunculan dan perkembangan Perguruan Diniyah Puteri memberikan pengaruh positif yang besar terhadap dunia pendidikan di Padang Panjang dan Al Azhar, Cairo. Bahkan masih banyak pengaruhnya yang tidak kita ketahui selama perkembangan perguruan hingga sekarang. Hal ini disebabkan kurangnya kajian yang dilakukan terhadap perkembangan Perguruan Diniyah Puteri. Apalagi jika kita melihat perkembangan perguruan sepuluh tahun terakhir, sudah banyak perubahan yang dilakukan oleh institusi perguruan untuk memajukan institusi pendidikan yang diwariskan oleh Rahmah El Yunusiyah tersebut.

Misalnya gerakan pembangunan kembali terhadap perguruan semenjak tahun 2003 yang mereka sebut dengan program *reengineering* Diniyah Puteri. Gerakan ini telah banyak memberikan perubahan kepada perguruan dari segi penampilan dan kualiti pendidikan sehingga Perguruan Diniyah Puteri meraih prestasi yang bagus dan bertahan dalam kemajuan zaman seterusnya mewarnai kemajuan pendidikan di Padang Panjang.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> ‘Abdu al-Rahman Husayn ‘Aliy Taj: Lahir pada tahun 1896 M di Asyut, pernah menjawat jawatan sebagai *shaykh al-Azhar* pada tahun 1954 M hingga 1958 M. Dalam tempoh itu, beliau telah memutuskan untuk mengajar bahasa asing di dalam Al Azhar, mengadakan reformasi sistem pentadbiran dan peraturan peperiksaan serta menyelesaikan sumbangan penubuhan *Madrasatu al-Bu‘uth al-Islamiyyah* untuk kediaman pelajar antarabangsa yang datang dari pelbagai pelusuk dunia.

<sup>2</sup> Singgalang, September 9, 2007:3 “Diniyah Putri Lakukan Perubahan Tiada Henti”

Meskipun Perguruan Diniyah Puteri dulu dan kini mempunyai zaman yang berbeza, namun kedua-dua zaman tersebut telah berjaya memberikan manfaat kepada dunia pendidikan sehingga kaum wanita dapat menikmati pendidikan seperti kaum lelaki menikmati pendidikan dengan bebas. Oleh kerana itu ketika penulis mengamati perkembangan Perguruan Diniyah Puteri semasa Rahmah El Yunusiyah masih hidup, penulis tertarik untuk mengkaji peranan Perguruan Diniyah Puteri dalam pendidikan kaum wanita di Padang Panjang. Perguruan ini adalah sekolah khusus perempuan yang pertama di Indonesia, dan sudah tentu ia memainkan banyak peranan dalam masyarakat. Namun untuk mengetahui peranan tersebut, kajian mengenainya diperlukan.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Sehubungan dengan latar belakang masalah di atas, maka penelitian ini akan mengungkap permasalahan yang ditemui penulis seperti berikut:

1. Bagaimana kedudukan dan pendidikan wanita dalam masyarakat Sumatera Barat?
2. Bagaimana sejarah perkembangan Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang?
3. Bagaimana sistem pendidikan di Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang?
4. Bagaimana peranan Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang dalam pendidikan wanita?

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Matlamat utama kajian yang dibuat adalah untuk memahami dan mengenalpasti serta mengetahui peranan Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang dalam pendidikan wanita. Kajian ini telah menetapkan beberapa objektif kajian yang ingin dicapai, iaitu seperti berikut:

1. Mengenal pasti kedudukan dan pendidikan wanita di Sumatera Barat.
2. Mengenal pasti sejarah perkembangan Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang dari tahun 1923 hingga tahun 1969.
3. Mengenal pasti sistem pendidikan di Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang
4. Menghuraikan peranan Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang dalam pendidikan wanita.

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang merupakan sekolah agama khusus perempuan dengan sistem pendidikan yang moden, dan dikatakan banyak memberikan sumbangan kepada masyarakat dalam pelbagai bidang, khasnya kepada masyarakat di Padang Panjang dan kaum wanita. Sekolah ini mempunyai keistimewaan tersendiri pada pandangan masyarakat. Hal ini dapat dilihat dari statistik jumlah lulusan perguruan pada setiap tahun. Di mana pada tahun 1930 terdapat 10 orang lulusan sahaja manakala pada tahun 1969 angka lulusannya melonjak kepada 161 orang pelajar perempuan.

Kajian ini akan memberi gambaran sebenar tentang peranan berserta sistem pendidikan Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang. Oleh sebab itu, kajian ini dianggap penting kerana dengan mengenal pasti peranan perguruan dan perkembangan sistem pendidikan yang dilaksanakannya, para pengelola dan pemimpin institusi Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang, bahkan institusi lainnya dapat mengatur langkah untuk memperbaiki usaha mereka dalam bidang pendidikan, sehingga wujudnya institusi-institusi pendidikan Islam yang mampu bersaing dengan institusi-institusi lain dan mampu memberi respons terhadap perkembangan masyarakat dan tuntutan umat Islam.

Usaha Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang dalam mendidik wanita merupakan pelajaran yang sangat berharga bagi setiap generasi. Kerana perjuangan dalam memajukan pendidikan bagi wanita tiada penghujungnya. Kerana itu, generasi sebelum kita adalah orang yang memulakan perjuangan ini, kemudian kita sebagai generasi setelah mereka adalah orang yang akan meneruskannya. Maka peranan perguruan dalam hal pendidikan wanita akan memberikan contoh teladan dan bahan perbaikan bagi kita dalam memajukan pendidikan wanita, agar supaya pendidikan yang mereka harapkan berada pada tempat yang benar dan sesuai dengan zaman.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Penyelidikan ini khusus pada perkembangan Perguruan Dinyah Puteri Padang Panjang yang meliputi sejarah perguruan dan peranan perguruan dalam kaitannya mendidik kaum wanita di Padang Panjang.

Penyelidikan ini dihadkan mulai tahun 1923 hingga 1969 yakni bermula dari masa penubuhan Perguruan Diniyah Puteri oleh Rahmah El Yunusiyah hingga tahun kewafatannya. Walaupun pembahasan bermula bertahun tahun sebelumnya, yakni ketika membicarakan latar belakang masalah dan gambaran umum kaum perempuan masa penjajahan di Sumatera Barat.

## **1.7 DEFINISI TAJUK**

Tajuk kajian ini ialah : **Peranan Institusi Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang, Sumatera Barat Dalam Pendidikan Wanita.** Berikut ialahuraian bagi tajuk tersebut :

- a) **Perguruan** : Perguruan bererti bangunan atau gedung tempat belajar.<sup>1</sup> Di mana seseorang mengajar di dalamnya dan pada saat yang sama menjadi tempat tinggal guru. Perkataan perguruan pada dasarnya berbeza daripada perkataan sekolah (*School*). Perguruan bukan sekolah biasa (*Ordinary School*) atau sekolah berasrama (*Boarding School*). Perguruan ialah tempat di mana guru bersama isterinya mengurus sejumlah anak-anak didikan dan bertanggungjawab sepanjang waktu persekolahan dan di luar waktu persekolahan. Hal seperti ini adalah idea yang sama seperti yang dilakukan oleh India kuno ketika

---

<sup>1</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (2003), *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Brunei Darussalam, h. 2048.

mereformasi asrama *Rabindranath Tagore* agar sesuai dengan zaman moden di lembaga *Shantiniketan* di Bengal.<sup>1</sup>

- b) **Pendidikan** : menurut Rousseau mendidik adalah pembekalan yang tiada pada masa anak-anak tapi diperlukan pada masa dewasa.<sup>2</sup> Adapun yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah usaha perguruan dalam mendidik kaum perempuan.
- c) **Padang Panjang**: merupakan salah satu bandar di provinsi Sumatera Barat, Indonesia, yang dikelilingi oleh bukit dan gunung. Pada bahagian utaranya terdapat gunung Merapi, dan di sebelah baratnya terdapat gunung Singgalang dan gunung Tandikat. Pada bahagian barat bandar ini pula terdapat sungai Batang Anai yang merupakan sempadan bagi bandar Padang Panjang.
- d) **Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang**: merupakan sekolah agama khusus bagi perempuan Islam, yang memberikan pelajaran-pelajaran agama dan umum. Ketika ditubuhkan di Padang Panjang oleh Rahmah El Yunusiah pada tahun 1923, sekolah ini merupakan sekolah agama bagi perempuan yang pertama di Indonesia.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Cora Vreede – De Stuers (1960), *The Indonesian Woman; Struggles And Achievements*. Netherland: Mouton & Co, h. 71. Bengal: adalah salah satu bandar di India , kira-kira 180 kilometer di utara Kolkata (dahulunya Calcutta).

<sup>2</sup> Abudin Nata (2003), *Manajemen Pendidikan: Mengatasi Kelemahan Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Prenada Nadia, h. 6.

<sup>3</sup> Abasri (2008), “*Sejarah dan Dinamika Lembaga-Lembaga Pendidikan Islam di Nusantara*”, dalam Samsul Nizar (ed.), *Sejarah Pendidikan Islam, Menelusuri Jejak Sejarah Pendidikan Era Rasulullah Sampai Indonesia*. Jakarta: Kencana, h. 293.

## 1.8 KAJIAN LITERATUR

Kajian tentang institusi pendidikan Islam dalam konteks alam Indonesia telah banyak dibuat oleh para sarjana di dalam dan luar Indonesia. Pelbagai aspek perbincangan mengenainya telah dihuraikan. Di antara para sarjana Muslim yang menulis tentang institusi pendidikan Islam ialah Haidar Putera Daulay dalam bukunya “*Historitas dan Eksistensi Pesantren, Sekolah dan Madrasah*”.<sup>1</sup> Dalam buku ini beliau membincangkan ciri-ciri dan unsur-unsur pesantren, sekolah dan madrasah, serta pertumbuhan dan perkembangannya sebagai institusi pendidikan Islam. Dawam Raharjo dalam buku “*Pesantren dan Pembaharuan*”<sup>2</sup>, kemudian Anis M dalam “*Religiusitas Iptek*”<sup>3</sup> telah membincangkan berbagai-bagai isu institusi pendidikan Islam di Indonesia, tetapi kandungan buku-buku ini merupakan kumpulan makalah para sarjana di dalam dan luar Indonesia. Sebab itu, kandungan buku ini dianggap kurang sistematik dan pembahasan-pembahasannya amat global.

Adapun kajian ilmiah yang membahaskan tentang institusi pendidikan Islam telah dibuat oleh Karel A. Steenbrink di Universiti Katolik Nijimegen, Belanda. Disertasi ini telah diterjemahkan ke bahasa Indonesia iaitu “*Pesantren, Madrasah dan Sekolah: Pendidikan Islam Dalam Kurun Moderen*”.<sup>4</sup> Dalam kajian ini dijelaskan tentang aspek-aspek sejarah institusi pendidikan Islam dari zaman penjajahan Belanda

---

<sup>1</sup> Haidar Putra Daulay (2001), *Historitas dan Eksistensi Pesantren, Sekolah dan Madrasah*. Yogyakarta: Tiara Wacana Yogyka.

<sup>2</sup> Dawam Raharjo (ed.) (1985), *Pesantren dan Pembaharuan*. Jakarta: LP3S.

<sup>3</sup> Anis M et al. (1998), *Rekonstruksi Pendidikan Dan Tradisi Pesantren Religiusitas Iptek*. Yogyakarta: Fakultas Tarbiyah Sunan Kalijaga.

<sup>4</sup> Karel A. Steenbrink (1994), *Pesantren, Madrasah, dan Sekolah: Pendidikan Islam Dalam Kurun Moderen*. Jakarta: LP3ES.

hingga zaman kemerdekaan Indonesia, profil guru agama moden, perubahan dalam kandungan pengajaran agama, dan penghargaan agama terhadap pendidikan umum.

Dalam kajian tersebut beliau menyatakan bahawa sejarah perkembangan pendidikan Islam di Indonesia bermula dari sistem pesantren di surau-surau kecil, berubah ke sistem madrasah dan akhirnya menjadi sekolah. Menurutnya, perubahan bentuk dan kandungan pendidikan Islam tersebut tidak lepas dari tuntutan perkembangan zaman yang dihadapinya. Namun proses perubahan itu bukan suatu peristiwa yang lancar tanpa perselisihan di antara mereka.

Selanjutnya Hasbullah yang mencuba mengungkap perjalanan pendidikan Islam di Indonesia dalam bukunya yang bertajuk “*Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*” mengungkapkan bahawa perjalanan pendidikan Islam di Indonesia melalui berbagai-bagi sejarah. Pendidikan Islam yang ada sekarang, tidak boleh lepas dari perjuangan umat Islam masa lalu.

Kajian lain yang membincangkan tentang institusi pendidikan Islam ialah Zamakhsyari Dhofier di Australian National University pada tahun 1980 dengan tajuk “*Tradisi Pesantren: Studi Tentang Pandangan Hidup Kiai*”.<sup>1</sup> Dalam kajian ini dijelaskan aspek-aspek mengenai ciri-ciri umum mengenai pesantren, elemen-elemen sebuah pesantren, hubungan intelektual dan kekerabatan sesama kiai, maklumat-maklumat pesantren di abad ke 20, kiai dan tarekat, dan kiai dalam situasi Indonesia sekarang.

---

<sup>1</sup> Zamakhsyari Dhofier (1985), *Tradisi Pesantren*. Jakarta: LP3ES.

Manakala kajian tentang institusi pendidikan Perguruan Diniyah Puteri amat sedikit, yang paling lengkap adalah tulisan Aminuddin Rasyad<sup>1</sup> yang merupakan disertasinya untuk mendapatkan gelar doktor dalam bidang pendidikan di Institut Agama Islam Negri (IAIN) Syarif Hidayatullah Jakarta. Kajian yang beliau lakukan lebih difokuskan kepada sistem pendidikan agama yang terdapat dalam perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang. Menurut kajian yang dilakukan, bentuk sistem pendidikan di Perguruan Diniyah Puteri adalah perpaduan antara pendidikan sekolah dan pendidikan rumah tangga dalam pendidikan asrama. Dengan menggunakan sistem pendidikan seperti ini perguruan telah berjaya mewujudkan matlamat pendidikan yang dicitakan, iaitu melahirkan puteri-puteri yang berjiwa Islam dan ibu-ibu pendidik yang cekap dan aktif serta bertanggung jawab tentang kesejahteraan masyarakat dan tanah air atas dasar pengabdian kepada Allah S.W.T.

Selain itu sistem pendidikan Perguruan Diniyah Puteri mempunyai ciri-ciri tersendiri yang membezakannya dari sistem pendidikan perguruan agama Islam lainnya yang sejenis yang terdapat di daerah lain. Sehingga ciri-ciri khas inilah yang telah menarik perhatian para pelajar yang datang dari berbagai-bagai kawasan di Indonesia dan Malaysia. Ternyata pengkaji setelah Aminuddin juga berpendapat demikian, di antaranya adalah iaitu Rosniati Hakim<sup>2</sup> yang telah mengkaji tentang pelaksanaan pendidikan perempuan oleh pengasas Perguruan Diniyah Puteri. Menurutnya sistem pendidikan di Perguruan Diniyah Puteri adalah di antara salah satu sumbangan kepada

---

<sup>1</sup>Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang: 1923-1978, Suatu Studi Mengenai Perkembangan Sistem Pendidikan Agama*. Jakarta: Fakultas Tarbiyah IAIN Syarif Hidayatullah.

<sup>2</sup> Rosniati Hakim (1999), *Tritunggal Pelaksanaan Pendidikan Perempuan Oleh Rahmah El Yunusiah*. Padang: Institut Agama Islam Negeri Imam Bonjol Padang.

masyarakat yang telah diberikan oleh Rahmah El Yunusiah dalam pelaksanaan pendidikan perempuan.

Oleh sebab itu menurut Ely Ditra dalam kajiannya<sup>1</sup> beliau menyatakan bahawa Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang merupakan perguruan yang sangat berpotensi untuk dijadikan sebuah tempat pembinaan perempuan dalam rangka mengisi dan memberikan pendidikan kepada perempuan melalui pendidikan dan kemahiran. Apatah lagi kalau diingatkan sejarah kemunculan Perguruan Diniyah Puteri yang tidak lepas dari kancang perjuangan dalam membebaskan perempuan dari perlakuan diskriminasi dalam bidang pendidikan. Sebenarnya kajian oleh Ely Ditra adalah mengenai kepimpinan perempuan dalam Perguruan Diniyah Puteri, di mana semenjak penubuhannya hingga sekarang, perguruan ini selalu dipimpin oleh seorang pengurus atau mudir perempuan. Maka, berkenaan dengan kepimpinan perempuan tersebut beliau berpendapat bahawa penubuhan Perguruan Diniyah Puteri oleh Rahmah El Yunusiah merupakan antara yang terawal dari kepimpinan perempuan di bandar Padang Panjang kerana Rahmah telah membuka jalan baru bagi kaum perempuan supaya boleh lebih berkembang dan berkemampuan memanfaatkan potensi yang dimiliki.

Sebenarnya penubuhan Perguruan Diniyah Puteri sebagai awal kepimpinan perempuan di bandar Padang Panjang seperti yang disebutkan tadi oleh Ely Ditra tidak terlepas dari cita-cita dan konsep pemikiran Rahmah El Yunusiah, yang sangat memahami bahawa Islam mengajar untuk tidak membeza-bezakan pendidikan antara

---

<sup>1</sup> Ely Ditra (2004), *Pemimpin Perempuan Dalam Organisasi Pelayanan Masyarakat: Studi Kasus di Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang*. Universitas Indonesia, Fakultas Ilmu Sosial dan Politik, Departemen Ilmu Kesejahteraan Sosial, Program Pascasarjana Ilmu Kesejahteraan Sosial.

kaum lelaki dan perempuan. Sebagaimana yang disebutkan oleh Azizah dalam kajiannya<sup>1</sup> terhadap pemikiran dan pembaharuan Rahmah El Yunusiah, bahawa Rahmah sangat menentang gerakan feminism yang dicetuskan oleh Barat, yang tidak sesuai dengan Islam. Rahmah sangat ingin memajukan dan mencerdaskan kaum wanita kerana kemajuan kaum wanita bererti memajukan seboro penduduk. Memajukan wanita, bererti juga memajukan anak-anak di mana guru yang utama dan pertamanya adalah wanita.

Dalam pandangan Anatona<sup>2</sup>, bahawa penubuhan Perguruan Diniyah Puteri juga berkait rapat dengan susuk peribadi Rahmah El Yunusiah sebagai tokoh yang gigih dalam perjuangan memajukan pendidikan bagi perempuan. Seorang wanita yang tidak mudah menerima bentuk pembaharuan pendidikan yang diperkenalkan oleh ulama-ulama dan tokoh-tokoh pembaharuan di Minangkabau. Beliau sangat kritis dan berhati-hati, oleh sebab itu menurut Rahmah, pelajar lelaki dan pelajar perempuan tidak boleh disatukan di dalam kelas yang sama. Pada akhirnya eksistensi Rahmah sebagai tokoh pembaharuan dalam bidang pendidikan tidak dapat diragukan lagi. Beliau sangat konsisten dengan perjuangannya dalam membela pendidikan bagi kaum perempuan.

Demikian juga dengan pendapat Hamruni dalam kajiannya<sup>3</sup> bahawa pencapaian dan pemikiran Rahmah El Yunusiah dalam pembaharuan pendidikan Islam di Minangkabau dapat dilihat dengan adanya penubuhan Perguruan Diniyah Puteri, dan usaha-usaha yang telah dilakukannya menempatkannya sebagai satu ulama yang

<sup>1</sup> Azizah binti Hasim (2010), *Pemikiran Pembaharuan Rahmah El Yunusiyah dan Pengaruhnya di Malaysia*. Program Pascasarjana Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Imam Bonjol Padang.

<sup>2</sup> Anatona (2009), *Rahmah El Yunusiyah (1900-1969): Pendidik dan Pejuang Kaum Perempuan*. Padang: Jurusan Sejarah Fakultas Sastra Universitas Andalah dan Dinas Sosial Propinsi Sumatra Barat.

<sup>3</sup> Hamruni (2002), *Pendidikan Perempuan Dalam Pemikiran Rahmah El Yunusiyah*. Jogyakarta: Fakultas Tarbiyah Universitas Negri (UIN) Sunan Kalijaga.

berpengaruh pada masa itu sehingga layak dipanggil sebagai pelopor bagi pendidikan perempuan di Indonesia.

Dalam buku yang bertajuk *H. Rahmah El-Yunusiyah dan Zainuddin Labay El-Yunusi: Dua Bersaudara Tokoh Pembaharu Sistem Pendidikan di Indonesia, Riwayat Hidup, cita-cita dan Perjuangan*, yang disusun oleh beberapa orang penulis, telah dibincangkan juga mengenai sejarah Perguruan Diniyah Puteri. Namun sebahagian kandungan buku ini merupakan himpunan kertas kerja para sarjana di luar dan dalam Indonesia. Sebab itu kandungan buku ini dianggap kurang sistematik dan pembahasan-pembahasannya sangat global. Selain buku di atas terdapat juga tulisan-tulisan yang membincangkan ketokohan pengasas perguruan berserta sejarah perguruan. Di antaranya adalah buku “*Dra. Hjh. Isnaniah Saleh: pengemban, pelanjut cita-cita dan perjuangan Rahmah El Yunusiah*” oleh Hasniah Saleh, buku “*Mengenang 108 Tahun Rahmah El-Yunusiyah: Kesempurnaan Pengabdian Seorang Muslimah Pejuang*” oleh Divisi Humas Perguruan Diniyah Puteri dan buku “*Peringatan 55 Tahun Diniyah Puteri Padang Panjang*” oleh tim penyusun.

Berdasarkan huraian di atas, maka penulis berkesimpulan belum ada sebuah penulisan atau penelitian yang mengandung pembahasan tentang peranan Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang dalam pendidikan wanita. Oleh sebab itulah penulis berusaha mengemukakan kajian ini dengan memberi penekanan terhadap peranan perguruan dalam pendidikan wanita.

## **1.9 METODOLOGI KAJIAN**

Dalam menyiapkan disertasi ini, penulis menggunakan kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data, iaitu sebagaimana berikut:

### **1.9.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini bercorak kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Sesuai dengan corak penelitian ini penulis melakukan dalam berbagai-bagai literatur dan temu bual. Adapun kaedah pengumpulan data yang dijalankan ini dibahagikan kepada dua bentuk kajian iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

#### **1.9.1.1 Kajian Perpustakaan**

Kajian perpustakaan yang peneliti jalankan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang sejarah dan perkembangan Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang. Seperti sejarah penubuhan, matlamat perguruan, riwayat hidup pengasas, sistem pendidikan, jenis pendidikan dan lainnya. Selain itu kajian perpustakaan ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang mempunyai kaitannya dengan Perguruan Diniyah Puteri, seperti sejarah pendidikan di Sumatera Barat, kedudukan wanita dalam masyarakat Minangkabau, konsep pendidikan Islam dan lainnya. Adapun data-data yang akan dikumpulkan menggunakan kajian perpustakaan terdiri kepada dua jenis sumber atau data, iaitu data primer dan data sekunder.

### **a. Sumber Primer**

Sumber primer kajian ini merupakan dokumen, surat-surat dan kumpulan-kumpulan dokumen yang telah diterbitkan pada beberapa kali ulang tahun Perguruan Diniyah Puteri, yang memuat berbagai-bagai dokumen, surat-surat, naskhah, tulisan, sama ada dari Rahmah El-Yunusiyah pengasas perguruan ataupun dari tokoh lainnya pada masa hidup Rahmah. Di antaranya adalah kumpulan surat-surat dan dokumen-dokumen serta beberapa tulisan-tulisan yang terdapat dalam *Peringatan 15 Tahun Diniyah Puteri Padang Panjang, Peringatan 55 Tahun Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang, Profil Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiah Diniyah Puteri Rahmah El Yunusiyyah.*

### **b. Sumber Sekunder**

Adapun sumber sekunder adalah buku-buku atau kertas kerja-kertas kerja yang berkaitan dengan sejarah Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang. Seperti buku “*Perguruan Diniyyah Puteri Padang Panjang: 1923-1978, Suatu Studi Mengenai Perkembangan Sistem Pendidikan Agama*”, yang ditulis oleh Aminuddin Rasyad, buku “*Rahmah El-Yunusiyah (1900-1969), Pendidik dan Pejuang Kaum Perempuan*” yang ditulis oleh Anatona, *buku saku mengenang 108 tahun rahmah el yunusiyah*, buku *Rahmah El Yunusiyah* dan *Zainuddin Labay el yunusi: dua bersaudara tokoh pembaharuan sistem pendidikan di Indonesia*, dan buku *Dra. Hjh. Isnaniah Saleh: Pengembangan, Pelanjut Cita-Cita dan Perjuangan Rahmah El Yunusiyah* serta buku-buku lainnya, jurnal akademik, jurnal sejarah, majalah, kertas kerja dan kamus.

### **1.9.1.2 Kajian Lapangan**

Kaedah yang digunakan dalam kajian lapangan ini adalah kaedah temu bual. Matlamat yang dicapai dalam penggunaan kaedah ini adalah untuk mendapatkan maklumat atau keterangan secara lisan daripada informan serta data yang tepat, jujur, dan dapat dipertanggungjawabkan.

Temu bual yang dilakukan melibatkan beberapa orang pentadbir Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang sekarang yang dianggap dapat memberi informasi tentang sejarah perkembangan perguruan atau orang yang sudah lama bekerja di bahagian pentadbiran, lulusan perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang dan tokoh masyarakat Padang Panjang yang dianggap dapat memberi maklumat tentang peranan Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang.

Berhubung dengan peranan perguruan dalam pendidikan wanita, maklumat yang diperoleh dari hasil temu bual dengan pengurus perguruan, lulusan perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang, tokoh masyarakat dan beberapa orang yang berada di dalam dan luar bandar Padang Panjang yang dianggap dapat memberi maklumat tentang peranan Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang.

## **1.9.2 KADEAH ANALISIS DATA**

Dalam hal ini penulis menjalankan analisis data terhadap seluruh data yang diperoleh dari pelbagai sumber, sama ada sumber sekunder atau sumber primer dengan metode sebagai berikut:

### **1.9.2.1 Kaedah Induktif**

Dengan kaedah ini penulis menganalisis data-data dengan menggunakan proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian satu kesimpulan daripada fakta-fakta yang bersifat khusus, kemudian membuat kesimpulan dalam bentuk yang lebih umum. Penulis menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan data menyeluruh dalam bab dua iaitu gambaran umum pendidikan perempuan.

### **1.9.2.2. Kaedah Deduktif**

Dengan kaedah deduktif ini penulis mengambil dan mengumpul fakta-fakta dan maklumat-maklumat umum kemudian menganalisisnya sehingga memperoleh kesimpulan dalam bentuk yang lebih khusus. Kaedah ini digunakan secara meluas ketika penulis menganalisis data dalam setiap persoalan yang menjadi objektif kajian.

## **BAB II**

### **GAMBARAN UMUM PENDIDIKAN PEREMPUAN**

#### **2.1 PENGENALAN**

Dalam membahaskan gambaran umum pendidikan perempuan di Sumatera Barat penulis membahagikannya dalam dua bahagian, iaitu pendidikan perempuan sebelum dan selepas zaman penjajahan. Kerana masing-masing zaman tersebut mempunyai perbezaan dan perkembangan tersendiri. Sehingga setiap pembahagian ini dapat memudahkan dalam memahami pendidikan perempuan di Sumatera Barat.

Dalam kajian ini penulis juga membincangkan kedudukan perempuan dalam masyarakat Minangkabau. Kerana kedudukan perempuan mempunyai kaitan yang erat dengan perkembangan pendidikan perempuan di Sumatera Barat sama ada sebelum zaman penjajahan atau selepas zaman penjajahan. Selain itu dalam bab ini penulis juga menjelaskan bagaimana konsep pendidikan Islam, yang mencakupi tentang pengertian, tujuan, kurikulum dan pendidikan perempuan. Hal ini kerana institusi Perguruan Diniyah Puteri yang menjadi kajian ini adalah institusi pendidikan Islam dan berkait rapat dengan konsep pendidikan Islam.

## **2.2 KONSEP PENDIDIKAN ISLAM**

Kata konsep bermakna pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan, dan idea atau bermakna rancangan, rencana dan draf.<sup>1</sup> Konsep pendidikan Islam baik bermakna pendapat mahupun bermakna rancangan mengandungi pembahasan yang sangat luas. Di antaranya pengertian, tujuan, kurikulum, metodologi, penilaian pentadbiran, alat-alat, dan aspek pendidikan Islam yang lain. Tetapi dalam pembahasan ini, perbincangan hanya difokuskan pada pengertian, tujuan, kurikulum dan pendidikan wanita.

### **2.2.1 Pengertian Pendidikan Islam**

Dalam bahasa Arab, terdapat tiga istilah yang sering diertikan dengan pendidikan iaitu; “*tarbiyyah*”, “*ta’lim*” dan “*ta’dib*”. Perkataan “*tarbiyyah*” diambil dari kata akar “*rabba*” yang bermakna memberi makan, memupuk dan meningkatkan pertumbuhan jasmani dan rohani, sementara perkataan “*ta’lim*” berasal dari kata akar ““*allama*” bermakna memberi tanda dan mengajar. Adapun perkataan “*ta’dib*” berasal dari kata akar ““*addaba*” bermakna melatih, mengajar pelbagai adab, membalaq kejahatan dan menjinakkan.<sup>2</sup>

Menurut sebahagian pakar pendidikan istilah pendidikan diambil dari kata “*tarbiyyah*”, kerana dari segi bahasa, kata “*tarbiyyah*” berasal dari tiga kata, iaitu:

---

<sup>1</sup> Kamus Dewan, 1994. Ed. Ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.702.

<sup>2</sup> Muhammad Roihan (2005), *Pendidikan Islam di Pesantren*. Jakarta: Grafindo Persada, h.2.

pertama, kata “*raba-yarbu*” yang bermakna bertambah, bertumbuh, seperti yang terdapat dalam al-Quran surah al-Rum ayat 39:

وَمَا آتَيْتُم مِنْ رِبَّا لَيَرُبُّوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا  
يَرُبُّوا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُم مِنْ زَكْوَةٍ  
تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأَوْلَئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ



Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan Yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya Dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah Yang kamu berikan Dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka Yang melakukannya itulah orang-orang Yang beroleh pahala berganda-ganda.

Surah al-Rum [30]:39.

kedua, “*rabiya-yarba*” yang bererti menjadi besar, dan ketiga, dari kata “*rabba-yarubbu*” yang bererti memperbaiki, menguasai urusan, menuntun, menjaga, dan memelihara.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Abdurrahman al-Nahlawi (1996), *Pendidikan Islam di Rumah, Sekolah dan Masyarakat*. Shihabuddin (terj.), Jakarta: Gema Insani Press, h. 20.

Adapun dalam pendapat lain mengatakan bahawa istilah “*ta‘lim*” lebih luas dan mencakup daripada istilah “*tarbiyyah*”. Hal ini berasaskan kepada surah al-Baqarah ayat 30-33 dan ayat 151:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي  
 الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ  
 فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ  
 وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾  
 وَعَلَّمَ إِادَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى  
 الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِعُونِي بِاسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ  
 كُنْتُمْ صَدِيقِينَ ﴿٣١﴾ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ  
 لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ  
 قَالَ يَعَادُمُ أَنْبِعُهُمْ بِاسْمَاءِهِمْ فَلَمَّا  
 أَنْبَاهُمْ بِاسْمَاءِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ  
 غَيْبَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبَدِّونَ  
 وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٣٢﴾

[30]. Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak

menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu Dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang Yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal Kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa Yang kamu tidak mengetahuinya". [31]. Dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman: "Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan Yang benar". [32]. Malaikat itu menjawab: "Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa Yang Engkau ajarkan kepada kami; Sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana". [33]. Allah berfirman: "Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka". Maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah berfirman: "Bukankah Aku telah katakan kepada kamu, bahwasanya Aku mengetahui Segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa Yang kamu nyatakan dan apa Yang kamu sembunyikan?".

Surah al-Baqarah [2]:31-33.

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيْكُمْ رَسُولًا مِنْكُمْ يَتَلَوَّا  
 عَلَيْكُمْ إِعْلَمُكُمْ وَيُزَكِّيْكُمْ وَإِيَّنَا  
 الْكِتَبَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعْلَمُكُمْ مَا لَمْ تَكُونُوا  
 تَعْلَمُونَ

(Nikmat berkiblatkan Kaabah Yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami

mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa Yang belum kamu ketahui.

Surah al-Baqarah [2]: 151.

di mana istilah “*ta’lim*” dalam ayat-ayat diatas lebih luas dan universal daripada kata “*tarbiyyah*”. Sebab ketika Rasulullah s.a.w mengajarkan al-Quran kepada kaum Muslimin, baginda tidak hanya membuat mereka sekadar boleh membaca, tetapi membaca dengan renungan yang berisi pemahaman, tanggungjawab, dan amanah. “*ta’lim*” selanjutnya tidak berhenti pada pengetahuan yang lahiriah, juga tidak hanya sampai pada pengetahuan “*taqlid*”. “*ta’lim*” meliputi pula pengetahuan secara teori, mengulang kaji secara lisan dan suruhan untuk menerapkan pengetahuan itu. “*ta’lim*” juga mencakupi aspek-aspek pengetahuan lainnya dan kepakaran yang diperlukan dalam kehidupan serta pedoman berperilaku.<sup>1</sup>

Pada dasarnya pengertian pendidikan yang lebih luas adalah mencakup seluruh pengalaman. Dalam pengertian ini kehidupan adalah pendidikan, dan pendidikan adalah kehidupan. Sementara pendidikan dalam pengertian sempitnya adalah pengajaran, yakni bimbingan secara sedar oleh pendidik terhadap perkembangan jasmani dan rohani penuntut menuju keperibadian yang sempurna.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Abdul Fatah Jalal (1988), *Asas-asas Pendidikan Islam*. Herry Noer Ali (terj.), Bandung: Diponegoro, h. 27-31.

<sup>2</sup> Ahmad D Rimba (1989), *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: al-Maarif, h. 19.

Menurut Ahmad D Rimba pendidikan Islam adalah bimbingan jasmani dan rohani berdasarkan hukum-hukum agama Islam menuju kepada terbentuknya keperibadian utama menurut pandangan Islam atau memiliki keperibadian Muslim.<sup>1</sup>

Manakala Mushtafa al-Ghulayani berpendapat bahawa pendidikan Islam adalah menanamkan akhlak yang mulia ke dalam jiwa anak dalam masa pertumbuhannya dan menyiraminya dengan petunjuk dan nasihat, sehingga akhlak mereka menjadi salah satu kemampuan yang meresap dalam jiwanya dan mewujudkan keutamaan, kebaikan, dan cinta bekerja bagi kemanfaatan tanah air.<sup>2</sup>

Syed A. Naquib al-Attas memberikan pengertian bahawa pendidikan Islam adalah usaha yang dilakukan oleh pendidik terhadap anak didik untuk pengenalan dan pengakuan tempat-tempat yang benar dari segala sesuatu dari tatanan penciptaan, sehingga membimbing mereka ke arah pengenalan dan pengakuan akan tempat Tuhan yang tepat di dalam tatanan wujud dan keperibadian.<sup>3</sup>

Dari pendapat-pendapat pakar pendidikan di atas dapat diketahui beberapa hal terpenting yang terkandung dalam pengertian pendidikan Islam. Pertama, pendidikan Islam adalah hal yang mempunyai hubungan erat dengan jasmani dan rohani. Jasmani dan rohani ini tidak boleh dipisahkan satu sama lainnya, oleh sebab itu pendidikan terhadap keduanya mestilah seimbang. Kedua, pendidikan Islam harus memiliki nilai-nilai agama yang benar, oleh sebab itu pendidikan Islam tidak boleh mengabaikan

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, h. 19

<sup>2</sup> Zuhairini *et al.* (1995), *Filsafat Pendidikan Islam*. Jakarta: Bumi Aksara, h. 121.

<sup>3</sup> Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1984), *Konsep Pendidikan Dalam Islam*. Bandung: Mizan, h. 22.

agama sebagai sumber ilmu yang utama. Ketiga, pendidikan Islam menjadikan takwa sebagai matlamat tujuan. Hal ini kerana takwa itu sendiri yang akan menjadi benteng terhadap pengaruh-pengaruh yang tidak baik. Maka berdasarkan tiga hal ini dapat disimpulkan bahawa pendidikan Islam adalah bimbingan yang diberikan oleh seseorang agar ia berkembang secara maksimum sesuai dengan ajaran Islam yang sebenar.

### **2.2.2 Tujuan Pendidikan Islam**

Pada umumnya para pakar pendidikan Islam berpendapat bahawa tujuan pendidikan Islam adalah membentuk manusia yang sempurna, yakni memberikan kesedaran kepada manusia sebagai makhluk Allah S.W.T agar mereka tumbuh dan berkembang menjadi manusia yang berakhhlak mulia dan istiqamah dalam beribadah kepada-Nya. Antaranya adalah Muhammad Munir Mursi berpendapat pendidikan Islam bertujuan untuk melahirkan manusia yang sempurna.<sup>1</sup> Kemudian al-Abrasyi yang berpendapat memfokuskan kepada pembentukan manusia yang berakhhlak mulia.<sup>2</sup> Manakala Abdul Fatah Jalal menyatakan pendidikan Islam bertujuan menjadikan manusia sebagai hamba Allah.<sup>3</sup> Dan Muhammad Qutb dalam pandangannya pendidikan Islam adalah bertujuan melahirkan manusia yang bertakwa.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Muhammad Munir Mursi (1977), *al-tarbiyah al-islamiyyah usuluhā wa tatawwuruhā fi bilād al-arabiyyah*. Qahirah: Alam al-Kutub, h. 18.

<sup>2</sup> Muhammad Athiyyah al-Abrasyi (1993), *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*. Busthami Abdul Gani dan Djohar Bahry (terj.), Jakarta: Bulan Bintang, h. 10.

<sup>3</sup> Abdul Fatah Jalal (1988), *Asas-asas Pendidikan Islam*. Herry Noer Ali (terj.), Bandung: Diponegoro, h. 19.

<sup>4</sup> Muhammad Qutb (1988), *Sistem Pendidikan Islam*. Salman Harun (terj.), Bandung: Al Ma'arif, h. 21.

Pendapat para pakar pendidikan di atas sangat bersesuaian apabila dikaitkan dengan al-Quran dan hadis yang merupakan rujukan umat Islam. Pertama adalah melahirkan manusia yang bertakwa, hal ini bersesuaian sebagaimana dengan firman Allah :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ

Wahai orang-orang Yang beriman! bertakwalah kamu kepada Allah Dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan Dalam keadaan Islam.

Surah Ali ‘Imran [3]: 102

Kedua adalah menjadikan manusia sebagai hamba Allah, yang mana tujuan ini juga bersesuaian dengan firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَنَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Surah al-Dzariyat [51] : 56

Ketiga adalah menjadikan manusia yang berakhhlak mulia, hal ini bersesuaian dengan hadis nabi yang mengatakan:

إِنَّمَا بُعْثِتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak manusia.<sup>1</sup>

Menurut Ahmad Tafsir, manusia yang sempurna adalah manusia yang mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat sebagai berikut:<sup>2</sup>

- a) Memiliki jasmani yang sempurna yakni sihat, kuat dan berketerampilan.
- b) Memiliki akal yang cerdas dan pandai, yakni mampu menyelesaikan masalah secara cepat dan tepat, ilmiah dan filsuf, serta memiliki pengetahuan tentang sains dan falsafah.
- c) Memiliki hati yang takut kepada Allah, yakni melaksanakan perintah Allah dan menjauhi laranganNya dengan suka rela.

Sejajar dengan perbincangan tujuan pendidikan Islam yang dikemukakan di atas. Pendidikan harus bertujuan untuk mencapai pertumbuhan keperibadian manusia yang menyeluruh secara seimbang melalui latihan jiwa, intelek, diri manusia yang rasional, perasaan dan indera. Kerana itu pendidikan Islam harus mencapai segala aspeknya dan bersesuaian dengan ciri-ciri pendidikan Islam. Adapun ciri-ciri pendidikan Islam itu adalah sebagaimana berikut:

---

<sup>1</sup> Ahmad bin al-Husain bin Ali bin Musa al-Khusraujirdi al-Kurasani Abu Bakar al-Baihaqi (2003), *al-Sunan al-Kubra*, “*kitab al-syahadat*”. no. hadith 20782. j.10. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah, h.323.

<sup>2</sup> Ahmad Tafsir (2001), *Ilmu Pendidikan Dalam Perspektif Islam*. Bandung: Remaja Rosda Karya, h. 34-51.

- a) Mengajarkan manusia agar menjadi khalifah Tuhan di muka bumi dengan sebaik baiknya, iaitu melaksanakan tugas-tugas memakmurkan bumi sesuai dengan kehendak Tuhan.
- b) Mengajarkan manusia agar seluruh pelaksanaan kewajipan khalifah di muka bumi dilaksanakan dalam rangka beribadah kepada Allah, sehingga tugas tersebut terasa ringan dilaksanakan.
- c) Mengajarkan manusia agar berakhhlak mulia sehingga tidak menyalahgunakan peranannya sebagai khalifah.
- d) Membina akal, jiwa dan jasmani sehingga ia memiliki ilmu, akhlak dan kemahiran yang semua ini dapat digunakan dalam kedudukannya sebagai khalifah.
- e) Mengajarkan manusia agar dapat mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.<sup>1</sup>

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawa tujuan pendidikan Islam tidak sahaja membina kecerdasan semata, tetapi adalah mendidik akhlak dengan memperhatikan segi-segi kesihatan, pendidikan fizik dan mental, perasaan dan praktik mempersiapkan manusia menjadi bahagian masyarakat. Kerana itu pendidikan harus mencapai pertumbuhan manusia dalam segala aspeknya dan tujuan terakhir pendidikan Muslim terletak dalam kepatuhan yang sempurna dan konsisten kepada Allah baik secara peribadi, komuniti maupun manusia sejagat.

---

<sup>1</sup> Abudin Nata (2003), *Kapita Selekta Pendidikan Islam*. Bandung: Angkasa, h. 53-54.

### **2.2.3 Kurikulum Pendidikan Islam**

Salah satu unsur asas dalam mencapai tujuan pendidikan yang sempurna ialah dengan adanya perencanaan, iaitu merencanakan kurikulum yang akan diterapkan dan diajarkan secara sistematik. Penyusunan kurikulum merupakan salah satu program terpenting dalam proses pendidikan. Antara tujuan dan program harus ada kesesuaian dan kesinambungan, dan tujuan yang hendak dicapai harus tergambar di dalam program yang terdapat dalam kurikulum, bahkan program itulah yang menentukan tujuan yang hendak dicapai dalam proses pendidikan.

Menurut Samsul Nizar kurikulum adalah merupakan landasan yang digunakan pendidikan untuk membimbing peserta didiknya ke arah tujuan pendidikan yang diinginkan melalui pengumpulan sejumlah pengetahuan, kemahiran, dan sikap mental.<sup>1</sup> Ini bererti bahawa proses pendidikan Islam bukanlah suatu proses yang dapat dilakukan secara sewenang-wenangnya, tetapi hendaknya menjurus kepada konseptualisasi manusia transformasi sejumlah pengetahuan kemahiran dan mentaliti yang harus tersusun dalam kurikulum pendidikan Islam.

Para ahli falsafah Islam membahagi ilmu pengetahuan kepada beberapa jenis. Penjenisan yang mereka buat berbeza-beza, kerana penentuan jenis pengetahuan itu bergantung pada beberapa aspek dan pertimbangan yang menjadi dasar pandangan

---

<sup>1</sup> Samsul Nizar (2002), *Filsafat Pendidikan Islam, Pendekatan Historis, Teoritis, dan Praktis*. Jakarta: Kencana, h. 56.

mereka.<sup>1</sup> Sehubungan dengan penjenisan ilmu pengetahuan ini, Muhammad Fadil al-Jamali berpendapat bahawa semua jenis ilmu yang terkandung di dalam al-Quran harus diajarkan kepada manusia. Ilmu-ilmu tersebut adalah; ilmu agama, sejarah, falak, ilmu alam, ilmu jiwa, ilmu kedoktoran, ilmu pertanian, ilmu biologi, matematik, ilmu hukum dan perundangan, sosiologi, ilmu ekonomi, ilmu bahasa, dan ilmu-ilmu lain yang dapat membahagiakan manusia.<sup>2</sup>

Seiring dengan pandangan di atas, ‘Umar Muhammad al-Tumi al-Shaybani memberi gambaran tentang ciri-ciri kurikulum yang sepatutnya diterapkan di sekolah atau di universiti Islam iaitu sebagai berikut:<sup>3</sup>

- a) Mengutamakan mata pelajaran agama dan akhlak.
- b) Memperhatikan perkembangan aspek peribadi pelajar secara menyeluruh iaitu aspek jasmani, akal dan rohani.
- c) Memperhatikan keseimbangan antara individu dan masyarakat, dunia dan akhirat, jasmani, akal, dan rohani.
- d) Memperhatikan seni halus, seperti ukir, tulis indah, pendidikan jasmani, latihan militer, teknik, kemahiran dan bahasa asing berdasarkan bakat, minat dan keperluan pelajar.
- e) Mempertimbangkan perbezaan lingkungan dan kebudayaan masyarakat di mana pendidikan itu dilaksanakan.

---

<sup>1</sup> Hasan Langgulung (1992), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 13.

<sup>2</sup> Arifin H.M (1993), *Kapita Selekta Pendidikan (Islam dan Umum)*. Jakarta: Bumi Aksara, h. 186.

<sup>3</sup> ‘Umar Muhammad al-Tumi al-Shaybani (1975), *Falsafat al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Tripoli Libya: al-Manshat al-Shabiyyah, h. 355-357.

## 2.2.4 Pendidikan Wanita Menurut Agama Islam

Agama Islam tidak membezakan di antara lelaki dan wanita dalam kewajiban mencari ilmu dan melakukan pendalaman serta pengembangan ilmu pengetahuan; karena kewajiban menuntut ilmu dalam Islam berlaku bagi semua. Para ulama bersepakat bahawa dalil wajib menuntut ilmu yang terdapat dengan jelas menerusi hadis Nabi s.a.w. yang berikut melibatkan kaum wanita Muslimah.<sup>1</sup>

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Menuntut ilmu itu, fardu ke atas setiap orang Islam.<sup>2</sup>

Malah terdapat banyak arahan Baginda s.a.w. agar memberikan penekanan kepada pendidikan anak-anak perempuan. Antaranya sabda Rasulullah s.a.w.:

أَيُّمَا رَجُلٌ كَانَتْ عِنْدَهُ وَلِيْدَةٌ فَعَلَمَهَا فَأَحْسَنَ  
تَعْلِيمَهَا وَأَدَبَهَا فَأَحْسَنَ تَأْدِيبَهَا ثُمَّ أَعْتَقَهَا  
وَتَرَوَّجَهَا فَلَهُ أَجْرٌ

<sup>1</sup> Kamarul Azmi Jasmi (2008), *Wanita Dalam Dakwah dan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, h. 8.

<sup>2</sup> Muhammad bin Yazid al-Rabi'iyyi Ibnu Majah, dalam Saleh bin 'Abdu al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrahim (2000), *al-Kutub al-Sittah, Sunan Ibnu Mâjah*, "bâb fadlu al-'ulamâ' wa al-haththu 'ala talabi al-'ilmî". no. hadith 224. Riyad: Dar al-Salam, h.2491.

Mana-mana lelaki yang mempunyai anak perempuan, kemudian dia memberikan pendidikan yang terbaik dan mengajarkan adab sopan dengan sebaik-baik adab sopan lalu membebaskannya dan mengahwinkannya, maka baginya dua pahala.<sup>1</sup>

Di samping nas yang menegaskan hak-hak wanita mengenai pendidikan dan pengajaran agar wanita mampu melaksanakan tanggung jawabnya dengan baik, masih ada kaedah usul fikah yang mengatakan: “suatu kewajipan yang tidak akan sempurna kecuali dengan sesuatu perkara, maka perkara itu wajib kecuali dengannya, maka perkara tersebut (hukumnya juga) wajib.” Dalam hal ini, menuntut ilmu menjadi tanggung jawab yang asasi bagi wanita supaya mereka dapat melaksanakan segala perintah Allah SWT dan mampu menjauhi larangan-Nya dengan keilmuan yang dimilikinya.<sup>2</sup>

Dalam sejarah Islam wanita telah mendapat peluang yang sama dengan kaum lelaki di bidang ilmu. Pada zaman Rasulullah s.a.w. para wanita diberi peluang untuk berjemaah di masjid demi untuk mendengar ajaran Rasulullah s.a.w. berhubung dengan ilmu agama. Kesesakan di masjid *al-Nabawi* di Madinah dapat di atasi dengan menentukan sebuah pintu khas untuk para wanita kerana Islam melarang percampuran antara lelaki dan wanita. Pintu tersebut dikenali sebagai *bāb al-nisā'*. Inilah suatu fakta

---

<sup>1</sup> Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Yardizbah al-Bukhari, dalam Saleh bin 'Abdu al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrāhim (2000), *al-kutub al-Sittah, Sahih al-Bukhari*, “Kitab al-Nikah”. no. hadith 5083. Riyad: Dar al-Salam, h.440

<sup>2</sup> Kamarul Azmi Jasmi (2008), *Wanita Dalam Dakwah dan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, h. 8.

yang jelas membuktikan bahawa para wanita pada zaman Rasulullah s.a.w. sentiasa berusaha untuk melengkapi diri mereka dengan ilmu agama<sup>1</sup>.

Suasana masyarakat keilmuan di awal Islam seiring dengan perkembangan Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda. Baginda sendiri telah menjadikan rumahnya sebagai tempat untuk mempelajari al-Quran. Ia juga merupakan sekolah pertama dalam sejarah Islam.<sup>2</sup> Di sinilah lahirnya generasi al-Quran yang unggul.<sup>3</sup>

Selain daripada rumah Rasulullah s.a.w., *al-Arqam bin abi al-Arqam* juga telah menawarkan rumahnya yang terletak di atas bukit safa untuk dijadikan tempat menimba ilmu daripada Rasulullah s.a.w.<sup>4</sup> pemilihan rumah beliau ialah kerana ianya jauh dari Mekah. Oleh itu ia dapat mengelakkan perhatian daripada pihak musuh dari kalangan musyrikin Mekah.<sup>5</sup>

Selain daripada dua tempat tersebut, para sahabat akan pergi dari rumah ke rumah untuk mengajar membaca al-Quran kepada ahli keluarga sahabat yang lain yang baru memeluk Islam. Hal ini telah dibuktikan oleh sejarah di mana ketika ‘Umar r.a

---

<sup>1</sup> Abd. Ghani Shamsuddin (1993), *Tokoh Wanita Mithaliyah Kearah Melahirkan Wanita Perubah Sejarah*. Petaling jaya, Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd., h.25.

<sup>2</sup> ‘Ali ibn Jabir al-Hazbiy (1986), *Manhaj al-Da‘wah al-Nabawiyyah fi al-Marhalah al-Makkiyyah*. T.t.p: al-Zahra li al-I‘lam al-‘Arabiyy, h.182.

<sup>3</sup> Sayed Qutb (1979), *Petuntuk sepanjang jalan*. Shalehuddin (ter.) Kuala Lumpur: el-Ikhwan Enterprise, h.9.

<sup>4</sup> ‘Ali ibn Jabir al-Hazbiy (1986), *Manhaj al-Da‘wah al-Nabawiyyah*. Op.cit, h.184

<sup>5</sup> Ahmad Syalabi (1980), *Mausu‘at al-Tarikh al-Islamiyyah wa al-Hadarah al-Islamiyy*. cet. IX. T.t.p: Maktabah Nahdat al-Misriyyah, h.217.

memasuki rumah adiknya, *Fatimah bin al-khattab*, sahabat nabi yang bernama *khabbab bin al-Arth*<sup>1</sup> sedang mengajar mereka suami isteri membaca al-Quran.<sup>2</sup>

Syariat Islam telah memberi ruang untuk wanita mendapatkan ilmu bersama kaum lelaki. *Sayyidatuna khadijah* telah dipilih oleh Allah SWT untuk mempelopori gerakan kebebasan wanita. Kedudukannya sebagai murid pertama di sekolah Rasulullah s.a.w. merupakan pendorong utama kepada wanita seluruhnya untuk menimba ilmu selari dengan kaum lelaki selepas umat Islam berhijrah ke Madinah, peluang untuk mendapatkan ilmu bagi kaum wanita semakin meluas. Masjid-masjid mula dibangunkan. Ini termasuklah di *Quba'* dan di Madinah dijadikan sebagai gudang ilmu bagi kaum lelaki dan wanita. Walaupun kaum wanita diutamakan agar menunaikan solat di rumah sahaja, namun Rasulullah s.a.w. memerintahkan kaum lelaki agar membenarkan kaum wanita mereka pergi ke masjid untuk mendengar pengajian ilmu yang disampaikan oleh baginda.<sup>3</sup> Dalam suatu riwayat, Rasulullah s.a.w. telah keluar daripada majlis pengajiannya dengan ditemani oleh *Bilal* r.a untuk meninjau sekiranya wanita tidak mendengar suara baginda ketika menyampaikan ilmu tersebut.<sup>4</sup> Inilah salah satu contoh sifat keprihatinan baginda terhadap pengajian Muslimat.

Di samping itu, Rasulullah s.a.w. telah menyediakan majlis pengajian ilmu khusus untuk kaum wanita sahaja. Ini bertujuan agar ianya lebih berkesan. Sejarah telah

<sup>1</sup> Beliau adalah sahabat yang terawal memeluk islam. Lihat ‘Ali ibn Jabir al-Hazbiy (1986), *Manhaj al-Da‘wah al-Nabawiyyah*. Op.cit, h.354.

<sup>2</sup> Muhammad Husayn Haykal (1364), *al-Faruq ‘Umar*, Qaherah: Matba‘ah Misr Syarikah Musalamah Misriyyah, h.42.

<sup>3</sup> ‘Abi Muhammad ‘Abdul Malik ibn Hisyam (1955), *al-Sirah al-Nabawiyyah*. cet. II. Misr: Syarikah Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 284.

<sup>4</sup> Muhammad bin Isma‘il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari (t.t), *Sahih al-Bukhari*. T.t.p: Dar Ihya’ al-Thurath al-‘Arabi, h.35.

mencatatkan *sahābiyyah* meminta satu kuliah pengajian khusus bagi kaum perempuan.

Hal ini terdapat dalam satu riwayat:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ جَاءَتْ اِمْرَأَةٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ  
فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ ذَهَبَ الرِّجَالُ بِحَدِيثِكَ  
فَاجْعَلْ لَنَا مِنْ نَفْسِكَ يَوْمًا نَأْتِيكَ فِيهِ تُعْلِمُنَا  
مِمَّا عَلِمَكَ اللَّهُ

Dari Abi Sa‘id al-Khudri berkata sekumpulan wanita berkata kepada rasulullah s.a.w.: “wahai Rasulullah s.a.w., kaum lelaki telah mendahului kami untuk mendapatkan ilmu daripadamu. Oleh itu, khususkanlah satu hari agar engkau dapat mengajar kami perkara yang datang kepadamu.”<sup>1</sup>

Lantas baginda menyediakan hari yang tertentu untuk berjumpa mereka dan memberikan nasihat serta menyampaikan sebarang perintah.<sup>2</sup>

Gabungan di antara perhatian daripada Rasulullah s.a.w. serta semangat yang ditunjukkan oleh para *sahābiyah* telah melahirkan tokoh-tokoh cendekiawan yang unggul. Hal ini dijelaskan oleh *al-balādzuri* yang meriwayatkan selain daripada 17 lelaki

<sup>1</sup> Muhammad bin Isma‘il Abu ‘Abdu al-lah al-Bukhari, dalam Saleh bin ‘Abdu al-‘Aziz bin Muhammad bin Ibrahim (2000), al-Kutub al-Sittah, Sahih al-Bukhari, “Kitab al-Ikhtisam bi al-Kitab wa al-Sunnah”. no. hadith 7310. Riyad: Dar al-Salam, h.609.

<sup>2</sup> Muhammad bin Isma‘il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari (t.t), Sahih al-Bukhari, *Op.cit.*, h. 35.

*quraisy*<sup>1</sup> yang boleh membaca dan menulis terdapat beberapa orang wanita yang pandai menulis dan membaca. Ini termasuklah *Hafṣah bin ‘Umar al-Khattāb*, ‘Aisyah dan *Karīmah binti Miqdād Syifā’ binti ‘Abdu al-Lāh al-‘Adawiyah*,<sup>2</sup> dan *Ummu Kalthum binti ‘Ukbah*. Manakala *Sayyidatunā ‘Aisyah binti Sa’d* dan *Ummu al-Mu’mīnīn* pada mulanya hanya pandai membaca sahaja.<sup>3</sup> Mereka telah menjadi guru sejak zaman jahiliah hingga mereka memeluk Islam. Sumbangan tidak ternilai daripada mereka ialah membasmi buta huruf di kalangan wanita.

Jadi di dalam sejarah Islam sendiri, aktiviti mengajar dan belajar juga dipelopori oleh kaum wanita. Mereka dibolehkan mengajarkan ilmu yang bermanfaat kepada wanita lainnya, seperti menulis dan membaca. Sebaliknya mereka juga dibolehkan mempelajari ilmu-ilmu tersebut, kerana ajaran agama Islam sendiri telah mewajibkan mereka untuk menuntut ilmu sebagaimana kaum lelaki telah di wajibkan.

Maka peranan yang telah dilakukan institusi Perguruan Diniyah Puteri dalam mengajarkan ilmu yang bermanfaat di kalangan kaum wanita adalah suatu kesyukuran dan nikmat yang besar yang telah Allah SWT berikan kepada umat Islam. Hal ini kerana hanya segelintir kaum wanita yang dapat menikmati pendidikan yang baik pada masa penjajahan. Namun dengan kemunculan Perguruan Diniyah Puteri, pintu kejahilan dan keterbelakangan itu dapat mereka lawan sedikit demi sedikit.

<sup>1</sup> Mereka ialah ‘Umar al-khattāb, ‘Ali bin Abu Talib, ‘Uthmān bin Affān, ‘Abdu al-Lāh bin Jarrah, Talhāh, Yazid bin Abi Sufiyah, Abu Huzaifah bin ‘Utbah, Hatib bin ‘Amru, Abu Salāmah, ‘Abban bin Sayid Khālid bin Sa‘id, ‘Abdu al-Lāh bin Sa‘id, Huwaytib bin ‘Abdu al-‘Uzza, Abu Sufiyan bin Harb, Mu‘awiyah bin Abu Sufiyan, Juhain bin Salt dan ‘Alla bin al-Hadrami.

<sup>2</sup> *Shifā’* merupakan salah seorang *sahābiyyah* terawal menerima Islam dan beliau tahu menulis dan membaca sebelum Islam datang ke Mekkah lagi.

<sup>3</sup> Abu al-‘Abbas, Ahmad bin Yahya bin Jabir al-Balazuri (1983), *futūh al-buldān*. Beirut: Dar al-kutub al-‘Ilmiyyah. h.458.

## **2.3 KEDUDUKAN WANITA DALAM MASYARAKAT MINANGKABAU**

### **2.3.1 Kedudukan Geografi Minangkabau**

Minangkabau merupakan satu daratan tinggi yang biasa disebut orang zaman dahulu dengan Padang Darat, yang dipisahkan dari Tanah Rantau oleh satu jajaran bukit-bukit yang dinamakan Bukit Barisan. Di dataran tinggi itu terletak enam gunung yang tinggi: Merapi, Singgalang, Sago, Pasaman, Talang dan Kurinci, yang oleh masyarakatnya selalu dijadikan kemegahan negerinya.<sup>1</sup> Masyarakat Minangkabau menyebut seluruh daerah aslinya dengan sebutan *Alam Minangkabau*. Tetapi saat ini pengertian alam Minangkabau itu dalam kehidupan sehari-hari sudah tidak dipergunakan lagi. Dan untuk menamakan Alam Minangkabau tersebut digunakan nama Sumatera Barat, karena di kawasan itulah orang Minangkabau sebahagian besar hidup dan menjalankan peraturan adatnya yang selalu dipegang teguh.<sup>2</sup>

Sumatera Barat itu meliputi kawasan seluas 18 000 batu persegi yang terletak secara memanjang dari utara ke selatan di antara Lautan Hindi dengan banjaran gunung Bukit Barisan. Bahagian dalaman Sumatera Barat sebahagian besarnya, terdiri daripada bukit-bakau yang mempunyai beberapa kawasan tanah datar yang tinggi, sementara bahagian pantainya yang panjang membujur merupakan kawasan tanah rata yang terdapat paya di sana sini. Tanah di Sumatera Barat pada amnya subur dan pertanian

---

<sup>1</sup> Muhammad Radjab (1969), *Sistem Kekerabatan di Minangkabau*. Padang: Center For Minangkabau Studies Press, h. 31

<sup>2</sup> Mardanas Safwan dan Sutrisno Kutoyo (1981), *Sejarah Pendidikan Sumatera Barat*. Proyek Inventarisasi Dan Dokumentasi Kebudayaan Sumatera Barat, h. 16.

yang diusahakan berbagai-bagai jenis. Padi merupakan hasil pertanian yang utama. Getah, kelapa kering, kopi, gambir, kulit kayu manis, dan cengkih adalah antara hasil tanaman terpenting untuk jualan. Tanaman seperti jagung, cili, kacang tanah dan kubis juga diusahakan sekali setahun; hasil-hasil ini dijual di sekitar Sumatera Barat. Di samping pertanian, perusahaan kraf tangan seperti anyaman diusahakan dengan meluasnya di beberapa bahagian pedalaman.<sup>1</sup>

### **2.3.2 Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat**

Menurut Alfian Dewi Fortuna masyarakat Minangkabau menempatkan perempuan pada kedudukan yang istimewa. Tidak seperti sebahagian besar masyarakat lainnya di Indonesia yang mempunyai tradisi nasab bapa, namun masyarakat Minangkabau mengamalkan tradisi nasab ibu, yakni keturunan dan pembentukan kumpulan keturunan dikira melalui nasab perempuan.<sup>2</sup> Oleh sebab itu dalam masyarakat Minangkabau kedudukan seorang perempuan sangat penting. Anak perempuan dalam keluarga sangat diharapkan, kerana dari dia lah nantinya keturunan akan berkembang. Bila suatu keluarga tidak mempunyai keturunan seorang anak perempuan, maka keluarga tersebut dianggap akan punah dalam masyarakat walaupun mempunyai anak-anak lelaki, sebab yang melanjutkan keturunan tidak ada lagi.

---

<sup>1</sup> Tsuyoshi Kato (1989), *Nasib Ibu dan Merantau, Tradisi Minangkabau Yang Berterusan di Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2-4.

<sup>2</sup> Alfian Dewi Fortuna Anwar (1983), *Wanita Dalam Masyarakat Minangkabau*. Jakarta: Yayasan Bunda, h.8.

Tradisi ini mempunyai nilai yang tinggi, kerana itu setiap masyarakat Minangkabau menghormati kaum wanita, melindungi dan tidak memperlakukannya semena-mena. Berbuat aib kepada wanita sangat tercela sekali dan merupakan kesalahan besar. Oleh sebab itu dalam adat istiadat Minangkabau, kedudukan perempuan harus dimuliakan, ditinggikan dan dilindungi oleh semua orang Minangkabau.

Mengenai kedudukan perempuan Minangkabau ini, Hermayulis salah seorang pengkaji tentang sistem matrilineal Minangkabau mengemukakan bahawa terdapat tiga kedudukan yang sangat istimewa bagi kaum wanita dalam undang-undang adat Minangkabau, iaitu sebagaimana berikut:<sup>1</sup>

a. Penentu nasab (zuriat) keturunan

Semua anak yang lahir daripada nasab ibu akan memperoleh suku ibu dan tidak menurut suku bapak. Dalam sistem ini, hubungan antara anak dan keluarga ibu adalah lebih akrab daripada keluarga bapa. Selanjutnya, pendidikan dan perilaku anak lebih kuat dipengaruhi dan diwarnai perilaku dan kebiasaan yang terdapat di lingkungan keluarga ibu.

b. Limpapeh rumah gadang

*Limpapeh rumah gadang* bererti perempuan yang berkedudukan sebagai penguasa *rumah gadang*. Perempuan mempunyai rumah tempat kediaman. Bagi perempuan Minangkabau, mempunyai rumah adalah perkara utama.

---

<sup>1</sup> Hermayulis (2008), *Peranan dan Kedudukan Perempuan Melayu Dalam Masyarakat Matrilineal Minangkabau di Sumatera Barat*. Jakarta: Fakultas Hukum Universitas YASRI, h. 81.

*Mamak* atau saudara lelaki di Minangkabau tidak akan berpuas hati selagi belum mampu membina rumah untuk saudara perempuannya.

c. Pemilik harta pusaka

Pemilikan harta, terutamanya tanah dan apa sahaja yang terdapat di atas tanah itu, termasuk rumah, adalah hak milik perempuan. Harta itu berfungsi sebagai sumber ekonomi. Sumber ekonomi yang diutamakan perempuan adalah sawah, ladang dan kolam ikan. Semua harta benda yang berkait dengan tanah itu dimiliki perempuan, sementara lelaki bertanggung jawab untuk mengurus, mengawas, dan memeliharanya untuk kepentingan keluarga. Bagi keluarga Minangkabau lelaki memainkan peranan dan tanggung jawab untuk menambah harta benda milik keluarga.

Namun menurut Aminuddin Rasyad, dalam kenyataan hidup sosial yang dihadapi oleh kaum wanita Minangkabau tidaklah demikian, kerana mereka telah terkongkong dalam rumah tangga. Apabila meningkat remaja, seorang perempuan diberi satu bilik di dalam rumah dan tidak dibolehkan lagi meninggalkan rumah tanpa ditemani oleh seorang yang lebih tua dari keluarganya. Maksudnya, ia harus bersama-sama dengan keluarganya dan tidak dibenarkan pergi seorang diri. Tingkah lakunya yang tidak baik akan terus diperingatkan dari semasa ke semasa, misalnya tidak boleh mendengarkan percakapan orang tua, ia harus pergi dari hadapan mereka. Bila ia sedang duduk di dalam rumah kemudian tetamu datang, ia harus segera pergi dari sana. Ia tidak

boleh lagi berdiri di hadapan rumah, mengintip atau melihat orang yang lalu di jalan, menaiki basikal dan memakan buah-buahan tertentu.<sup>1</sup>

Kenyataan lainnya yang dialami oleh kaum perempuan adalah apabila masa berkahwin bagi seorang perempuan telah tiba, beberapa orang mamak (bapa saudara sebelah ibu), bapa, ibu dan saudara mara lain-lainnya sama-sama terlibat dalam usaha memilih teman hidup yang sesuai. Lazimnya seorang perempuan tidak ditanya lebih dahulu, apakah dia suka atau tidak dikahwinkan dengan calon suami yang dicarikan oleh keluarganya. Dia mengetahui akan dikahwinkan, hanya ketika melihat ramai orang di rumahnya mengadakan persiapan kenduri, dan dari percakapan perempuan-perempuan di sekitarnya yang biasanya suka berbisik-bisik itu diketahuinya. Jika pilihan keluarganya tidak disukainya, dia tidak boleh menolaknya.<sup>2</sup> Dalam hal ini Muhammad Radjab memberi analisa bahawa perkahwinan itu oleh orang Minangkabau dianggap sebagai suatu hal yang diharuskan. Sebabnya adalah kerana sangatlah memalukan jika seorang gadis remaja belum kahwin.<sup>3</sup>

Sebagai akibat istiadat yang demikian, dalam usia muda seorang perempuan telah dikahwinkan dengan lelaki yang belum dikenalinya dan dalam perbezaan usia yang jauh berbeza. Iaitu sebagaimana pula yang disebutkan oleh Muhammad Radjab bahawa biasanya gadis remaja yang masih muda betul telah dikahwinkan, kerana keluarganya

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyah Puteri*, op.cit, h. 94. Dan Tsuyoshi Kato (1989), op.cit, h. 41.

<sup>2</sup> Muhammad Radjab (1969), op.cit,h. 45. Dan Tsuyoshi Kato (1989), op.cit,h. 41.

<sup>3</sup> Muhammad Radjab (1969), op.cit, h. 42.

merasa malu menyimpan seorang gadis remaja di rumahnya dan khawatir dikatakan orang bahawa anak perempuannya tidak laku-laku.<sup>1</sup>

Setelah seorang perempuan berkahwin dan menjadi isteri dan ibu bagi anak-anaknya, kedudukannya berubah menjadi seorang Bundo Kanduang, iaitu ibu sejati yang memiliki sifat-sifat keibuan dan kepemimpinan.<sup>2</sup> Idrus Hakimy menjelaskan bahawa kedudukan perempuan yang disebut Bundo Kanduang dalam rumah tangganya adalah orang yang bertanggung jawab atas rumah tangganya dan kehidupan perekonomian keluarga. Di tangannya terletak kunci kebahagiaan, sehingga ia menjadi contoh bagi masyarakat. Ia diagungkan, sehingga setiap orang dalam keluarga tidak ingin berpisah dengannya.<sup>3</sup>

Dalam kenyataan yang berlaku dalam masyarakat Minangkabau, apabila seorang perempuan menjadi Bundo Kanduang maka perekonomian rumah tangga berada dalam tanggungjawabnya, dan kepadanya dipercayakan memegang dan mengendalikan sumber ekonomi seperti sawah dan kebun. Bahkan pemasaran hasil pertanian langsung dilakukannya sendiri dan sering pula keperluan suaminya ia pula yang mengaturnya. Bahkan Haji Abdul Malik Karim Amrullah sendiri pernah menceritakan bahawa di kawasan-kawasan yang kuat adatnya di Minangkabau, seorang isteri malu meminta wang kepada suaminya, kerana perbuatan demikian akan memberi malu kaum

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, h. 42.

<sup>2</sup> Idrus Hakimi DT. Rajo Penghulu (1978), *Puku Pegangan Bundo Kanduang Di Minangkabau*. Bandung: CV Rosda Bandung, h. 1.

<sup>3</sup> *Ibid.*, h. 4. Dan Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyah Puteri*, *op.cit*, h. 98.

keluarganya.<sup>1</sup> Dalam hal ini juga Tsuyoshi mengatakan bahawa dari segi ekonomi tanggungjawab suami terhadap isteri dan anak-anaknya adalah paling minimum. Kecuali sekali-skala pada masa-masa tertentu seperti istiadat *turun mandi* bila seorang bayi dimandikan untuk kali pertamanya, berkhatan, dan perkahwinan, bila suami dikehendaki memberi hadiah. Si isteri serta anak-anak disara oleh harta pusaka yang disediakan oleh seorang *tunganai*.<sup>2</sup>

Sekarang apabila usia seorang perempuan telah menginjak tua, ia akan digolongkan kepada orang tua-tua dan kedudukannya mulai berubah dan tidak setinggi selagi ia masih muda. Menurut pendapat Rasyad perempuan yang sudah tua umurnya akan berperan sebagai penasihat, sumber informasi dan lambang keluarga, kerana masih terdapat seorang tua dalam keluarga. Fungsinya sebagai Bundo Kanduang telah berkurang dan digantikan oleh anak perempuannya yang telah bersuami. Namun demikian, ia masih merupakan faktor penentu dalam suatu musyawarah, dasar fikirannya masih diminta, terutama bila ia adalah isteri seorang mamak atau isteri seorang penghulu.<sup>3</sup>

Dariuraian di atas, dapat dilihat bahawa kedudukan wanita di Minangkabau tidak sebagaimana yang telah ditentukan oleh hukum adat Minangkabau, iaitu

---

<sup>1</sup> Haji Abdul Malik Karim Amrullah (1963), *Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi*. Jakarta: Tekat, h. 33.

<sup>2</sup> Tsuyoshi Kato (1989), *op.cit*, h. 42. *Tunganai*: Ialah ketua saparuik (sebahagian daripada satu kumpulan zuriat dari satu perut) atau mamak rumah yang biasanya ialah anggota lelaki yang tertua rumah. Dia bertanggung jawab bagi kelakuan, kebijakan dan kedamaian saparuiknya. Secara khususnya, dia bertanggung jawab dan terpaksa menjaga dan melindungi semua harta saparuik mengikut peraturan adat. Bersama-sama dengan anggota lelaki lain dalam rumah, dia diharapkannya supaya menambah harta saparuiknya dan menjamin kesejahteraannya.

<sup>3</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyah Puteri*, *op.cit*, h.102.

kedudukan perempuan harus dimuliakan, ditinggikan dan dilindungi oleh semua orang Minangkabau. Namun dalam kenyataan hidup sosial yang dihadapi oleh kaum wanita Minangkabau mereka telah terkongkong dalam rumah tangga sehingga mereka berada dalam lembah yang tidak menguntungkan. Adapun sebab-sebab yang mengakibatkan sehingga keadaan wanita menjadi demikian, penulis sangat setuju dengan analisis yang dibuat oleh Fitriyanti, iaitu kerana kaum wanita di Minangkabau terlalu dilindungi, akhirnya mereka justeru dianggap kaum yang lemah, sehingga mereka dilarang bekerja, merantau dan menuntut ilmu.<sup>1</sup>

## **2.4 SEJARAH PENDIDIKAN DI SUMATERA BARAT**

### **2.4.1 Sejarah Pendidikan Sebelum Penjajahan**

Sebelum zaman penjajahan di Sumatera Barat iaitu awal abad ke-19 M, pendidikan anak-anak tidak teratur, hanya diberikan tersambil dan sewaktu waktu apabila anak-anak itu memperlihatkan tingkah laku dan kelainan yang tidak dipersetujui oleh pendapat umum di dalam persekitaran. Jika seorang anak berbuat tidak seperti yang diharapkan oleh orang dewasa, ia dipanggil dan diajarkan oleh bapa saudara sebelah ibu atau sebagaimana yang mereka gelar dengan *mamak*. Kerana yang mempunyai tanggungjawab mengawasi anak-anak menurut istiadat Minangkabau adalah ibu dan *mamak*-nya. Sedangkan tanggungjawab seorang bapa terhadap anak-anaknya adalah

---

<sup>1</sup> Fitriyanti (2005), *Rohana Kuddus: Wartawan Perempuan Pertama Indonesia*. Jakarta: Yayasan d'Nanti, h. 18.

paling minimum.<sup>1</sup> Oleh sebab itu anak-anak selalunya takut kepada *mamak* yang tegas dalam mendisiplinkan mereka dan menghukum anak-anak yang melakukan kesalahan.

Berkenaan dengan hal di atas Muhammad Radjab mengatakan bahawa apabila anak-anak mulai meningkat dewasa, maka kepada mereka diajarkan kepandaian-kepandaian orang tua dulu-dulu, iaitu kepandaian yang dikehendaki oleh ibu dan *mamaknya* yang akan dipergunakan dalam perjuangan hidup mereka kelak. Jika *mamaknya* bertani atau bermiaga, atau tukang atau guru agama, maka dikehendaki dan disuruhnya anak-anak tadi mengikuti jejaknya, kerana setiap orang menganggap pekerjaannya lebih ideal.<sup>2</sup>

Mereka mulai diajar mengerjakan tanah, atau membantunya bermiaga, belajar menjadi tukang kayu, tukang tembok, pandai emas, pandai besi, atau menuntut ilmu agama di surau-surau. Pada waktu itu bertambah banyaklah petunjuk dan nasihat yang diberikan kepadanya, tentang bagaimana seharusnya orang hidup di dunia.

Lain halnya dengan anak-anak perempuan yang meningkat matang, mereka dipaksa sedikit demi sedikit membantu ibunya di dapur dan mengurus rumah tangga, belajar memasak sedikit demi sedikit, menjahit, menyulam, pendeknya semua kepandaian yang patut dipunyai oleh seorang isteri. Gadis yang enak masakannya dan bersih rumah serta pakaianya, serta pandai mengasuh adik-adiknya. Pendeknya setiap

---

<sup>1</sup> Muhammad Radjab (1969), *op.cit*, h. 31.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h.33.

gadis diberi latihan-latihan asas rumah tangga supaya kelak menjadi isteri yang serba boleh.

Menurut Mardanas dan Sutrisno pendidikan di Minangkabau yang disampaikan secara lisan dari generasi ke generasi melalui latihan dalam kehidupan sehari-hari ada sekitar lima jenis pendidikan. Pertama adalah pendidikan penghulu; penghulu adalah suatu jabatan dalam adat Minangkabau yang mengetuai suatu kaum, yang dipilih oleh anggota kaumnya secara musyawarah dan muafakat. Oleh karena itu, seorang penghulu diharuskan mengetahui tentang masalah adat Minangkabau dengan baik, kerana kepadanya akan diserahkan memegang kekuasaan adat tertinggi dalam kaum tersebut. Dialah yang akan menjaga hal ehwal pelaksanaan adat di dalam kaumnya itu. Tanpa pengetahuan adat yang baik seorang Penghulu tidak akan dapat mengatur kaumnya dengan sempurna.<sup>1</sup>

Kedua adalah pendidikan silat; kepandaian ini dapat diikuti oleh setiap pemuda Minangkabau yang dapat memenuhi pensyaratannya yang telah ditetapkan oleh guru atau perkumpulan. Biasanya setiap negeri di Minangkabau ada sebuah perkumpulan silat bela diri yang diikuti oleh pemuda dari negeri yang berkenaan. Perkumpulan silat bela diri dinamakan sesuai dengan nama gurunya, atau nama tempat di mana perguruan itu didirikan.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Mardanas Safwan dan Sutrisno Kutoyo (1981), *op.cit*, h. 16.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 20.

Ketiga adalah pendidikan pengubatan; ilmu pengubatan tradisional Minangkabau biasanya juga merupakan ilmu yang turun temurun. Berbeza dengan pewarisan harta pusaka atau gelar pusaka, maka ilmu pengubatan dapat diwariskan kepada anak di samping kepada kemenakan atau cucu. Cara mewariskan pengubatan itu memakan waktu yang lama, biasanya seorang anak kecil sudah dilatih dengan bermacam-macam ilmu tentang pengubatan, dan pengertian tentang bermacam istilah dalam pengubatan.<sup>1</sup>

Keempat adalah pendidikan tukang; yang dimaksudkan tukang adalah orang yang mahir dalam tukang kayu, tukang batu, pandai besi, dan tukang ukir. Setiap kepandaian tersebut memerlukan keahlian khusus untuk menguasainya. Tanpa latihan yang cukup kepandaian ini tidak mudah dimiliki seseorang dan cara mewariskan harus melalui latihan yang cukup. Kepandaian seperti ini tidak merupakan kepandaian pusaka, tetapi biasanya diturunkan kepada beberapa orang yang masih merupakan anak atau kemenakan. Yang dapat mencapai peringkat kepandaian tinggi biasanya hanya satu orang dan yang lain hanya akan menjadi pembantu yang satu orang ini.<sup>2</sup>

Kelima adalah pendidikan sastera; iaitu sastera lisan yang terdiri dari bermacam-macam bentuk seperti : peribahasa, pantun atau pantun adat, dan kaba.<sup>3</sup>

Selain pendidikan yang telah disebutkan di atas terdapat pendidikan lain yang juga berkembang dengan pesat dalam masyarakat Minangkabau sebelum masa penjajahan datang, iaitu pendidikan Islam. Pendidikan Islam ini telah dimulai semenjak

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, h.23.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h.25.

<sup>3</sup> *Ibid.*, h.26.

kedatangan Islam ke Minangkabau. Maka hal ini bermakna bahawa apabila Islam itu telah masuk ke kawasan Minangkabau pada tahun 1215 M, bererti pendidikan Islam sudah bermula semenjak itu.<sup>1</sup>

Pada tahap awal, pendidikan Islam di Minangkabau berlangsung secara tidak formal. Perhubungan peribadi antara mubaligh dan masyarakat sekitar tidak terancang secara jelas. Isi pergaulan dan percakapan sehari-hari biasanya mengandungi unsur-unsur pendidikan, seperti nasihat dan tauladan yang diberikan oleh para mubaligh dan ia merupakan satu tarikan kepada masyarakat sekitar untuk memeluk agama Islam.

Dahulunya, kerajaan Aceh merupakan salah satu pusat pengembangan agama Islam serta ajarannya di Sumatera. Ramai murid yang datang ke Aceh untuk menuntut dan memperdalam ilmu pengetahuan tentang Islam, yang datang dari seluruh pelosok Indonesia, dan dari luar negeri. Salah seorang di antaranya berasal dari Ulakan, Pariaman, Sumatera Barat, yang menuntut ilmu pada Syekh Abdulrauf<sup>2</sup>, seorang ulama yang terkenal pada waktu itu di Aceh yang sangat mendalam ilmunya tentang Islam, dan mempunyai murid yang datang dari pelbagai penjuru.

---

<sup>1</sup> Mahmud Junus (1960), *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Pustaka Mahmudah, h. 15.

<sup>2</sup> Nama lengkapnya ialah Aminuddin Abdul Rauf bin Ali Al-Jawi Tsumal Fansuri As-Singkili, lahir di Fansur lalu dibesarkan di Singkil pada awal abad ke-17 M. Adalah seorang ulama besar Aceh yang terkenal. Ia memiliki pengaruh yang besar dalam penyebaran agama Islam di Sumatera dan Nusantara pada umumnya. Sebutan gelarnya yang juga terkenal ialah Teungku Syiah Kuala (dalam bahasa Aceh, artinya Syekh Ulama di Kuala). Abdul Hadi WM (2006), “Aceh dan Kesusteraan Melayu”, dalam Sardono W. Kusumo (ed.), *Aceh dalam lintasan Sejarah*. Jakarta: IKJ Press, h. 173-276.

Setelah murid dari Ulakan tadi tamat belajar, dia diberi gelaran Syekh Burhanuddin<sup>1</sup>, yang kembali ke Ulakan dan pada tahun 1680 M kemudian mendirikan sebuah surau di sana. Surau itu dijadikan sebagai pusat pendidikan agama Islam yang banyak didatangi murid dari seluruh daerah Minangkabau. Pada mulanya, rata-rata murid Syeikh Burhanuddin adalah terdiri daripada penduduk sekitar surau tersebut, namun kemudian murid-muridnya kian bertambah ramai sehingga ada yang datang dari luar kawasan Minangkabau.

Menurut Sidi Gazalba surau itu pada mulanya merupakan tempat kebudayaan asli Minangkabau, tetapi setelah Islam datang, ia berubah menjadi bangunan Islam dan pusat pendidikan. Dahulunya, bangunan ini berfungsi sebagai tempat bertemu, berkumpul, musyawarah, dan tempat tidur bagi pemuda-pemuda. Namun setelah kedatangan Islam surau itu berfungsi sebagai tempat solat lima waktu, tempat mengaji, tempat belajar agama, tempat merayakan hari raya besar Islam dan lainnya. Pendeknya banyak tugas-tugas masjid yang dikerjakan oleh surau, bahkan apabila fungsi surau tadi sebagai tempat belajar semakin maju maka surau tersebut menjadi madrasah atau pondok.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Beliau dilahirkan pada tahun 1646 M dan wafat pada tahun 1692 M. Pada waktu kecil, nama yang dipakainya ialah Pono. Beliau meninggalkan kampung halamannya, Sintuk lalu merantau ke Tapakis. Di sana beliau berguru kepada seorang ulama bernama Yahyuddin yang lebih terkenal dengan panggilan Tuanku Madinah. Di atas cadangan gurunya itu, beliau berangkat ke Aceh untuk menadah kitab kepada Syeikh Abdur Rauf Ali al-Fansuri. Setelah sekian lama beliau belajar dengan ulama besar itu, Burhanuddin kemudiannya berangkat ke Tanah Arab. Sekembalinya dari Tanah Arab, beliau mendirikan surau Syatariyyah di Ulakan. Ada juga pendapat lain yang menyatakan bahawa setelah menyelesaikan pengajiannya di Aceh, beliau langsung pulang ke Ulakan dan mendirikan surau pengajian. M. Shaleh Putuhena (2007), *Historiografi Haji Indonesia*. Jakarta: LKIS, h.118.

<sup>2</sup> Sidi Gazalba (1975), *Mesjid, Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam*. Jakarta: Pustaka Antara, h. 291-293.

Saat sekarang pengertian surau itu popular sebagai tempat salat, sama ada di Indonesia ataupun di Malaysia. Akan tetapi pengertian surau pada mulanya di Sumatera Barat berkait rapat dengan budaya tempatan. Jika dipandang dari segi budaya di Sumatera Barat keberadaan surau sebagai tanda wujudnya budaya Minangkabau yang matriark. Anak lelaki yang sudah akil baligh, tidak dibenarkan tinggal di rumah orang tuanya, sebab saudara-saudara perempuannya akan berkahwin, dan di rumah itu akan datang laki-laki lain yang menjadi suami dari saudara perempuannya.<sup>1</sup>

Dalam perkembangannya, surau kemudian dimanfaatkan untuk mendidik setiap lelaki Minangkabau. Di surau anak-anak bujang itu belajar silat, dan bergaul dengan anggota lainnya. Surau juga dijadikan seperti hotel bagi orang-orang bermusafir. Orang Minang sangat menghormati tetamunya, tetapi mereka tidak dibenarkan tidur di rumahnya.

Setelah Islam masuk ke Minangkabau, orang-orang dari kawasan negeri Siak datang bersama pedagang ke pedalaman Minangkabau sambil menyebarkan agama Islam. Mereka diterima oleh orang Minangkabau sebagai tetamu tetapi harus tidur di surau. Di sinilah proses pendidikan Islam berlangsung. Sehingga surau dengan orang Siak adalah pusat dari penyebaran Islam di Minangkabau. Dari surau-surau itulah kemudian lahir ulama-ulama besar Minangkabau.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Haydar Putra Daulay (2009), *Dinamika Pendidikan Islam di Asia Tenggara*. Jakarta: Rineka Cipta, h.15.

<sup>2</sup> Wirsan Hadi (2007), *Sejarah Perkembangan Surau di Minangkabau*. Materi Pelatihan Pemberdayaan Gerakan Kembali Ke Surau oleh Biro Pemberdayaan Sospora Sekretaris Daerah Prov. Sumbar 15-17 Juli 2007, Padang, h.2.

## 2.4.2 Sejarah Pendidikan Masa Penjajahan

Pada masa penjajahan Belanda seseorang dapat mengenali pelbagai jenis dan peringkat sekolah. Sekolah cenderung mencerminkan kekuatan dan kepentingan kerajaan kolonial. Sekolah terutamanya untuk memenuhi tuntutan kerajaan penjajah itu sendiri.<sup>1</sup> Tujuan mendirikan lembaga pendidikan oleh Belanda terutama bukan untuk kepentingan rakyat, tetapi sesungguhnya adalah untuk kepentingan mereka, iaitu untuk mengisi jabatan rendah dalam pemerintahan dan untuk mengisi tenaga pada perusahaan swasta Belanda. Berkenaan dengan hal ini juga Elizabeth E. Graves seorang pengkaji Minangkabau menyebutkan lebih ringkas bahawa Belanda dalam mendirikan sekolah di Sumatera Barat hanya bermaksud untuk menguasai kawasan Minangkabau dan memperkuuh pemerintahannya di sana.<sup>2</sup>

Oleh sebab itu yang dapat diterima di sekolah pada zaman penjajahan Belanda sebagaimana yang disebutkan oleh Mardanas dan Sutrisno, adalah anak-anak golongan tertentu saja, misalnya pemimpin masyarakat atau tokoh terkenal yang disenangi Belanda. Atau anak dari orang yang diharapkan Belanda mahu bekerja sama untuk kepentingan Belanda.<sup>3</sup>

Menurut A. Mukhsis Dt. Bandaro Basa sekolah yang pertama ditubuhkan di Sumatera Barat terletak di bandar Padang yang didirikan pada tahun 1853, sekolah

<sup>1</sup> Mestika Zed (1989), *Kolonialisme, Pendidikan dan Munculnya Elit Minangkabau Modern : Sumatera Barat Abad Ke 19*. Jakarta: Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional Proyek Inventarisasi dan Dokumentasi Sejarah Nasional, h. 2.

<sup>2</sup> Elizabeth E. Graves (2007), *Asal Usul Elite Minangkabau Modern*. Novi Andri (terj.), c.1. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, h. 151.

<sup>3</sup> Mardanas dan Sutrisno (1980), *op.cit*,h. 45.

tersebut bernama "*Gouvernement Inlansche School*", sekolah ini lebih dikenali oleh masyarakat dengan Sekolah Kelas Dua.<sup>1</sup> Kemudian pada tahun 1856 kerajaan Belanda kembali menubuhkan *Kweekschool* di Bukit tinggi. Sekolah ini lebih dikenali dengan nama "*Sekolah Raja*", anak-anak yang diterima adalah anak dari golongan elit atau anak dari pegawai-pegawai Belanda. Anak rakyat biasa tidak akan dapat masuk sekolah ini, walaupun tinggi tingkat kecerdasannya.<sup>2</sup>

Sekolah Raja ini merupakan sekolah yang dipandang tinggi oleh rakyat Sumatera Barat. Semua murid memakai pakaian yang kemas dengan tali leher. Murid Sekolah itu dipandang tinggi kedudukannya oleh masyarakat, apatah lagi kalau sudah memegang suatu jabatan pada pemerintahan. Murid itu memperlihatkan tingkah laku yang berbeza, mereka menganggap dirinya orang yang mulia di kalangan masyarakat. Murid sekolah tersebut membentuk kelompok sendiri dalam masyarakat. Mereka memisahkan diri dari bergaul dengan masyarakat yang dianggap rendah atau tidak setaraf dengan mereka.

Sehingga pada akhir tahun 1917 Sekolah Raja masih lagi merupakan sekolah tertinggi di Sumatera Barat. Di samping Sekolah Raja, sekolah lain juga dibuka, tetapi jumlahnya masih terbatas. Lokasinya hanya meliputi bandar Padang dan Bukit tinggi, sedangkan pada bandar-bandar lain belum dibangunkan sama sekali. Pemerintah Hindia Belanda juga melihat dan memperhitungkan kesesuaian dengan keperluan dalam mendirikan sesebuah sekolah. Pemerintah Hindia Belanda membuka sekolah di Sumatera Barat secara beransur-ansur walaupun rakyat sangat memerlukan pendidikan

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, h. 45.

<sup>2</sup> Elizabeth E. Graves (2007), *op.cit*, h. 161.

tersebut, terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan perkampungan. Bagi mereka, peluang untuk pergi menuntut ilmu ke Bukittinggi ialah merupakan sesuatu yang mustahil disebabkan kehidupan mereka yang serba daif dan kekurangan. Untuk pergi belajar ke Bukit tinggi dan Padang adalah sesuatu yang tidak mungkin, kerana kehidupan mereka masih belum terjamin. Pembiayaan sekolah pada masa itu belum terjangkau oleh rakyat biasa, dan dengan demikian orang yang mendapat pendidikan adalah sangat terhad.

Pada tahun 1912 Belanda menubuhkan *Volksschool* yang pertama untuk kawasan Sumatera Barat. Sekolah ini tingkatnya lebih rendah dari *Gouvernement Inlansche School* yang telah ditubuhkan di Padang, karena tingkatan pendidikannya hanya terdiri dari tiga tahun. Di Sumatera Barat *Volksschool* lebih dikenal dengan nama Sekolah Desa.<sup>1</sup>

Pada tahun 1916 Belanda menubuhkan *Vervolgschool* pada tempat-tempat yang sudah ada beberapa *Volksschool*. *Vervolgschool* ini adalah sebagai sekolah sambungan bagi pelajar tamatan sekolah *Volksschool* tadi. Namun kenyataannya yang dapat melanjutkan hanya anak orang yang dipilih, anak desa yang dapat melanjutkan ke Sekolah itu terbatas sekali.<sup>2</sup>

Pada tahun 1916 Belanda menubuhkan *Normaalschool* di Padang Panjang, terutama bagi anak Sekolah Desa yang tidak dapat lagi melanjutkan ke Sekolah Raja. Tiga tahun sesudah didirikan *Normaalschool* didirikan pula *Normaalschool* khusus

---

<sup>1</sup> Mardanas dan Sutrisno (1980), *op.cit*, h.50.

<sup>2</sup> *Ibid.*

untuk wanita pada tahun 1921 dengan mengambil tempat di Padang Panjang. Kemudian juga didirikan pula sebuah sekolah dengan nama *Schakelschool* yang pertama, lama tahun ajarannya 5 tahun dengan memakai bahasa Belanda sebagai bahasa pengantar.<sup>1</sup>

Berdasarkan huraian di atas ada sekitar tujuh jenis pendidikan yang telah ditubuhkan oleh Belanda di Sumatera Barat, iaitu sebagaimana berikut:

- 1) *Gouvernements Inlandsche School*; ditubuhkan di Padang pada tahun 1853.
- 2) *Kweekschool (Sekolah Raja)* ditubuhkan di Bukittinggi pada tahun 1856.
- 3) *Gouvernements Inlandsche de EersteKlasse*, ditubuhkan pada tahun 1910.
- 4) *Volkschool* ditubuhkan pada tahun 1912.
- 5) *Vervolgschool* dan *Normoalschool* ditubuhkan pada tahun 1916 di Padang Panjang.
- 6) Sekolah Normal khusus untuk wanita di Padang Panjang ditubuhkan pada tahun 1918.
- 7) *Schakelschool* ditubuhkan pada tahun 1921 di Padang Panjang.

Akibat dari penubuhan sekolah oleh Belanda tersebut telah melahirkan golongan baru dalam masyarakat Sumatera Barat, iaitu "Golongan Intelektual Barat", yang merupakan orang cerdik pandai. Kebanyakan daripada mereka bekerja pada pemerintahan Belanda dan mendapat beberapa kemudahan. Pada dasarnya mereka tidak memperoleh layanan yang wajar dari pemerintah Hindia Belanda. Mereka adalah agen bagi Belanda dalam memantapkan pemerintahan dan memperkuatkan kedudukannya. Di

---

<sup>1</sup> *Ibid.*

antara golongan Intelektual Barat itu ada yang sungguh-sungguh bekerja untuk kepentingan Belanda dan hidup menurut cara orang Belanda.

Sementara itu ada golongan yang tidak bersedia bekerja sama dengan Belanda dan menentang kekuasaan Belanda dan orang Barat. Tetapi sebaliknya mereka mengantungkan adat kebiasaan dan kebudayaan Timur. Dari golongan inilah munculnya tokoh pergerakan nasional Indonesia, yang memperjuangkan kemerdekaan. Mereka tidak puas melihat sistem pendidikan yang diselenggarakan pemerintah Belanda, walaupun telah diselenggarakan pendidikan untuk rakyat. Mereka mengharapkan pendidikan yang lebih sesuai dengan keadaan dan keperluan rakyat. Pendidikan Barat belum tentu sesuai bagi rakyat Indonesia. Apa yang datang dari Barat itu tidak selamanya selaras dengan kehidupan rakyat Sumatera Barat. Sebaiknya pendidikan yang diberikan sesuai dengan keperibadian bangsa Indonesia.

Pendidikan yang mereka perlukan itu lebih terasa lagi kepentingannya setelah melihat usaha yang dilakukan beberapa pemimpin di Jawa yang mendirikan sekolah swasta sebagai reaksi terhadap ketidaksesuaian unsur pendidikan Barat yang dilaksanakan di Indonesia. Keinginan itu tidak mungkin tercapai kalau sekiranya bangsa Belanda masih berkuasa, disebabkan itu, cara memperoleh pendidikan yang baik ialah dengan menyingkirkan bangsa Belanda dari Indonesia. Hal ini kerana pada waktu itu kekuasaan Belanda masih kuat. Maka usaha pertama mereka adalah menyusun kekuatan dari orang yang sehaluan dengan tujuan terakhir kemerdekaan Indonesia. Sementara itu, mereka berusaha agar rakyat Sumatera Barat mendapat pendidikan dengan sebanyak-banyaknya.

Semenjak Tuanku Imam Bonjol<sup>1</sup> ditangkap dan dibuang ke luar Sumatera Barat oleh pemerintah Belanda, maka rakyat kehilangan seorang pemimpin yang mereka hormati dan cintai, lebih-lebih sebagai pemimpin agama. Namun demikian ketika orang Sumatera Barat telah diizinkan menunaikan ibadah haji ke Mekah. Sehingga membuka peluang bagi mereka untuk bertemu dan membuat jaringan bersama ulama-ulama Minangkabau yang tinggal di sana.

Salah satu ulama Sumatera Barat yang telah lama bermukim di sana dan menjadi salah seorang guru besar di bidang agama Islam adalah Syeikh Akhmad Khatib<sup>2</sup>. Beliau selalu memberi petunjuk kepada orang Sumatera Barat yang menunaikan Rukun Islam Kelima itu ke Mekah tentang peraturan agama Islam dan pendidikan Islam. Ramai di antara pemuda Sumatera Barat yang pergi haji kemudian menjadi murid Syeikh Akhmad Khatib di Mekah. Setelah mereka kembali ke Sumatera Barat, mereka menjadi pemimpin agama dan membuat pembaharuan. Mereka melihat bahawa sistem pendidikan Islam di Sumatera Barat berbeza dengan apa yang diajarkan oleh Syeikh Akhmad Khatib. Pendidikan Islam dengan sistem halakah tidak akan mendatangkan kemajuan kepada umat Islam Sumatera Barat. Oleh karena itu, timbul niat mereka untuk mengadakan perbaikan dan pembaharuan di bidang pendidikan Islam Sumatera Barat.

---

<sup>1</sup> Tuanku Imam Bonjol: Lahir di Bonjol, Pasaman, Sumatra Barat, Indonesia 1772, wafat dalam pengasingan dan dimakamkan di Lotak, Pineleng, Minahasa, 6 November 1864, adalah salah seorang ulama, pemimpin dan pejuang yang berperang melawan Belanda dalam perang yang dikenal dengan nama Perang Paderi di tahun 1803-1838. Muhammad Radjab (1964), *Perang Paderi di Sumatra Barat 1803-1838*. Jakarta: Balai Pustaka, h.23-24.

<sup>2</sup> Nama lengkapnya adalah Ahmad Khatib bin Abdul Latif al-Minangkabawi, lahir di Koto Gadang, IV Koto, Agam, Sumatera Barat pada 6 Dzulhijjah 1276 H (1860 M) dan wafat di Makkah pada 8 Jumadil Awal 1334 H (1916 M), adalah ulama besar Indonesia yang pernah menjadi imam, khatib dan guru besar di Masjid Haram, dan juga mufti mazhab Syafi'I pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Majalah Sabili No. 13 tahun XVI 15 Januari 2009, special edition.

Di antara mereka yang pulang dari Mekah yang sangat terkenal antara lain adalah Syeikh Haji Abdullah Ahmad<sup>1</sup>, Syeikh H. Abdul Karim Amarullah<sup>2</sup>, Syeikh Muhammad Jamil Jambek<sup>3</sup>, Syeikh Ibrahim Musa Parabek<sup>4</sup>, dan Syeikh Daud Rasyidi<sup>5</sup>. Mereka merupakan pengasas dalam Pendidikan Islam di Sumatera Barat. Walaupun berbeza dari segi cara perlaksanaan, tetapi matlamatnya tetap sama, iaitu memperbaharui sistem pendidikan Islam, dari sistem halakah atau sistem surau kepada sistem sekolah dengan tetap bersandarkan pada agama Islam sebagai asas pendidikan. Dari pembaharuan tersebut lahirlah pendidikan Islam yang bercorak pendidikan formal, seperti Sekolah Adabiah<sup>6</sup>, Sumatera Thawalib<sup>7</sup>, Diniah School<sup>8</sup>, dan sekolah yang dibina oleh organisasi Islam seperti Perti<sup>9</sup> (Persatuan Tarbiah Islamiah ).

---

<sup>1</sup> Lahir di Padang Panjang pada tahun 1878 M, pergi ke Mekah pada tahun 1895 dan belajar bersama Syekh Ahmad Khatib. Kemudian kembali ke Minangkabau pada tahun 1899 mengajarkan agama di surau Jembatan Besi Padang Panjang. Pada tahun 1909 Syekh Abdullah Ahmad menubuhkan sekolah agama yang bernama Adabiah School.

<sup>2</sup> Juga digelar sebagai Haji Rasul atau Muhammad Rasul, lahir di Kepala Kabun, Nagari Sungai Batang, Maninjau, Agam, Sumatera Barat pada 10 Februari 1879, adalah seorang reformis Islam terkenal di Sumatera Barat, Indonesia. Salah satu anaknya iaitu Buya Hamka (Haji Abdul Malik Karim Amrullah), dikenali ramai orang sebagai ulama besar dan tokoh sastera Indonesia.

<sup>3</sup> Juga digelari sebagai Inyiak Jambek, lahir di Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia pada tahun 1863, adalah seorang ulama terkemuka Minangkabau yang sangat kritis terhadap ada istiadat dan ajaran tarekat.

<sup>4</sup> Lahir pada tahun 1882 di Parabek, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Telah pergi belajar ke Mekah sebanyak dua kali sehingga ia mendapat gelar Syekh Ibrahim Musa atau Inyiak Parabek sebagai pengakuan tentang ilmu agamanya.

<sup>5</sup> Lahir pada tahun 1880 di Balingka, IV Koto, Agam, Sumatra Barat, Indonesia, adalah seorang ulama pembaharu Minangkabau dan juga dikenal dengan seorang ulama pendidik. Ramai dari murid-muridnya yang menjadi ulama di antaranya adalah Syekh Adam Balai-Balai di Sumatera Barat. Hamka mengatakan dalam bukunya *Ayahku*: bahawa Syekh Daud Rasyidi adalah murid kesayangan ayahnya.

<sup>6</sup> Ditubuhkan oleh Syekh Abdullah Ahmad pada tahun 1909 di Padang.

<sup>7</sup> Sumatera Tawalib adalah salah satu di antara surau-surau yang mengubah sistemnya dengan mengadakan kelas-kelas, bangku dan meja seperti Diniah School. Surau yang mula-mula yang mengadakan kelas itu adalah Sumatera Tawalib Padang Panjang yang di pimpin oleh Haji Rasul pada tahun 1921. Surau ini ditubuhkan pada tahun 1914.

<sup>8</sup> Ditubuhkan pada tahun 1915 M oleh Zainuddin Labai al Yunusi di Padang Panjang.

<sup>9</sup> Ditubuhkan pada tahun 1928 M di Canduang, Bukittinggi. Telah mempunyai madrasah lebih dari 300 buah. Usman Said (1966), *Sumbangan Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Kepribadian Indonesia*. Jakarta: Pustaka Agus Salim, h. 34.

Pembaharuan pendidikan Islam ini dimulai dengan munculnya sekolah Adabiah pada tahun 1909 di Padang yang ditubuhkan oleh Syeikh Abdullah Ahmad di Padang. Sekolah ini mengajarkan pelajaran agama dan al-Quran secara wajib. Menurut Mahmud Yunus sekolah Adabiah ini adalah sekolah agama yang pertama memakai sistem klasikal, berbeza dengan pendidikan di surau-surau yang tidak berkelas-kelas, tidak memakai bangku, meja, papan tulis, hanya duduk bersila sahaja. Selain itu sekolah Adabiah bukan sahaja merupakan sekolah agama yang pertama di Minangkabau, bahkan di seluruh Indonesia.<sup>1</sup>

Selain sekolah Adabiah, maka di tempat lain di Sumatera Barat juga ada beberapa institusi pendidikan Islam, seperti Madrasah School yang ditubuhkan oleh Syeikh M. Thaib Umar pada tahun 1910. Tiga tahun kemudian sekolah ini ditutup, dan dibuka kembali oleh Mahmud Yunus pada tahun 1918, dan pada tahun 1923 madrasah ini menjadi Diniyah School.<sup>2</sup>

Pada tahun 1915 Zainuddin Labai al Yunusi mendirikan Diniyah School di Padang Panjang. Sekolah ini mendapat perhatian besar dari masyarakat Minangkabau. Selepas itu tersebarlah madrasah-madrasah pada beberapa bandar dan kampung Minangkabau khususnya, dan di Indonesia umumnya.<sup>3</sup>

Pada tahap awal sebelum tahun 1931, madrasah-madrasah yang ada di Sumatera Barat memfokuskan pengajaran mata pelajaran agama. Perbezaannya dengan surau ialah

---

<sup>1</sup> Mahmud Junus (1960), *op.cit*, h.54.

<sup>2</sup> Haydar Putra Daulay (2009), *op.cit*, h.40.

<sup>3</sup> Mahmud Junus (1960), *op.cit*, h.59.

yang pertama, madrasah ini memakai sistem klasikal. Kedua, kitab-kitab yang dibaca tidak selalu merujuk pada kitab-kitab klasik, tetapi memakai kitab-kitab yang baru, iaitu memakai kitab-kitab yang dipelajari di sekolah-sekolah agama di Mesir. Ketiga, dimasukkan dalam kurikulumnya sedikit pengetahuan umum seperti ilmu bumi dan menulis. Selepas tahun 1931 madrasah mengalami modenisasi, iaitu dengan memasukkan beberapa mata pelajaran umum ke madrasah, dipelopori oleh pelajar-pelajar yang kembali dari Mesir.<sup>1</sup>

Menurut Haydar Putera Daulay ada dua ciri khas pendidikan Islam Indonesia pada zaman penjajahan Belanda. Pertama adalah dikotomi, iaitu saling bercanggahan. Maksudnya adalah adanya percanggahan antara pendidikan di sekolah-sekolah Belanda dengan pendidikan di sekolah-sekolah Islam. Percanggahan ini dapat dilihat dari segi ilmu yang dikembangkan. Di sekolah-sekolah Belanda diajarkan ilmu-ilmu umum. Kerajaan kolonial Belanda tidak mengajarkan pendidikan agama pada sekolah yang mereka tubuhkan. Pengajaran ilmu agama hanya dibenarkan pada luar waktu sekolah. Sedangkan di sekolah-sekolah Islam, pendidikan yang diberikan adalah pendidikan agama yang bersumberkan dari kitab-kitab klasik. Dengan demikian percanggahan antara keduanya amat ketara pada zaman penjajahan Belanda.

Kedua, adalah diskriminasi. Kerajaan Belanda bersifat diskriminasi terhadap pendidikan Islam di Indonesia. Di antara pelaksanaan secara diskriminasi adalah diperlukannya ordonansi guru pada tahun 1905 M. Ordonansi itu adalah mewajibkan setiap guru agama Islam untuk meminta kebenaran terlebih dahulu sebelum

---

<sup>1</sup> Haydar Putra Daulay (2009), *op.cit*, h.15.

melaksanakan tugas sebagai guru agama. Ordonansi ini dirasakan oleh para guru agama sangat berat. Selain itu kesan negatif yang diakibatkan oleh ordonansi ini adalah dapat digunakan untuk menekan Islam dengan alasan keamanan.<sup>1</sup>

## 2.5 KESIMPULAN

Kedudukan perempuan dalam masyarakat Minangkabau dapat dilihat dari dua segi. Pertama dari segi hukum adat-istiadat, kedudukan wanita sangat penting dan terhormat. Oleh sebab itu masyarakat Minangkabau harus melindungi kaum wanita dan tidak melakukan mereka dengan semena-mena. Kedudukan yang sangat penting dan terhormat tersebut dapat dilihat pada peranan wanita Minangkabau yang telah ditentukan dalam adat-istiadat, iaitu sebagai penentu zuriat, *limpapeh rumah gadang* dan pemilik harta pusaka. Dengan sebagai penentu zuriat, wanita merupakan unsur penting dalam perkembangan dan kepunahan sebuah institusi keluarga. Apabila sesebuah keluarga tidak mempunyai keturunan seorang anak perempuan, maka keluarga tersebut dianggap akan punah dalam masyarakat sebab yang melanjutkan keturunan tidak ada lagi. Dengan sebagai *limpapeh rumah gadang*, wanita mendapat jaminan untuk mempunyai sebuah rumah dan menjadi penguasa di dalamnya. Seorang *Mamak* atau saudara lelakinya tidak akan berpuas hati selagi belum mampu membina rumah untuknya. Dengan sebagai pemilik harta pusaka, semua harta benda akan dimiliki perempuan sementara kaum lelaki hanya bertanggung jawab untuk mengurus, mengawas, dan memeliharanya untuk kepentingan keluarga.

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, h.16.

Kedua, dari segi kenyataan hidup sosial dalam masyarakat, kaum wanita di Minangkabau mendapat layanan yang berlebihan dan memberi impak yang negatif kepada mereka sendiri. Mereka menjadi terkongkong dalam rumah sendiri sehingga tidak ada kebebasan yang mereka dapatkan dengan mudah. Hal ini kerana apabila meningkat remaja ia tidak dibolehkan meninggalkan rumah tanpa ditemani oleh seorang yang lebih tua dari keluarganya, dan akan segera dikahwinkan meskipun umurnya masih muda supaya keluarga tidak merasa malu dan khuatir akan anak perempuannya menjadi anak dara tua. Tingkah lakunya harus diawasi agar tidak melanggar pantang, misalnya tidak boleh mendengarkan percakapan orang tua, harus segera pergi apabila ada tetamu datang, tidak boleh berdiri di hadapan rumah, mengintip atau melihat orang yang lalu di jalan, menaiki basikal dan memakan buah-buahan tertentu. Fenomena ini menjadi hambatan besar bagi mereka untuk mendapatkan pendidikan di sekolah. Hal ini kerana gerak langkahnya sangat terhad dalam persekitaran rumah sahaja, sedangkan pendidikan sekolah berada di luar persekitaran rumah. Apalagi ketika dikahwinkan dalam usia sangat muda, tentulah peluang untuk pergi ke sekolah menjadi sangat sedikit kerana beban tanggung jawabnya sudah bertambah banyak pula dalam rumah tangganya.

Sebelum zaman penjajahan tidak terdapat pendidikan formal di Sumatera Barat. Pendidikan yang berlaku adalah pendidikan tradisional yang mereka dapatkan secara tidak teratur dan tidak langsung pada keadaan-keadaan tertentu, dan peranan seorang *mamak* dan keluarga sangat besar dalam memberikan pendidikan tersebut. Oleh sebab itu pendidikan yang diberikan kepada setiap generasi adalah kepandaian-kepandaian orang tua-tua dulu yang dianggap bermanfaat dalam kehidupan menginjak dewasa kelak. Begitu juga dengan pendidikan untuk kaum perempuan, pendidikan mereka lebih

difokuskan kepada kemahiran mengurus rumah tangga, seperti memasak, menjahit, menyulam, dan kemahiran yang patut dipunyai oleh seorang isteri. Dengan demikian pendidikan yang terdapat di Sumatera Barat sebelum zaman penjajahan sama ada untuk lelaki atau perempuan adalah pendidikan kepandaian-kepandaian orang tua-tua dahulu yang mereka anggap bermanfaat di kemudian hari.

Kedatangan agama Islam di Sumatera Barat telah memberikan sumbangan yang besar terhadap negeri ini. Salah satunya adalah perubahan surau dari unsur kebudayaan menjadi bangunan Islam dan pusat pendidikan agama. Semenjak itu surau memainkan peranan penting dalam memberikan pendidikan kepada masyarakat sama ada sebelum zaman penjajahan atau pada zaman penjajahan. Bahkan apabila surau tersebut sebagai tempat pendidikan yang maju, maka ia berubah menjadi madrasah atau pondok. Hal seperti ini terus berkembang ke zaman penjajahan sehingga kemunculan tokoh-tokoh pergerakan yang melakukan pembaharuan terhadap pendidikan di Sumatera Barat. Sehingga munculnya sekolah-sekolah formal yang mengikuti sistem pendidikan yang dibuat oleh tokoh-tokoh pembaharuan tersebut.

Adapun pada zaman penjajahan Belanda, sekolah-sekolah yang ditubuhkannya cenderung mencerminkan kekuatan dan kepentingan Belanda untuk memenuhi tuntutan mereka sendiri. Seperti mengisi jawatan kosong dalam pemerintahan dan perusahaan swasta. Sehingga hal demikian menyebabkan anak-anak golongan tertentu sahaja yang boleh belajar di sana. Selain itu, sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh Belanda tersebut tidak boleh memenuhi hajat masyarakat dengan pendidikan agama, kerana sekolah-sekolah Belanda hanya mengajarkan ilmu-ilmu umum manakala pelajaran agama tidak

dibenarkan. Sehingga muncullah tokoh-tokoh pergerakan nasional Indonesia, yang memperjuangkan kemerdekaan. Mereka tidak puas melihat sistem pendidikan yang diselenggarakan pemerintah Belanda, walaupun telah diselenggarakan pendidikan untuk rakyat. Mereka mengharapkan pendidikan yang lebih sesuai dengan keadaan dan hajat masyarakat.

Di antara tokoh-tokoh pergerakan tersebut lahirlah tokoh-tokoh pembaharuan pendidikan Islam, sehingga gerakan pembaharuan mereka melahirkan pula pendidikan Islam yang bercorak pendidikan formal, seperti Sekolah Adabiah, Sumatera Thawalib, Diniah School, dan sekolah yang dibina oleh organisasi Islam seperti Perti (Persatuan Tarbiah Islamiah). Dengan kemunculan institusi pendidikan Islam formal tersebut, pendidikan dan pengajaran Islam tidak terpencil lagi dari masyarakat. Kerana institusi tersebut boleh memberikan pelajaran agama dengan sistem yang baru kepada generasi muda.

## Bab III

### PERGURUAN DINIYYAH PUTERI PADANG PANJANG

#### 3.1 SEJARAH PENUBUHAN

Untuk menjelaskan sejarah berdiri Perguruan Diniyah Puteri, perlu diketahui bahawa sekolah agama ini mempunyai hubungan erat dengan sejarah *Diniyyah School* yang ditubuhkan oleh Zainuddin Labai Al-Yunusi<sup>1</sup>. Hal ini kerana sekolah kemunculan *Diniyyah School* dianggap sebagai pelopor kepada pembaharuan sistem pendidikan di daerah Sumatera Barat, dan tempat pengasas Perguruan Diniyah Puteri belajar dan memperoleh idea.

*Diniyyah School* ditubuhkan oleh Zainuddin Labai Al-Yunusi pada 10 Oktober 1915 di Padang Panjang.<sup>2</sup> Sekolah agama ini mendapat perhatian yang sangat meluas dari kalangan masyarakat Minangkabau. Sehingga menyebabkan kemunculan madrasah sepertinya tersebar di kawasan Minangkabau. Bahkan kebanyakan dari madrasah yang

---

<sup>1</sup> Zainuddin Labay El Yunusi adalah salah seorang di antara beberapa ulama angkatan muda Minangkabau yang menjadi pemikir untuk kemajuan agama Islam pada kurun permulaan abad ke-20. Ia dilahirkan pada 12 Rajab 1308 H (1890 M) di Bukit Surungan, Padang Panjang. Dia adalah abang sulung kepada Rahmah El Yunusiah pengasas perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang.

<sup>2</sup> Aminuddin Rasyad et al. (1991), *Hajjah Rahmah El Yunusiyah dan Zainuddin Labay El Yunusy: Dua Bersaudara Tokoh Pembaharu Sistem Pendidikan di Indonesia*. Jakarta: Pengurus Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang Perwakilan Jakarta, h.346.

tersebar tersebut juga diberi nama dengan *Diniah School*, namun ada juga yang menggunakan nama lain.<sup>1</sup>

Dalam sejarah kemunculannya sekolah ini merupakan sekolah agama pertama yang dilaksanakan menurut sistem pendidikan moden yang menggunakan alat-alat tulis dan alat bantu mengajar serta memberikan pengetahuan umum selain pengetahuan agama. Murid-muridnya terdiri dari pelajar lelaki dan perempuan, tidak seperti sekolah agama lain yang tidak mencampurkan pelajar lelakinya dengan pelajar perempuan.<sup>2</sup> Sistem *halaqah* diubah menjadi sekolah yang menggunakan bangku, meja dan papan tulis, dan mempunyai tujuh kelas seperti sekolah-sekolah Belanda. Pada peringkat sekolah rendah buku-buku karangan Zainuddin Labay El-Yunusi adalah yang digunakan oleh para pelajar manakala pada peringkat sekolah menengah kitab-kitab terbitan Mesir atau Beirut yang digunakan.<sup>3</sup>

Di sekolah inilah Rahmah El-Yunusiyah telah belajar semenjak didirikan pertama kali oleh saudaranya Zainuddin Labay El-Yunusi.<sup>4</sup> Dalam pengalaman Rahmah El-Yunusiyah selama belajar di sekolah tersebut, beliau merasakan bahawa tidak ada kepuasan dalam menuntut ilmu termasuk dalam cara penyampaian pelajaran. Beliau menghendaki pendidikan yang lebih maju dari yang dirasainya. Iaitu masalah yang berkenaan dengan kewanitaan yang tidak boleh diungkapkan secara terus terang dalam

<sup>1</sup> Mahmud Yunus (1960), *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, Djakarta, Pustaka Mahmudah, h. 58-60. Dan Maswardi (2008), “*Pola dan Kebijakan Pendidikan Islam di Nusantara Pada Masa Awal Sampai Sebelum Kemerdekaan*”, dalam Samsul Nizar (ed.), *Sejarah Pendidikan Islam, Menelusuri Jejak Sejarah Pendidikan Era Rasulullah Sampai Indonesia*. Jakarta: Kencana, h. 301.

<sup>2</sup> Hayati Nizar, *Analisis Historis Pendidikan Demokrasi di Minangkabau*, dalam Majalah Hadharah PPS IAIN Imam Bonjol Padang, vol 3, edisi Februari 2006, h. 143.

<sup>3</sup> Aminuddin Rasyad et al. (1991), *Hajjah Rahmah El Yunusiyah*, op.cit, h.346-347.

<sup>4</sup> *Ibid.*, h.43

kelas *coeducation*. Di antara murid dan guru tidak bebas mengutarakan pendapat. Anak-anak perempuan tidak mendapat kesempatan yang luas untuk menggunakan haknya dalam belajar dan menuntut ilmu pengetahuan. Maka menurutnya hal ini hanya akan tercapai kalau ada suatu perguruan yang khusus untuk perempuan.<sup>1</sup>

Cita-cita dengan motivasi tersebut akhirnya mendapat sokongan dari abang kandungnya Zainuddin Labay El Yunusi. Maka Rahmah mengumpulkan para anggota PMDS (Persatuan Murid-Murid Diniyah School)<sup>2</sup> untuk berunding dengan mereka mengenai kesanggupannya mendirikan sekolah khusus perempuan tersebut. Semua anggota PMDS menyatakan persetujuan dan menyokong idea Rahmah ini, sehingga pada hari khamis tarikh 1 November 1923 berdirilah *al-Madrasah al-Diniyyah Li al-Banat*.<sup>3</sup> Untuk menarik minat, masyarakat sekolah ini menggunakan nama baru yang terdiri dari tiga macam perkataan, iaitu *Diniyah School Poeteri*. Sehingga dengan nama yang seperti ini, perguruan berharap supaya masyarakat dari segala macam golongan menjadi tertarik untuk menyekolahkan anak mereka. Tidak lama kemudian nama tersebut dipopularkan dengan Sekolah Diniyah Puteri pada masa penjajahan Jepun.<sup>4</sup>

Kemunculan Perguruan Diniyah Puteri pada masa itu tidak mendapat sambutan yang baik dari masyarakat. Banyak cercaan dan hinaan yang ditujukan kepada sekolah yang baru ditubuhkan tersebut. Di antara hinaan tersebut mengatakan bahawa Rahmah

---

<sup>1</sup> *Peringatan 55 Tahun Diniyah Putri Padang Panjang*. Jakarta: Ghalia Indonesia, 1978, h. 44.

<sup>2</sup> PMDS adalah organisasi bagi pelajar-pelajar Sekolah Diniyah yang ditubuhkan oleh Zainuddin Labay El Yunusi pada tarikh 10 Oktober 1915 untuk menguatkan persatuan di antara mereka dan menggiatkan mereka dalam menuntut ilmu agama Islam. Lihat: Aminuddin Rasyad (1981), *Manusia Dalam Kemelut Sejarah*. Jakarta: LP3S, h. 225

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> *Ibid.*

adalah ayam betina yang ingin berk Kokok, maksudnya mereka beranggapan bahawa Rahmah ingin menjadikan kaum perempuan lebih hebat dari lelaki.<sup>1</sup> Bahkan hinaan masyarakat juga ditujukan kepada para pelajarnya dengan mengatakan perempuan yang belajar di sana akan membawa buku sampai ke dapur. Maksudnya apa pun yang mereka pelajari di sekolah pada akhirnya kaum wanita akan bekerja di dapur.

Pada masa awal penubuhan Diniyah Puteri sekolah ini belum mempunyai bangunan sendiri untuk memberikan pengajaran, oleh sebab itu sekolah yang baru ini dilakukan di masjid Pasar Usang<sup>2</sup>. Akibat dari keadaan seperti itu pembelajaran murid-murid berlangsung seperti sistem *halaqah* yang biasanya digunakan di sekolah-sekolah tradisional, surau-surau dan masjid-masjid, iaitu murid-murid duduk bersila di atas lantai yang bertikar menghadapi kitab masing-masing sambil menerima pelajaran dari guru yang duduk di hadapan mereka.<sup>3</sup> Dengan demikian dalam pembelajaran murid-muridnya tiada meja, kerusi dan papan tulis yang digunakan sebagaimana pada sekolah-sekolah kini.

Adapun pelajar perguruan pada masa itu terdiri dari orang perempuan yang bujang dan sudah bersuami, tetapi majoriti mereka adalah perempuan yang sudah bersuami. Jumlah mereka masa itu baru sebanyak 71 orang yang keseluruhannya berasal dari Padang Panjang. Mereka hanya diberikan mata pelajaran ilmu-ilmu agama dan

---

<sup>1</sup> Raji'ah Bay, Ketua Asrama Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang. Temubual pada 11 Disember 2011.

<sup>2</sup> Wujud masjid ini hingga sekarang masih ada, ia terletak di sebelah kanan asrama lama Diniyah puteri. Nama masjid ini telah berubah menjadi masjid Al Ashliyyah. Ahmad Rifa'i, Ketua Divisi Humas Perguruan Diniyah Puteri. Temubual pada 1 Disember 2010.

<sup>3</sup> Aminuddin Rasyad *et al.* (1991), *Hajjah Rahmah El Yunusiyah*, *op.cit*, h. 42.

bahasa Arab sahaja. Kitab-kitab yang diajarkan semuanya dalam bahasa Arab dan guru menerangkannya dalam bahasa Indonesia.<sup>1</sup>

Dalam perkembangan selanjutnya, sekolah ini menerapkan sistem pendidikan moden yang mengintegrasikan pelajaran ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu umum secara klasikal, serta memberi pelajaran kemahiran. Meskipun demikian, ilmu-ilmu agama tetap menjadi pelajaran utama dan merupakan kekhususan sekolah ini.<sup>2</sup>

Hingga tahun 1937 perguruan Diniyah Puteri telah mempunyai tiga jenis pendidikan yang disediakan untuk para pelajarnya iaitu, Ibtidaiyah, Tsanawiyah dan Kulliatul Muallimat Islamiah . Kemudian pada tahun 1947 perguruan kembali menubuhkan beberapa jenis pendidikan baru, seperti Sekolah Diniyah Rendah (SDR), Sekolah Diniyyah Menengah Pertama Bahagian A (DMP bahagian A), Sekolah Diniyyah Menengah Pertama Bahagian B (DMP bahagian B) dan Sekolah Diniyyah Menengah Pertama Bahagian C (DMP bahagian C).<sup>3</sup> Sekolah-sekolah baru ini dalam perkembangannya telah menyesuaikan pendidikannya dengan perkembangan pendidikan semasa. Sehingga pendidikan yang diberikannya sesuai dengan hajat masyarakat khususnya kaum perempuan.

Dalam perkembangan perguruan seterusnya, iaitu pada 4 Oktober 1964 Rahmah El Yunusiyah menubuhkan sebuah institusi pengajian tinggi di dalam Perguruan Diniyah

---

<sup>1</sup> Dewang Dewani, Guru Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang. Temubual pada 12 Disember 2011.

<sup>2</sup> Aminuddin Rasyad (1981), *Manusia Dalam Kemelut*, Op.cit,

<sup>3</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, Op.cit,h.449.

Puteri, yang diberi nama Akademi Diniyah Puteri.<sup>1</sup> Institusi pengajian tinggi ini bertujuan untuk menyempurnakan pendidikan pelajar Perguruan Diniyah Puteri agar sampai pada peringkat pengajian tinggi. Dengan demikian pendidikan pelajar perguruan menjadi seorang ibu pendidik dalam keluarga dan masyarakatnya akan menjadi lebih baik.

### **3.2 MATLAMAT PERGURUAN**

Perguruan Diniyah Puteri ditubuhkan adalah untuk kepentingan hidup manusia, di antaranya adalah wanita. Perempuan harus baik di masyarakat, baik dalam rumah tangga dan baik di mana-mana dia berada. Untuk realisasi dari semua itu ia harus dididik menjadi perempuan yang berjiwa Islam, berpandangan luas dalam kehidupan yang sesuai dengan yang diajarkan oleh agama Islam.<sup>2</sup>

Dengan pengertian yang sederhana maka tujuan pendidikan perguruan ini adalah membentuk perempuan yang berjiwa Islam dan ibu pendidik yang cakap dan aktif serta bertanggung jawab tentang kesejahteraan masyarakat dan tanah air atas dasar pengabdian kepada Allah SWT. Maksud membentuk perempuan yang berjiwa Islam adalah perguruan ini berusaha membentuk gadis remaja untuk memiliki jiwa Islam, dengan pengertian bahawa semua tingkah laku, cara berfikir, amal ibadat dan pergaulannya harus sesuai dengan yang dikehendaki dan diajarkan oleh Islam.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Profil Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyah Diniyyah Puteri Rahmah El Yunusiyah, Tahun Akademik 2009/2010, h. 1.

<sup>2</sup> Ibid.,h. 47.

<sup>3</sup> Peringatan 55 Tahun, Op.cit,h. 38.

Maka usaha perguruan dalam membentuk perempuan yang berjiwa Islam akan dilaksanakan dalam tiga tahun pertama mereka belajar di sekolah. Setelah jiwa mereka ditempa untuk menjadi seorang Muslimah yang berakhlak mulia dan berkeperibadian Islam. Lalu pada tiga tahun berikutnya diberikan pendidikan yang membentuk mereka menjadi ibu pendidik yang merangkumi tiga pengertian, iaitu:

1. Ibu pendidik dalam rumah tangga (sesuai dengan fitrah perempuan itu menjadi ibu rumah tangga), yang merupakan pengertian primer.
2. Ibu pendidik bagi murid muridnya di sekolah (bagi mereka yang berbakat menjadi guru), yang merupakan pengertian sekunder.
3. Ibu pendidik dalam masyarakat, iaitu menjadi pemimpin perempuan (dalam organisasi atau lembaga sosial) dan menjadi *muballighah* atau *da'iyyah*, yang merupakan pengertian tersier (*tertiary*).<sup>1</sup>

Berdasarkan matlamat perguruan di atas, maka semua calon ibu pendidik yang disiapkan oleh perguruan diberikan bekal ilmu pengetahuan, kecekapan, dorongan untuk aktif mengembangkan ilmu pengetahuan yang dimilikinya. Di samping itu kepada mereka juga diberikan bekal yang sangat penting ialah ilmu cara mendidik, supaya mereka mempunyai rasa tanggungjawab terlaksananya kesejahteraan dalam masyarakat dan bertanggung jawab terhadap tanah airnya sebagai warga negara yang baik. Semua rasa tanggung jawab dan amal ini harus didasarkannya kepada Allah SWT.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad *et al.* (1991), *Hajjah Rahmah El Yunusiyah*, *op.cit*, h.101-102. dan Wahyu Hikmah (2008), "Dinamika Sejarah Pendidikan Perempuan Potret Timur Tengah Dan Indonesia Era Awal" dalam Samsul Nizar (ed.), *Sejarah Pendidikan Islam*, *Op.cit*,h. 220.

<sup>2</sup> Buku Peringatan 55 Tahun *Op.cit*.

### **3.3 RIWAYAT HIDUP RAHMAH EL-YUNUSIYAH**

#### **3.3.1 Salasilah Keturunan**

Rahmah El-Yunusiyah lahir pada tarikh 20 Disember 1900 di Kenegarian Bukit Surungan Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia. Bapa Rahmah El-Yunusiyah bernama Muhammad Yunus dan ibunya bernama Rafi'ah. Keduanya menikah pada tahun 1888. Rahmah El-Yunusiyah adalah anak bongsu dari lima orang bersaudara, tiga perempuan dan dua lelaki. Empat orang saudara Rahmah El-Yunusiyah masing-masing bernama:<sup>1</sup>

1. Zainuddin Labay (1890-1924 M)
2. Mariah (1893-1972 M)
3. Muhammad Rasyad (1895-1956 M)
4. Rihanah (1898-1968 M).

Latar belakang keluarga kedua orang tua Rahmah El-Yunusiyah dikenali sebagai orang yang taat dalam melaksanakan ajaran agama Islam. Bapa kepada Rahmah El-Yunusiyah merupakan seorang ulama pimpinan tarekat Naqsabandiyah yang mempunyai banyak murid dan pengikut serta dikenal pula sebagai seorang ahli hisab dan tuan kadi di Pandai Sikek<sup>2</sup>. Ia dilahirkan sebagai anak lelaki daripada Syeikh Imanuddin bin Hafazhah pada tahun 1846. Syeikh Imanuddin juga dikenali sebagai

---

<sup>1</sup> Anatona (2009), *Rahmah El Yunusiyah (1900-1969): Pendidik dan Pejuang Kaum Perempuan*. Padang: Jurusan Sejarah Fakultas Sastra Universitas Andalah dan Dinas Sosial Provinsi Sumatra Barat, h. 4.

<sup>2</sup> Pandai Sikek: Sebuah negeri yang terletak 5 km arah barat laut Padang Panjang.

seorang ulama yang ternama di masanya dan masih memiliki hubungan kekerabatan dengan Haji Miskin, salah seorang tokoh dalam perang Paderi. Sementara ibu Rahmah El-Yunusiyah, Rafia'ah merupakan seorang yang berasal dari Bukit Sarungan Padang Panjang, lahir di Lubuk Mata Kucing Kenagarian Bukit Surungan pada tahun 1872.<sup>1</sup>

### **3.3.2 Masa Kecil**

Pada masa kecilnya Rahmah El-Yunusiyah terkenal sebagai anak yang keras hati, berkemahan kuat dan bercita-cita tinggi. Kehendaknya pantang dihalangi. Dia sanggup menangis berjam-jam apabila keinginannya tidak dapat dipenuhi. Sejak kecil, keperibadian yang kuat dan jiwa besarnya sudah terlihat. Sebagai seorang anak Syeikh dan ulama terkenal, maka Rahmah El-Yunusiyah dari kecil sudah dilatih dan dibesarkan dalam suasana keluarga yang sangat islamik, sekalipun dia ditinggal mati ayahnya dalam usia yang masih sangat muda yakni ketika 6 tahun.

Dari zaman kanak-kanak lagi Rahmah El-Yunusiyah sudah menyenangi pekerjaan masak-memasak, berbagai-bagai macam kraf tangan. Dia selalu menjahit bajunya sendiri. Namun semasa kecil Rahmah El-Yunusiyah sering sakit, badannya kurus dengan kulit kering kehitaman.

---

<sup>1</sup> Anatona (2009), *op.cit*, h. 4. Dan Aminuddin Rasyad *et al.* (1991), *Hajjah Rahmah El Yunusiyah*, *op.cit*, h.35.

### **3.3.3 Pendidikan**

Rahmah El-Yunusiyah tidak pernah mendapat pendidikan formal sebelum belajar di Diniyah School. Kemahiran menulis dan membaca huruf Arab dan rumi telah dipelajarinya dari kedua abang kandungnya Zainuddin Labay dan Mohamad Rosyad. Ketika Zainuddin Labay menubuhkan *Diniyah School* pada tahun 1915, Rahmah El-Yunusiyah juga turut ikut belajar di institusi pendidikan moden ini. Pelajaran yang diperolehnya dari kedua abang kandungnya tersebut serta buku-buku karya Zainuddin Labay yang dibacanya telah banyak membantunya dalam mengikuti pelajaran di Diniyah School.

Semua yang diperoleh dari Diniyah School belum memuaskan hatinya sehingga Rahmah belajar kembali kepada syeikh Abdul Karim Amrullah (Inyiek Haji Rasul) ayah daripada Hamka, yang waktu itu mengajar di surau Jambatan Besi dan tinggal di Gatangan Padang Panjang. Selain belajar dengan syeikh Abdul Karim Amrullah, Rahmah El-Yunusiyah juga belajar dengan Tuanku Mudo Abdul Hamid Hakim, Syeikh Abdul Latief Rasyidi, Syeikh Jamil Jambek dan Syeikh Daud Rasyid.<sup>1</sup>

Rahmah sungguh rajin belajar dan mahu mencari ilmu selain dari agama dan bahasa Arab yang dianggapnya berguna bagi dirinya sendiri dan bagi anak didiknya, seperti ilmu kesihatan, bersenam dan kebidanan yang kemudian hari diajarkan kepada murid-muridnya. Oleh sebab itu antara tahun 1931-1935 Rahmah El-Yunusiyah

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, h.38. Fauzan et al. (2009), *Buku Saku Mengenang 108 Tahun Rahmah El Yunusiyah*. Padang Panjang: Divisi Humas Perguruan Diniyyah Puteri Padang Panjang, h. 4. Tim Penyusun (1978), *Peringatan 55 Tahun Diniyyah Puteri Padang Panjang*. Jakarta: Ghalia Indonesia, h. 177.

mengikuti kursus P3K (Pertolongan Pertama Pada Kecelakaan) dan ilmu kebidanan di hospital Kayu Tanam yang berada 12 kilo meter sebelah barat bandar Padang Panjang, dan kemudian melanjutkannya dengan beberapa orang doktor:<sup>1</sup>

1. Doktor Sofyan Rasyad di Kayu Tanam
2. Doktor Tazar di Kayu Tanam
3. Doktor A. Saleh di Bukittinggi
4. Doktor Arifin di Payakumbuh
5. Doktor Rasyidin di Padang Panjang
6. Doktor A. Sani di Padang Panjang

Sehingga Rahmah El-Yunusiyah mendapat sijil keahlian dalam bidang P3K dan ilmu kebidanan, dan mendapat lesen untuk membuka klinik sendiri. Belum puas dengan berbagai-bagai ilmu dan kemahiran tersebut, Rahmah El-Yunusiyah bahkan belajar *gymnastic* dengan seorang guru dari Belanda bernama Miss. Oliver pada *Meisyes Normal School* Guguk Malintang.<sup>2</sup>

Selain itu Rahmah juga mempelajari cara bertenun tradisional, iaitu bertenun dengan menggunakan alat tenun bukan mesin yang pada masa itu banyak digunakan oleh masyarakat. Rahmah pergi ke beberapa pusat pertenunan rakyat seperti Pandai Sikat, Bukit tinggi dan Silungkang. Ilmu bertenun ini kemudian ia lengkapi dengan

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad *et al.* (1991), *Hajjah Rahmah El Yunusiyah*, *op.cit*, h.39. Dan *Peringatan 55 Tahun Diniyyah Puteri*, *op.cit*, h. 177-178.

<sup>2</sup> Aminuddin Rasyad *et al.* (1991), *Hajjah Rahmah El Yunusiyah*, *op.cit*, h.39

belajar menjahit sehingga kedua kemahiran ini, iaitu bertenun dan menjahit ia masukkan ke dalam kurikulum perguruan Diniyah Puteri.<sup>1</sup>

### **3.4 SISTEM PENDIDIKAN PERGURUAN DINIYAH PUTERI**

Untuk mencapai tujuannya Perguruan Diniyah Puteri menggunakan sistem pendidikan terpadu, iaitu: menggabungkan tiga jenis pendidikan yang diperoleh dari rumah, sekolah dan masyarakat di dalam pendidikan asrama. Dengan sistem terpadu ini, teori ilmu pengetahuan dan agama serta pengalaman yang dibawa oleh masing-masing pelajar dipraktikkan dan disempurnakan dalam pendidikan asrama di bawah asuhan guru-guru asrama.<sup>2</sup>

Dalam memberikan pendidikan formal (sekolah), Perguruan Diniyah Puteri mengintegrasikan pengajaran ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu umum secara klasikal, serta memberi pelajaran kemahiran.<sup>3</sup> Selama pendidikan formal tersebut berlangsung semua pelajar diawasi oleh guru perguruan, dan kepada mereka dikenakan disiplin sekolah yang ketat baik di dalam kelas maupun di luar kelas. Seperti cara berpakaian yang harus mengikuti protokol sekolah dan kedatangan awal 15 minit sebelum kelas bermula.

---

<sup>1</sup> Fauzan Misra, Tokoh Masyarakat. Temubual pada 12 Disember 2011.

<sup>2</sup> Hamruni (2002), *Pendidikan Perempuan Dalam Pemikiran Rahmah El Yunusiyah*. Jogyakarta: Fakultas Tarbiyah Universitas Negri (UIN) Sunan Kalijaga, h. 17.

<sup>3</sup> *Ibid.*,h. 12.

Selepas mendapatkan pendidikan formal pada pagi hari, kepada semua pelajar harus mempraktikkan pelajaran yang mereka peroleh tersebut di persekitaran asrama, atau berbincang dengan guru asrama dan kelompok kelas masing-masing.<sup>1</sup> Di antara pelajaran-pelajaran yang dipraktikkan dalam asrama adalah pelajaran agama seperti sembahyang berjemaah, membaca al-Quran, wirid bersama, akhlak, bahasa Arab dan pelajaran kemahiran wanita.<sup>2</sup> Oleh sebab itu setiap aktiviti pelajar di dalam asrama telah disusun mengikut jadual waktu yang ditetapkan. Dengan demikian hal ini dapat mengoptimumkan fungsi asrama sebagai tempat mendidik pelajar, dan asrama tidak hanya berfungsi sebagai tempat tinggal sahaja bagi mereka.

Jadual 3.1: Jadual waktu aktiviti setiap hari pelajar Perguruan Diniyah Puteri

No.	Masa	Aktiviti
1.	04.45 am - 05.00 am	Bangun tidur, sembahyang subuh
2.	05.00 am - 05.30 am	Membaca al-Quran sendiri
3.	05.30 am - 06.30 am	Mandi, membeli kuih-kuih
4.	06.30 am - 07.15 am	Berpakaian bersiap pergi ke sekolah
5.	07.15 am - 07.30 am	Sedia di hadapan kelas
6.	07.30 am - 12.45 pm	Bersekolah
7.	12.45 am - 01.00 pm	Sembahyang zuhur dan makan siang
8.	01.00 pm - 03.00 pm	Tidur
9.	03.00 pm - 03.30 pm	Sembahyang asar berjemaah
10.	03.30 pm - 04.30 pm	Menjahit
11.	04.30 pm - 05.45 pm	Bermain-main dan makan petang

<sup>1</sup> Buku Peringatan 55 Tahun, Op.cit,h. 52-23.

<sup>2</sup> Aminuddin Rasyad (1982), Perguruan Diniyyah Puteri, Op.cit,h. 242.

12.	05.45 pm - 06.15 pm	Bersiap-siap untuk salat maghrib
13.	06.15 pm - 06.30 pm	Membaca al-Quran sendiri
14.	06.30 pm - 08.00 pm	Menghafaz pelajaran
15.	08.00 pm - 08.30 pm	Bermain-main dan sembahyang isyak
16.	08.30 pm - 10.30 pm	Menghafaz pelajaran di tempat masing-masing
17.	10.30 pm - 04.45 am	Tidur

Sumber: Peraturan internat setiap hari Diniyah Puteri Padang Panjang

Berdasar jadual di atas masa pendidikan formal hanya berjalan selama enam jam sahaja, kemudian masa selebihnya digunakan untuk aktiviti dalam asrama. Adapun di antara aktiviti yang mereka lakukan dalam satu hari adalah membaca al-Quran sebanyak dua kali, salat berjemaah sebanyak lima kali, menghafaz pelajaran sebanyak dua kali dan menjahit satu kali.

Selain jadual waktu aktiviti harian di atas, terdapat juga jadual waktu aktiviti untuk setiap minggu. Maksudnya aktiviti-aktiviti ini tidak dilakukan setiap harinya namun dilakukan beberapa kali sahaja dalam satu minggu.

Jadual 3.2: Jadual waktu aktiviti mingguan pelajar Perguruan Diniyah Puteri

Hari	Masa	Aktiviti
Ahad	05.30 am - 07.30 am	Berjalan-jalan ke luar bandar atau pusat bandar
	07.30 am - 08.00 am	Belanja kuih-kuih
	08.00 am - 11.00 am	Kerapatan PMDS
	11.00 am - 05.00 am	Menjahit dan memasak

Rabu	08.00 am - 11.00 am	Kelab debat dari bermacam-macam pengetahuan
Kamis	08.00 am - 11.00 am	Belajar tabligh dan memimpin
Jumaat	01.00 pm - 05.00 pm	Menjahit dan memasak
Sabtu	08.00 am - 11.00 am	Pertemuan dengan murid-murid; memberi nasihat dan lainnya

Sumber: Peraturan internat mingguan Diniyah Puteri Padang Panjang

Dalam jadual waktu aktiviti setiap minggu di atas, aktiviti menjahit dan memasak dilakukan sebanyak dua kali dengan masa yang cukup lama dibandingkan dengan masa aktiviti menjahit yang dilakukan setiap hari. Ertinya, pendidikan kemahiran menjahit dan memasak sangat ditekankan bagi pelajar perguruan. Selain itu mereka juga mempunyai aktiviti bersama seperti kelab debat dan tabligh sebagai latihan dan bekal mereka apabila telah kembali kepada masyarakat masing-masing.

Di samping itu, asrama selain berfungsi sebagai tempat mempraktikkan ilmu dan perkembangan diri, ia juga berfungsi sebagai lembaga bimbingan peribadi. Mereka diberi peluang untuk mengemukakan keluhan peribadi, seperti keluhan dalam pergaulan, belajar dan makanan. Sebab itu kepada pelajar selalu dijelaskan, bahawa guru asrama adalah pengganti orang tua, dan selalu menerima keluhan dan mengusahakan pemecahannya.<sup>1</sup>

Pendidikan disiplin merupakan salah satu pendidikan terpenting dalam asrama. Kepada seluruh pelajar di asrama diajarkan berbagai macam disiplin, antaranya disiplin

---

<sup>1</sup> *Ibid.*,h. 243.

waktu dan ibadah. Sehingga semua pelajar dapat memanfaatkan waktu mereka dengan sebaik baiknya. Maka kepada semua pelajar di asrama harus melakukan istirehat, makan dan tidur pada masa yang telah ditetapkan oleh asrama. Dan akan dikenakan hukuman tertentu bagi siapa yang telah melanggarnya tanpa terkecuali.<sup>1</sup>

Selain aktiviti yang ada di persekitaran asrama, semua pelajar juga diharuskan mengikuti aktiviti yang diadakan oleh organisasi pelajar Perguruan Diniyah Puteri, seperti kegiatan kesenian, sukan, latihan pidato dan memasak.<sup>2</sup> Sehingga semua pelajar dapat mengambil manfaat dari pendidikan mental dan fizik dari aktiviti tersebut.

### **3.5 ORGANISASI**

Membincangkan tentang organisasi yang terdapat dalam Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang, perlu dihuraikan jumlah organisasi dalam perguruan tersebut. Maka berdasarkan itu, penulis membahagi semua organisasi yang terdapat dalam perguruan ke dalam dua kumpulan, pertama adalah organisasi perguruan dan kedua adalah organisasi pelajar.

#### **3.5.1 Organisasi Perguruan**

Pada permulaan penubuhan perguruan di tahun 1923, susunan organisasi perguruan sangat sederhana sekali, hanya terdiri dari beberapa bahagian saja, iaitu terdiri

---

<sup>1</sup> Buku Peringatan 55 Tahun, *Op.cit*, h. 52. dan Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, *Op.cit*, h. 246.

<sup>2</sup> Buku Peringatan 55 Tahun, *Op.cit*,

dari seorang pengurus dan beberapa orang pembantu. Hal ini disebabkan oleh jumlah pelajar yang masih sedikit sehingga mengendalikan pendidikan masih mudah. Namun selepas tahun 1930 maka mulai terasa keperluan akan adanya satu organisasi perguruan dengan pembahagian kerja-kerja yang jelas dan teratur, sehingga program pendidikan di asrama dan perguruan dapat berjalan dengan baik. Struktur organisasi perguruan akhirnya ditubuhkan yang terdiri dari pengurus, setiausaha, penasihat pengurus, majlis guru, dan ketua pengawas asrama.

Dalam susunan organisasi ini seorang pengurus perguruan menyelaraskan kerja-kerja yang dijalankan oleh pelbagai jabatan dalam institusi perguruan dan merangkap sebagai ketua pembangunan dan pengembangan perguruan. Sebagai ahli penasihatnya adalah abangnya Rahmah sendiri iaitu Zainuddin Labay, namun selepas ia meninggal pada tahun 1924 digantikan oleh kakaknya yang bernama Mariah.<sup>1</sup>


Pada tahun 1967 susunan organisasi perguruan mengalami penyempurnaan kerana pada tahun ini telah ditubuhkan suatu pengajian tinggi dalam Perguruan Diniyah Puteri.<sup>2</sup> Maka dalam susunan organisasi perguruan yang baru ini terdapat yayasan perguruan, pembantu pengurus, setiausaha, bahagian pendidikan, bahagian pengajaran, bahagian pengajian tinggi, dan pelengkapannya. Supaya mudah difahami, struktur organisasi perguruan yang baru ini adalah sebagaimana dalam rajah berikut:

---

<sup>1</sup> Zikra, Bekas Pengurus Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang. Temubual pada 3 Disember 2011.

<sup>2</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyah Puteri*, op.cit, h. 561.

RAJAH 3.3 Struktur organisasi Perguruan Diniyyah Puteri Padang Panjang



Sumber: Skema Pimpinan Perguruan Diniyyah Puteri Padang Panjang

Berdasarkan rajah di atas, penasihat pengurus dalam struktur baru ini adalah bertujuan untuk lebih mendaya gunakan fungsi seorang pengurus. Mereka tidak lagi diambil dari pihak keluarga namun telah diambil dari orang luar yang dipandang dapat memberikan idea dan nasihat untuk pengembangan perguruan pada masa-masa selanjutnya. Bahagian pengajaran adalah berfungsi sebagai penggiat pendidikan formal dalam perguruan yang terdiri daripada Sekolah Menengah Puteri Bahagian A, B, dan C, KMI, dan Pengajian Tinggi. Masing-masing institusi pendidikan ini mempunyai seorang guru besar dan bertanggung jawab kepada bahagian pengajaran. Sedangkan bahagian pendidikan dalam organisasi ini berfungsi sebagai penggiat pendidikan tidak formal yang mencakupi pendidikan dalam asrama, organisasi pelajar dan mahasiswa.

### **3.5.2 Organisasi Pelajar**

Dalam pendidikan moden selalu terdapat beberapa organisasi pelajar. Organisasi pelajar ini bertujuan untuk menyokong kejayaan mereka dalam belajar dan menyokong laju perkembangan institusi pendidikan tersebut. Oleh sebab itu semenjak penubuhan perguruan Diniyah Puteri, institusi pendidikan moden ini telah membuka pintu bagi kehadiran organisasi pelajar. Adapun jumlah organisasi yang telah masuk ke dalam perguruan adalah sebanyak empat jenis.

#### **3.5.2.1 Persatuan Murid-Murid Diniyah School (PMDS)**

PMDS ditubuhkan pada tahun 1921 oleh Zainuddin Labay El Yunusi iaitu abang kandung Rahmah El Yunusiah yang juga merupakan pengasas Diniyah School. Matlamat penubuhan organisasi ini adalah untuk menggiatkan para pelajar Diniyah School untuk belajar ilmu agama dan menguatkan persatuan di antara pelajar Diniyah School itu sendiri. Selepas penubuhan Perguruan Diniyah Puteri pada tahun 1923, maka organisasi PMDS yang mulanya hanya beranggotakan lelaki sahaja terbahagi menjadi dua bahagian, iaitu PMDS putera dan PMDS puteri.<sup>1</sup>

Dalam perkembangan selanjutnya, PMDS dijadikan sebagai organisasi pelajar sekolah-sekolah agama yang ada di Minangkabau. Maka untuk mendekatkan diri sesama pelajar yang tergabung dalam organisasi ini, diterbitkanlah sebuah majalah yang

---

<sup>1</sup> *Peringatan 55 Tahun Diniyah Putri, op.cit, h. 84.*

bernama Tunas Diniyah. Majalah inilah yang merupakan alat komunikasi antara pelajar yang tergabung dalam PMDS.<sup>1</sup>

Aktiviti-aktiviti dalam organisasi PMDS ini terdiri dari beberapa kegiatan di antaranya adalah dakwah, kesenian, koperasi, keputerian, penerbitan, taman bacaan, dan sukan. Dalam aktiviti dakwah setiap pelajar Diniyah Puteri menjadi peserta dalam kumpulan latihan pidato. Aktiviti ini dilakukan mengikut waktu yang telah ditentukan dan tingkatan kelas masing-masing pelajar. Latihan pidato ini diutamakan untuk menimbulkan keberanian pada diri mereka dan tidak kekok berhadapan dengan masyarakat setelah mereka habis belajar di Perguruan Diniyah Puteri.

Dalam aktiviti kesenian, PMDS menyelaraskan bakat para pelajar dalam bidang seni tari, seni suara, seni drama, dan seni muzik. Pelajar yang mempunyai bakat akan disalurkan dan dilatih menurut bakatnya masing-masing. Sementara itu, aktiviti koperasi berusaha dalam menyediakan keperluan para pelajar di sekolah seperti buku-buku, dan alat-alat tulis lainnya. Dalam aktiviti keputerian PMDS berperanan memberikan pelajaran yang diperlukan oleh wanita, seperti memasak, dekorasi, menjahit, merangka bunga dan sebagainya. Kemudian dalam aktiviti penerbitan, PMDS menerbitkan majalah yang bernama Tunas Muda, kemudian Suara Murid dan pada tahun 1932 dengan nama Kodrat Muda.<sup>2</sup> Di antara kandungan majalah ini adalah karangan dalam kebangkitan dunia pemuda, sejarah puisi dan prosa, khusus puteri, memasak dan lainnya.

---

<sup>1</sup> *Ibid.*

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 95.

Aktiviti taman bacaan adalah aktiviti yang menyediakan buku-buku bacaan dan buku cerita yang berguna bagi pengetahuan dan hiburan. Di samping itu buku-buku tersebut juga diusahakan menyediakan buku-buku yang berkenaan dengan keagamaan, seperti majalah-majalah yang berjiwa Islam. Dan yang terakhir ialah aktiviti sukan yang berfungsi mengajarkan kepada para anggota bagaimana cara untuk bersukan dan menggunakan berbagai-bagai alat sukan dan permainan, seperti senam, bola tampar, tenis meja dan bulu tangkis.

### **3.5.2.2 Persatuan Kulliatul Mualliamat (PKM)**

Persatuan Kulliatul Muallimat (PKM) ditubuhkan pada tahun 1941. Organisasi ini adalah organisasi yang kedua dalam Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang. PKM ini bertujuan untuk mempersatukan seluruh pelajar KMI dan mengajak mereka untuk giat mempelajari agama Islam dan pengetahuan umum yang diperlukan dalam kemajuan zaman dan memelihara kesihatan tubuh badan serta hidup sesuai dengan tuntutan ajaran Islam.<sup>1</sup>

Aktiviti dalam organisasi ini hampir sama dengan aktiviti yang dibuat oleh PMDS. Contohnya di antara aktiviti organisasi ini adalah pidato, penerbitan, sukan, kesenian, keputerian dan taman bacaan. Latihan pidato biasanya diadakan setiap malam Jumaat di dalam asrama. Semua pelajar disarankan untuk sentiasa membuat persiapan pidato, dan untuk berpidato, pelajar akan ditentukan secara rambang yang mesti

---

<sup>1</sup> *Ibid.*

dibawakan dengan bahasa Indonesia, Arab dan Inggeris, juga sekali-kali dalam bahasa daerah.

Dalam aktiviti penerbitan, organisasi ini menerbitkan sebuah majalah yang bernama Sukmi yang bermaksud Suara Kulliatul Muallimat El Islamiah . Melalui Sukmi ini semua pelajar dapat menyalurkan bakat menulis karangan. Di samping itu majalah ini sangat berguna sekali sebagai wadah penerangan dan sebagai bacaan bagi anggotanya.

### **3.5.2.3 Organisasi Ikatan Bekas Pelajar Diniyah Puteri dan KMI Padang Panjang**

Berkat saranan dari Rahmah El Yunusiah maka ditubuhkanlah Organisasi Ikatan Bekas Pelajar Diniyah Puteri dan KMI Padang Panjang pada 4 Disember 1963. Organisasi ini bertujuan untuk mewujudkan persatuan yang kuat bagi bekas-bekas pelajar Diniyah Puteri dan KMI untuk mencapai cita-cita Islam khususnya dan umat manusia umumnya.<sup>1</sup>

Di antara aktiviti organisasi ini adalah mempraktikkan ajaran-ajaran Islam dalam kehidupan seharian, mengadakan dakwah dan tabligh di masjid-masjid dan surau-surau, menubuhkan madrasah-madrasah dan pesantren sebagai cawangan dari Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang, menubuhkan yayasan Islam seperti Yayasan Dharma Bhakti yang ditubuhkan di Jakarta pada tahun 1965, mengumpulkan dana untuk pembangunan dan pengembangan Perguruan Diniyah Puteri, membina hubungan baik

---

<sup>1</sup> *Peringatan 55 Tahun Diniyah, op.cit, h. 96.*

dengan pengurus perguruan, majlis guru dan keluarga besar Perguruan Diniyah Puteri dengan berbagai-bagai aktiviti antara lain dengan mengadakan lawatan ke Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang dan menghadiri acara-acara yang diadakan oleh perguruan.<sup>1</sup>

### **3.5.2.4 Persatuan Pelajar Islam Indonesia (PII)**

Kemasukan organisasi Persatuan Pelajar Islam Indonesia (PII) ke dalam perguruan tidaklah begitu mudah, kerana PII adalah organisasi pelajar putera dan puteri. Sedangkan organisasi yang selama ini terdapat dalam Perguruan Diniyah Puteri adalah organisasi pelajar puteri sahaja. Maka setelah Rahmah El Yunusiah mempertimbangkannya, akhirnya PII ditubuhkan juga pada 1966 dalam Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang dengan jumlah anggotanya sebanyak 550 pelajar wanita.<sup>2</sup>

Dengan masuknya PII ke dalam perguruan ini, dinamik pelajar perguruan Diniyah Puteri bertambah hidup. Organisasi ini semakin giat dalam membuat kader pemimpin, misalnya mengadakan *Basic Training* dan *Advance Training*, selain itu mengirim wakil mereka untuk menghadiri konferensi PII se Indonesia.

Dalam perkembangan selanjutnya, organisasi Persatuan Pelajar Islam Indonesia ini semakin meningkat maju. Hal ini kerana ia dapat menopang kemajuan perguruan itu

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, h. 99.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 104.

sendiri, sehingga statusnya dinaikkan menjadi PII Daerah Istimewa Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang.

### **3.6 PERKEMBANGAN PELAJAR**

Pada saat penubuhan Diniyah Puteri pada tahun 1923, perguruan ini mempunyai murid sebanyak 71 perempuan sahaja, majoriti mereka adalah kaum perempuan yang sudah berkahwin<sup>1</sup>. Dalam perkembangan selanjutnya pada tahun 1929, jumlah pelajar perguruan sudah mencapai 350 orang, di mana 275 antaranya tinggal di asrama manakala 75 orang tinggal di rumah masing-masing bersama orang tua mereka.<sup>2</sup> Kemudian pada tahun 1932 jumlah mereka sudah lebih dari 375 orang.<sup>3</sup> Statistik ini menunjukkan perkembangan pelajar perguruan yang sangat pesat, kerana dalam masa 6 tahun sahaja jumlah pelajar di perguruan Diniyah Puteri dapat bertambah 4 kali lipat dari jumlah pelajar pada saat penubuhan.

Dari segi jumlah pelajar lulusan perguruan Diniyah Puteri hingga tahun 1969 adalah sebanyak 2,259 pelajar. Di mana hampir setiap tahun perguruan ini melahirkan lebih kurang 60 pelajar lulusan. Namun jumlah ini belum termasuk jumlah pelajar lulusan dari pusat pengajian tinggi, kerana institusi ini baru mempunyai lulusan pertama kali pada tahun 1971.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad *et al.* (1991), *Hajjah Rahmah El Yunusiyah*, *op.cit*, h.42

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, *Op.cit*, h. 263.

<sup>4</sup> Statistik Pelajar dan Mahasiswi Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang 1930-1969.

Jadual 3.4: Jumlah lulusan Perguruan Diniyah Puteri hingga tahun 1969

1. Diniyah Puteri (1930-1969)	:	1,918	Pelajar
2. Kulliyatul Mu'allimat Islamiah (1940-1969)	:	611	Pelajar
3. Fakuti Dirasat Islamiah (1969)	:	-	-
Jumlah :			2,529 Pelajar

Sumber: Peringatan 55 Tahun Diniyah Puteri Padang Panjang.

Adapun majoriti daerah asal para pelajar yang datang ke perguruan Diniyah Puteri adalah Sumatera Barat. Mungkin hal demikian disebabkan oleh faktor kawasan Padang Panjang yang terletak dalam kawasan provinsi tersebut. Selain itu pelajar perguruan juga ada yang berasal dari wilayah lainnya seperti, Palembang, Riau, Bengkulu, Aceh, dan bahkan juga terdapat dari luar negara seperti Malaysia, Singapura dan Filipina.<sup>1</sup>

### **3.7 JENIS PENDIDIKAN DALAM PERGURUAN**

Dalam perkembangan perguruan terdapat beberapa jenis pendidikan yang tidak diteruskan lagi, tetapi diganti dengan jenis pendidikan baru, atau terjadi perubahan peringkat pendidikan dalam tempoh tertentu. Sehingga masa belajar untuk boleh menyelesaikan peringkat tersebut tidak sama, kadang-kadang lebih pendek dan kadang-kadang sebaliknya. Hal ini dilakukan oleh perguruan untuk menyesuaikan tujuan pendidikan di perguruan Diniyah Puteri dengan persekitaran dan keperluan masyarakat

<sup>1</sup> Senarai nama-nama bekas pelajar Kulliyatul Muallimat El Islamiah tahun 1940-1969.

saat itu. Berikut ini adalah jenis lembaga pendidikan yang pernah dirikan oleh perguruan Diniyah Puteri:

### **3.7.1 Madrasah Ibtidaiyah (MI)**

Ketika Perguruan Diniyah Puteri ditubuhkan oleh Rahmah pada tahun 1923, ia hanya mempunyai satu jenis pendidikan sahaja, iaitu Madrasah Ibtidaiyah. Jumlah muridnya tercatat sebanyak 71 orang, yang terdiri dari perempuan yang sudah berkahwin dan belum berkahwin. Mula-mulanya mereka belajar dalam satu kelas yang sama, kemudian dibahagikan menjadi dua kelas yang berbeza. Kelas yang pertama adalah bagi mereka yang belum pernah belajar di sekolah dan kelas yang satunya lagi untuk mereka yang pernah belajar di sekolah.<sup>1</sup>

Tempat mula-mula belajar sekolah ini adalah Masjid Pasar Usang yang berada di Padang Panjang. Kerana pada saat itu perguruan belum memiliki gedung tempat belajar sendiri seperti halnya sekolah lain.<sup>2</sup> Semua murid belajar dalam keadaan duduk bersila dengan buku masing-masing, dan guru menggunakan meja kecil untuk mengajar. Semua buku yang diajarkan adalah berbahasa Arab, dan guru akan menjelaskannya ke dalam bahasa Indonesia. Jika dilihat apa yang diajarkan oleh sekolah pada masa itu maka semuanya adalah semata-mata pengetahuan agama dan kursus bahasa Arab sahaja, iaitu ilmu fiqah, tafsir, tauhid, saraf, nahwu, adab dan hadis.<sup>3</sup> Namun dalam perkembangan

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, Op.cit,h. 259.

<sup>2</sup> Ibid.,h.42.

<sup>3</sup> *Peringatan 55 Tahun*, op.cit,h. 44.

beberapa tahun kemudian, pelajaran umum telah mula diajarkan kepada murid-murid Madrasah Ibtidaiyah. Antaranya adalah Ilmu bumi dan menulis.<sup>1</sup>

Pada tahun 1924 diadakan pemisahan di antara murid yang belum berkahwin dan yang telah berkahwin. Bagi mereka yang telah berkahwin akan belajar dalam kelas yang baru yang diberi nama Sekolah Menyesal atau Menyesal School. Pada awal ditubuhkan, masa belajar dibuat pada malam hari, kemudian dipindah pada petang hari untuk mengelakkan fitnah. Hal ini dilakukan oleh perguruan kerana adanya kebimbangan terhadap latar belakang murid-murid yang berbeza apabila murid-murid yang telah berkahwin bercampur dengan murid-murid yang belum berkahwin. Oleh yang demikian, demi kebaikan perkembangan murid-murid yang masih gadis maka ditubuhkanlah Sekolah Menyesal tersebut.<sup>2</sup>

Sekolah Menyesal hanya berlangsung selama tujuh tahun. Disebabkan Rahmah lebih menumpukan kepada pendidikan anak-anak gadis sahaja pada tahun 1932 yang jumlah mereka sudah lebih dari 375 orang pada saat itu.<sup>3</sup> Apabila Rahmah melihat perkembangan yang berlaku dalam masyarakat, dan minat pelajar yang masuk perguruan semakin besar. Maka muncul keinginan dalam dirinya untuk meningkatkan kualiti pelajaran dengan cara menambah masa pendidikan di Madrasah Ibtidaiyah sehingga menjadi tujuh tahun. Keinginan ini akhirnya terwujud selepas musyawarah Dewan Guru yang diadakan pada tahun 1931. Dalam keputusan tersebut masa belajar tujuh tahun

---

<sup>1</sup> Hasniah Saleh (1996), *Dra. Hjh. Isnaniah Saleh: Pengemban, Pelanjut Cita-Cita dan Perjuangan Rahmah El Yunusiyah*. Jakarta: Pengurus Perguruan Diniyyah Puteri Padang Panjang Perwakilan Jakarta, h.170.

<sup>2</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, Op.cit,h. 263.

<sup>3</sup> *Ibid.*,h.227.

dibahagi menjadi dua bahagian, iaitu masa empat tahun pertama disebut Ibtidaiyah, dan masa belajar tiga tahun berikutnya disebut Tsanawiyah.<sup>1</sup> Menurut Aminuddin Rasyad, walaupun tahap pendidikan tersebut menjadi dua bahagian, namun pada dasarnya Ibtidaiyah dan Tsanawiyah adalah merupakan kesatuan yang sempurna.<sup>2</sup>

Dalam hal ini penulis berpendapat bahawa perubahan masa belajar di Madrasah Ibtidaiyah merupakan proses kemunculan jenis pendidikan baru dalam perguruan. Walaupun ia dikatakan merupakan satu kesatuan yang utuh yang diberi nama dengan Diniyah School Puteri Tujuh Tahun,<sup>3</sup> namun hal itu merupakan sejarah awal kemunculan pendidikan Tsanawiyah di perguruan, serta kemampuan perguruan untuk mengembangkan jenis pendidikan yang dimilikinya. Kerana beberapa tahun selepas itu perguruan kembali berusaha mengembangkan pendidikannya dengan cara menubhukan *Junior Institute* pada tahun 1938 dan *Islamitisch Hollands School* pada tahun 1939, iaitu jenis sekolah umum setingkat Ibtidaiyah dan Tsanawiyah yang kurikulumnya adalah sama dengan sekolah kerajaan, kemudian ditambah dengan pelajaran agama dan bahasa Arab.<sup>4</sup>

Adapun perkembangan Diniyah School Puteri Tujuh Tahun atau Madrasah Ibtidaiyah sudah tiada lagi pada tahun 1947. Hal ini kerana ia dipandang tidak sesuai lagi dengan perkembangan pendidikan di Indonesia. Maka perguruan melakukan

---

<sup>1</sup> *Ibid.*,h.258.

<sup>2</sup> *Ibid.*,h.281.

<sup>3</sup> *Ibid.*,h. 222.

<sup>4</sup> *Ibid.*,h. 362.

perubahan terhadap institusi pendidikannya dengan menubuhkan empat jenis pendidikan yang baru, di antaranya iaitu Sekolah Diniyah Rendah (SDR).<sup>1</sup>

Sekolah Diniyah Rendah (SDR) adalah peringkat sekolah yang sama dengan sekolah rendah kerajaan dengan tempoh belajar selama lima tahun. Lain pula keadaannya dengan SDR perguruan yang mempunyai tempoh belajar selama tujuh tahun. Pelajar yang diterima masuk adalah pelajar perempuan yang umur mereka sekurang-kurangnya enam tahun dan tidak pandai membaca dan menulis.<sup>2</sup> Dalam empat tahun pertama mereka akan belajar di kelas yang disebut Awwaliyah, kemudian dilanjutkan dengan tiga tahun berikutnya di kelas yang disebut Ibtidaiyyah. Adapun pelajaran yang diberikan dalam SDR dibahagi menjadi empat bahagian. Iaitu pendidikan agama, bahasa Indonesia, bahasa Arab dan pengetahuan umum. Untuk mencapai tujuan SDR, maka pada peringkat Awwaliyah pelajar lebih banyak diajarkan dengan ilmu agama dan mengenai bahasa Indonesia sahaja. Hanya apabila telah berada pada peringkat Ibtidaiyyah semua murid-murid akan memperoleh pelajaran umum tambahan.<sup>3</sup>

Sejak tahun 1954 SDR tidak lagi menerima pelajar baru, disebabkan masyarakat sudah boleh belajar di daerah masing-masing kerana kerajaan telah mendirikan Sekolah Dasar hingga ke daerah-daerah terpencil di Indonesia.<sup>4</sup> Jumlah pelajar yang masuk SDR

---

<sup>1</sup> *Ibid.*,h. 222.

<sup>2</sup> Rencana dan Peraturan Taman Pendidikan Kulliyatul Mu'allimat Al Islamiah dan Diniyah Puteri Padang Panjang 1947.

<sup>3</sup> Kurikulum Mata Pelajaran Sekolah Diniyah Rendah (SDR) Periode 1947-1954.

<sup>4</sup> *Buku Peringatan 55 Tahun, Op.cit*,h. 60.

berkurang dan situasi ini mempunyai pengaruh pada pemberian pendidikan. Akhirnya pada tahun 1963 SDR tidak ada lagi di Perguruan Diniyah Puteri.<sup>1</sup>

### **3.7.2 Diniyah Menengah Pertama (DMP)**

Sekolah Diniyyah Menengah Pertama atau DMP adalah sekolah lanjutan bagi pelajar lulusan Ibtidaiyah atau yang setara dengannya. Ditubuhkan pada tahun 1947 bertujuan untuk memenuhi harapan masyarakat, dan menyesuaikan sistem pendidikan perguruan dengan perkembangan sistem pendidikan yang telah sedia ada di Indonesia. Maka pada tahun tersebut perguruan melakukan perubahan terhadap institusi pendidikannya dengan menubuhkan Sekolah Diniyyah Menengah (DMP) yang dibahagi menjadi tiga bahagian:

1. Sekolah Diniyah Menengah Pertama Bahagian A (DMP bahagian A)
2. Sekolah Diniyah Menengah Pertama Bahagian B (DMP bahagian B)
3. Sekolah Diniyah Menengah Pertama Bahagian C (DMP bahagian C)<sup>2</sup>

Sekolah Diniyyah Menengah Pertama Bahagian A (DMP bahagian A) adalah sekolah menengah bagi pelajar perempuan yang telah lulus dari Sekolah Diniyah Putri Rendah (SDR) atau yang memiliki sijil Ibtidaiyah enam tahun.<sup>3</sup> Masa pendidikan DMP bahagian A adalah tiga tahun, dan mempunyai beberapa pelajaran yang tidak pernah diajarkan di peringkat sebelumnya, terutama dalam hal pelajaran bahasa dan pelajaran

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, Op.cit,h. 454.

<sup>2</sup> *Ibid.*,h. 222.

<sup>3</sup> *Ibid.*,h. 450.

umum. Biasanya pelajar hanya diajarkan dengan pelajaran bahasa Indonesia dan bahasa Arab sahaja, tetapi pada peringkat ini mereka telah diajarkan subjek bahasa Inggeris. Kemudian dari hal pelajaran umum pelajar telah diajarkan pula mengenai sejarah Indonesia, sejarah umum dan administrasi (pentadbiran) atau pelajaran yang setingkat dengan Sekolah Menengah Pertama (SMP).<sup>1</sup> Walaupun demikian pelajaran agama adalah tetap sebagai pelajaran utama bagi pelajar.<sup>2</sup>

Bila ada di antara pelajar yang berkeinginan untuk mengikuti ujian akhir SMP yang diselenggarakan oleh kerajaan, mereka dipersiapkan untuk dapat mengikuti ujian tersebut. Maka dengan jalan demikian pelajar lulusan DMP bahagian A ini mempunyai peluang yang lebih luas untuk dapat melanjutkan pelajarannya. Dan bila mereka melanjutkan ke sekolah umum mereka telah mempunyai pengetahuan agama Islam dan bahasa Arab.<sup>3</sup>

Sejak tahun 1950 DMP bahagian A tidak lagi menerima pelajar baru dan cuma menyelesaikan baki kelas yang masih ada. Hal ini disebabkan oleh kurangnya minat masyarakat untuk memasukkan anak perempuan mereka ke sekolah ini. Selain itu di bandar Padang Panjang telah ditubuhkan pula SMP Negeri, SMP Muhammadiyah dan SMP Sadar. Maka pada tahun 1955 DMP bahagian A tidak ada lagi dalam institusi Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Sekolah Menengah Pertama (SMP) adalah Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.

<sup>2</sup> Rencana dan Peraturan Taman Pendidikan Kulliyatul Mu'allimat Al Islamiah dan Diniyah Puteri Padang Panjang, 1947.

<sup>3</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, Op.cit,h. 463-464.

<sup>4</sup> *Ibid.*,h. 465.

Adapun Sekolah Diniyyah Menengah Pertama Bahagian B (DMP bahagian B) adalah jenis pendidikan bagi pelajar perempuan yang memiliki sijil Sekolah Rakyat.<sup>1</sup> Pada mula berdiri masa belajar di DMP bahagian B adalah lima tahun. Namun kerana masa lima tahun itu tidak sesuai bagi pelajar perguruan, maka dikurangkan menjadi empat tahun sahaja.<sup>2</sup>

Pelajaran yang diberikan oleh DMP bahagian B adalah ilmu-ilmu agama, bahasa Arab dan pelajaran umum. Dalam kurikulum DMP bahagian B tahun 1961 telah dimasukkan mata pelajaran Ilmu Keguruan yang terdiri dari Ilmu Mendidik, Ilmu Jiwa dan Sopan Santun. Mata pelajaran tersebut diberikan dengan bertujuan supaya pelajar yang ingin menjadi guru, mereka telah disiapkan dan dapat dikembangkannya sendiri, kerana dasar-dasar mendidik telah diberikan.<sup>3</sup>

Kemudian pada kurikulum DMP bahagian B tahun 1973 kembali mengalami perbaikan dengan dimasukkannya pelajaran Pendidikan Kewargaan Negara (PKN), Keputerian dan Pendidikan Kesejahteraan Keluarga dalam kurikulum baru. Dengan pelajaran yang baru tersebut perguruan mengharapkan pelajarnya tidak hanya pandai dalam hal agama sahaja, tapi juga terampil dalam hal rumah tangga. Membina rumah tangga sejahtera untuk masa depan memerlukan pengetahuan kemahiran.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> *Ibid.*,h. 450. Sekolah Rakyat : Sejenis sekolah rendah dengan masa belajar 6 tahun.

<sup>2</sup> *Ibid.*,h. 465.

<sup>3</sup> *Ibid.*,h.467.

<sup>4</sup> *Ibid.*,h.469.

Jenis DMP yang terakhir adalah DMP bahagian C, iaitu jenis pendidikan khusus perempuan yang memberikan peluang kepada pelajar yang kurang mendapat pendidikan agama Islam di sekolah mereka. Kerana itu jenis ini hanya dikhususkan bagi pelajar SMP dan anak perempuan yang ingin belajar ilmu agama dan bahasa Arab. Sehingga mereka memperoleh ilmu pengetahuan agama dan bahasa Arab yang setara dengan lulusan dari DMP bahagian A dan DMP bahagian B, dan dapat pula melanjutkan sekolah mereka ke Kulliyatul Muallimat Al Islamiah atau ke salah satu perguruan agama Islam yang setingkat dengan KMI.<sup>1</sup>

Sebenarnya penubuhan DMP bahagian C telah diselubung oleh rasa prihatin Rahmah El Yunusiyah terhadap pelajar SMP Padang Panjang yang hingga saat itu tidak mendapat pendidikan agama. Beliau berfikir bahawa pelajar tersebut perlu mendapat pendidikan agama dan bahasa Arab, agar mereka dapat mengembangkan diri dan mendalami agama Islam dengan baik. Maka ditubuhkanlah DMP bahagian C dengan masa belajar dua tahun. Kemudian untuk mencapai tujuan tersebut semua pelajar DMP bahagian C diberi pendidikan agama lebih banyak daripada pelajaran umum, sesuai dengan kemampuan perguruan untuk mengajarkannya.<sup>2</sup>

### **3.7.3 Kulliyatul Mu'allimat Al Islamiah (KMI)**

Kulliyatul Mu'allimat Al-Islamiyyah bermaksud Sekolah Guru Putri Islam. Ditubuhkan pada tarikh 1 Februari 1937. Nama awalnya yang diberikan kepada sekolah

---

<sup>1</sup> *Ibid.*,h. 450-451.

<sup>2</sup> *Ibid.*,h. 451.

ini adalah *al-Madrāsah al-Mu'allimāt al-Islamiyah* kemudian pada tahun 1940 berubah menjadi KMI (Kulliyatul Mu'allimat Al-Islamiyyah).<sup>1</sup>

Penubuhan KMI di latar belakangi oleh keadaan pada saat itu, di mana ramai dari kalangan masyarakat yang meminta kepada Perguruan Diniyah Puteri agar membuka jenis pendidikan bagi pelajar perempuan yang berkeinginan melanjutkan pendidikan mereka ke peringkat yang lebih tinggi.<sup>2</sup> Sehingga pendidikan mereka tidak berakhir ketika telah tamat dari Sekolah Rakyat (Sekolah Rendah) sahaja, namun dapat diteruskan lagi ke peringkat sekolah lanjutan. Selain itu Rahmah juga telah banyak menerima permintaan dari berbagai tempat supaya mengirim lulusan Diniyah Puteri sebagai guru di tempat mereka. Dalam menghadapi masalah ini, perguruan merasakan ketidakmampuannya untuk memenuhi permintaan tersebut, kerana perguruan sendiri masih mengalami kekurangan guru.<sup>3</sup>

Melihat kenyataan sebagaimana dikemukakan di atas, Rahmah bersama kawan kawannya dalam organisasi PGAPI (Perikatan Guru-guru Agama Puteri Islam)<sup>4</sup> mengadakan musyawarah. Dalam musyawarah tersebut Rahmah mengemukakan keinginannya untuk mendirikan institusi pendidikan guru agama bagi wanita, yang bertujuan untuk memenuhi keinginan masyarakat dan mencukupi keperluan Perguruan Diniyah Puteri dengan guru-guru.<sup>5</sup> Akhirnya seluruh ahli PGAPI memberi sokongan

<sup>1</sup> *Peringatan 55 Tahun, op.cit,h. 48.*

<sup>2</sup> Aminuddin Rasyad et al. (1991), *Hajjah Rahmah El Yunusiyah, op.cit, h.54.*

<sup>3</sup> *Buku Peringatan 15 Tahun op.cit,h. 25.* dan Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri, op.cit, h. 352.*

<sup>4</sup> Didirikan oleh Rahmah El Yunusiyah pada tahun 1936 dalam lingkungan Diniyah Puteri Padang Panjang. Lihat : *Ibid.,h.25.*

<sup>5</sup> *Ibid.,h. 353.*

kepada Rahmah dan menetapkan tarikh 1 Februari 1937 sebagai penubuhan sekolah guru wanita tersebut dengan nama Kulliyatul Mu'allimat Al-Islamiyyah.<sup>1</sup>

Jumlah murid KMI pertama ditubuhkan adalah 20 orang pelajar, mereka semua adalah pelajar lulusan dari Diniyah School Puteri kelas tujuh.<sup>2</sup> Dan lama belajarnya pada saat pertama kali didirikan adalah empat tahun kemudian masa tersebut diubah menjadi tiga tahun. Hal ini dilakukan bertujuan untuk mengoptimalkan pendidikan KMI dan menyesuaikannya dengan keadaan masyarakat ketika itu. Di mana kesanggupan ibu bapa untuk memberikan biaya pendidikan disebabkan oleh kemiskinan, kemudian waktu yang dimiliki oleh kaum wanita pada saat itu sangat terbatas.<sup>3</sup> Di mana usia 17 tahun pada saat itu adalah masa berkahwin bagi kaum perempuan dan akan dipandang tidak baik jika belum berkahwin ketika usianya sudah lebih dari 17 tahun.<sup>4</sup>

Sebagaimana tujuan penubuhan KMI di atas, maka semua pelajarnya disiapkan menjadi calon guru Ibtidaiyah dan Tsanawiyah. Kurikulumnya disesuaikan dengan tujuan KMI sehingga para lulusannya dapat menjadi guru agama, guru bahasa Arab serta guru pengetahuan umum di sekolah Ibtidaiyah atau Tsanawiyah.<sup>5</sup> Hal penting yang perlu diambil perhatian terhadap kurikulum KMI adalah kedudukan pelajaran umum yang lebih banyak diajarkan daripada pelajaran agama dan bahasa Arab. Disebabkan perguruan melihat bahawa calon guru Tsanawiyah harus mempelajari ilmu pengetahuan

---

<sup>1</sup> *Buku Peringatan 15 Tahun, op.cit, h. 25.*

<sup>2</sup> Tim Aminuddin Rasyad et al. (1991), *Hajjah Rahmah El Yunusiyah, op.cit, h.54.*

<sup>3</sup> *Buku Peringatan 15 Tahun, op.cit,h. 26.*

<sup>4</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri, op.cit,h. 356.*

<sup>5</sup> *Buku Peringatan 55 Tahun, op.cit,h. 69.*

umum yang luas, agar mereka dapat menganalisis dan memberikan pelajaran agama dan bahasa Arab.<sup>1</sup>

Antara pengetahuan umum yang diberikan oleh KMI dan sangat bermanfaat bagi pendidikan calon guru adalah Ilmu Pendidikan dan Ilmu Kesusilaan.<sup>2</sup> Di mana dua pelajaran tersebut mengajarkan tentang cara mendidik dan bagaimana seharusnya seorang guru wanita berbuat sebagai ibu pendidik. Maka dengan penguasaan teori dan praktikal keguruan yang diberikan ini, para lulusan dapat mewujudkan matlamat dan tujuan perguruan.

Melihat kepada perkembangan KMI, jenis pendidikan ini telah meluluskan guru wanita pertama kali pada tahun 1940, iaitu sebanyak 14 orang guru wanita, dan selanjutnya hingga tahun 1948 atau lapan tahun kemudian lulusan KMI sudah berjumlah sebanyak 98 orang guru wanita. Sebahagian dari mereka telah bekerja sebagai guru di Perguruan Diniyah Puteri, dan sebahagian yang lain telah menujuhkan Madrasah Diniyah di tempat mereka dengan mencontoh sistem pendidikan Perguruan Diniyah Puteri.<sup>3</sup>

### **3.7.4 Fakulti Dirasaat Islamiah (FDI)**

Pengasas Perguruan Diniyah Puteri berkeinginan supaya kaum wanita tidak hanya mendapat pendidikan sekolah rendah sahaja, namun mereka juga dapat

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, op.cit,h. 374.

<sup>2</sup> Kurikulum Kulliyatul Mu'allimat El Islamiyah (KMI) periode 1937-1939.

<sup>3</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, op.cit, h. 359.

meneruskan pendidikannya ke peringkat yang lebih tinggi, sesuai dengan jenis pendidikan yang ada. Oleh kerana itu Rahmah selalu berusaha memajukan institusi pendidikan yang ditubuhkannya, mulai dari penubuhan jenis pendidikan Ibtidaiyah hingga penubuhan Kulliyatul Mu'allimat Al-Islamiyyah (KMI) dan Sekolah Diniyyah Menengah (DMP).

Semangat Rahmah tidak berhenti sampai di situ, bahkan ia mengharapkan sebuah universiti khusus bagi perempuan guna memajukan pendidikan mereka. Sehingga cita-cita ini pun telah dimulainya pada tahun 1964 dengan mendirikan Akademi Diniyah Puteri.<sup>1</sup> Sebenarnya penubuhan Akademi Diniyah Puteri adalah sebagai persiapan untuk mendirikan sebuah pusat pengajian tinggi. Kerana sejak tahun 1964 kelas-kelas sudah berjalan sebagaimana layaknya sebuah pusat pengajian tinggi, namun belum dirasmikan. Hal ini bertujuan untuk mengetahui sambutan masyarakat terhadap jenis pendidikan tersebut. Sehingga apabila telah terlihat sambutan yang baik dari masyarakat, maka dirasmikanlah menjadi pusat pengajian tinggi.<sup>2</sup> Oleh kerana itu Akademi Diniyah Puteri hanya berjalan selama tiga tahun sahaja, lalu pada tarikh 22 November 1967 dirasmikan menjadi Fakulti Tarbiah dan Dakwah Pusat Pengajian Tinggi Diniyah Puteri.<sup>3</sup>

Untuk menyelaraskan nama Fakulti Tarbiah dan Dakwah (FTD) dengan IAIN (Institut Agama Islam Negri), maka pada tahun 1969 Fakulti Tarbiah dan Dakwah

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad *et al.* (1991), *Hajjah Rahmah El Yunusiyah*, *op.cit*, h.100.

<sup>2</sup> Buku Peringatan 55 Tahun, *op.cit*, h. 74.

<sup>3</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, *op.cit*, h. 456.

diubah menjadi Fakulti Dirasah Islamiah (FDI).<sup>1</sup> Sehingga dalam perkembangan FDI seterusnya, pusat pengajian tinggi Diniyah Puteri dapat meraih pengakuan dari pemerintah dengan menyetarakan sijil sarjana muda lulusan FDI dengan sijil sarjana muda Fakulti Usuluddin IAIN.<sup>2</sup>

Meskipun namanya telah diubah menjadi Fakulti Dirasah Islamiah , namun kurikulum yang digunakan masih kurikulum Fakulti Tarbiah dan Dakwah (FTD).<sup>3</sup> Di mana semua pelajaran yang diberikan sudah mencakupi banyak bidang seperti ilmu tafsir, fiqah, hadis dan bidang ilmu umum lainnya. Di samping itu semua pelajar FDI ini akan tetap mampu untuk menjadi sebagai guru.<sup>4</sup> Kerana pelajaran praktik mengajar juga diberikan kepada mereka di luar jam kuliah. Hal ini dilaksanakan oleh pimpinan fakulti secara bergantian dengan menjadikan KMI, DMP bahagian B dan C sebagai tempat praktik.<sup>5</sup>

### 3.8 KESIMPULAN

Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang ditubuhkan oleh Rahmah El Yunusiah pada 1 November 1923. Latar belakang penubuhan perguruan ini didorong oleh keinginannya untuk memperjuangkan nasib kaum perempuan khususnya murid-murid

---

<sup>1</sup> Profil Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyah Diniyyah Puteri Rahmah El Yunusiyah, tahun akademik 2009/2010, h. 1.

<sup>2</sup> Surat Keputusan Menteri Agama Tentang Pemberian Pengakuan Ijazah Bakaloreat/Sarjana Muda Lengkap Dari FakultiDirasat Islamiyah Perguruan Tinggi Diniyah Puteri Padang Panjang, 1969, (Akta No. 117, 1969).

<sup>3</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, op.cit,h. 491.

<sup>4</sup> Syarifatul Hayati, Pembantu Ketua I Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyah (STIT) Diniyah Puteri Rahmah El Yunusiah, Temubual pada 1 Disember 2010.

<sup>5</sup> Buku Peringatan 55 Tahun, op.cit,h. 80. dan Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, op.cit,h. 491.

perempuan yang bersekolah di Diniyah School. Berdasarkan pengalamannya tersebut menunjukkan bahawa murid-murid perempuan tidak mendapatkan kebebasan sepenuhnya dalam kelas yang bercampur dengan pelajar lelaki. Oleh sebab itu beliau mengharapkan pendidikan yang lebih maju bagi perempuan daripada yang pernah beliau rasai.

Perkembangan perguruan Diniyah Puteri dari semasa ke semasa telah membuat beberapa perubahan dan kemajuan dalam perguruan sendiri. Pertama adalah perubahan sistem pembelajaran *halaqah* menjadi sistem moden. Di mana pada masa penubuhan pertama kali perguruan menggunakan sistem *halaqah* di masjid Pasar Usang, kemudian selepas membina bangunan sekolah sendiri sistem *halaqah* tersebut ditukar dengan sistem pendidikan moden, iaitu menggunakan alat-alat mengajar dan belajar, menggunakan jadual pelajaran dan jadual guru pengajar.

Kedua adalah perubahan dalam mata pelajaran, di mana pelajaran yang diberikan tidak hanya tentang ilmu agama dan bahasa Arab sahaja sebagaimana masa penubuhan pertama kali. Akan tetapi dalam perkembangan seterusnya perguruan memberikan pelajaran umum dan kemahiran, seperti ilmu bumi, bahasa Indonesia, Bahasa Inggeris, Pendidikan Kewargaan Negara (PKN), Keputerian dan menjahit.

Ketiga adalah jenis pendidikan, di mana jenis pendidikan perguruan telah bertambah menjadi tiga jenis pendidikan selepas empat belas tahun penubuhannya (1937). Tiga jenis pendidikan tersebut adalah ibtidaiyah, tsanawiyah dan KMI. Sepuluh tahun kemudian (1947) perguruan kembali menukuhan empat jenis pendidikan baru

iaitu: Sekolah Diniyah Rendah (SDR) lama pendidikannya tujuh tahun, setingkat dengan sekolah rendah yang didirikan oleh kerajaan. Sekolah Diniyyah Menengah Pertama Bahagian A (DMP bahagian A), Sekolah Diniyyah Menengah Pertama Bahagian B (DMP bahagian B) dan Sekolah Diniyyah Menengah Pertama Bahagian C (DMP bahagian C). Tiga buah sekolah yang terakhir ini setingkat dengan sekolah menengah dengan bidang subjek agama dan bahasa Arab menjadi pelajaran utama. Seterusnya tujuh belas tahun kemudian (1964), perguruan berjaya menukuhkan sebuah institusi pengajian tinggi. Dengan demikian selepas empat puluh satu tahun, Perguruan Diniyah Puteri telah mempunyai jenis-jenis pendidikan mulai dari sekolah rendah hingga ke pengajian tinggi.

Keempat adalah jumlah pelajar lulusan, di mana lulusan perguruan menjadi bertambah banyak. Mengikut jumlah yang disebutkan oleh perguruan, maka jumlah pelajar lulusan Perguruan Diniyah Puteri adalah 2,529 orang yang berasal dari berbagai-bagi kawasan Indonesia, Malaysia, Singapura dan Filipina. Hal ini menandakan bahawa minat berserta tanggapan dan reaksi dari masyarakat semakin baik terhadap Perguruan Diniyah Puteri. Sehingga ramai pelajar wanita yang mendapatkan pendidikan dari sekolah ini dan menyampaikan ilmu yang telah mereka dapatkan di perguruan sama ada kepada masyarakat atau kepada institusi pendidikan di kampung mereka masing-masing.

Adapun sistem pendidikan Perguruan Diniyah Puteri adalah sistem pendidikan bersepadu, iaitu menggabungkan tiga jenis pendidikan yang diperoleh dari rumah, sekolah dan masyarakat. Dengan sistem pendidikan bersepadu ini, ilmu pengetahuan,

ilmu agama serta pengalaman masing-masing pelajar diperaktikkan dan disempurnakan dalam asrama di bawah asuhan guru-guru asrama. Selepas pendidikan formal pada pagi hari, semua pelajar akan mempraktikkan pelajaran tersebut dalam persekitaran asrama atau membincangkannya dengan guru asrama dan kelompok belajar masing-masing. Oleh sebab itu peranan asrama dalam Perguruan Diniyah Puteri sangat penting, kerana selain berfungsi sebagai tempat mempraktikkan ilmu dan pengembangan diri, ia juga berfungsi sebagai lembaga bimbingan peribadi. Jadi fungsi asrama dalam Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang tidak hanya sebagai tempat tinggal sahaja bagi para pelajarnya.

Selain itu dalam Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang terdapat beberapa organisasi pelajarnya yang bertujuan untuk menyokong kejayaan murid-murid dalam belajar. Kerana melalui organisasi pelajar tersebut, murid-murid perguruan mendapatkan pengalaman dan pelajaran tambahan lain melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan, seperti seni tari, seni suara, seni drama, seni muzik, memasak, menjahit, dekorasi, penerbitan, pidato, dakwah dan lainnya.

## **BAB IV**

### **PERANAN INSTITUSI PERGURUAN DINIYYAH PUTERI DALAM PENDIDIKAN WANITA**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Sebagai dari kesan sistem penjajahan yang menindas dan menghambat kemajuan, keadaan dan kedudukan wanita umumnya ketinggalan, adat istiadat mengekang, pendidikan dan pengetahuan yang cetek, kebebasan dalam perkahwinan dan lain-lain bermaharajalela. Rahmah El Yunusiyah , menyedari hanya dengan jalan pendidikan maka kedudukan dan peranan wanita dapat ditingkatkan dalam keluarga dan masyarakat. Beliau menyedari perlunya pendidikan yang luas kepada wanita agar mereka lebih cakap dalam melaksanakan peranannya sebagai ibu dan pendidik pertama dalam keluarga.

Terdorong oleh keadaan demikian Rahmah El Yunusiyah bercita-cita memperbaiki kedudukan kaum wanita melalui pendidikan moden berdasarkan prinsip agama. Sehingga akhirnya cita-cita tersebut dapat diwujudkannya setelah ia berjaya menubuhkan Perguruan Diniyah Puteri di Padang Panjang, yang bertujuan membentuk puteri yang berjiwa Islam dan ibu pendidik yang cakap dan aktif serta bertanggung jawab terhadap kesejahteraan keluarga, masyarakat dan tanah air atas dasar pengabdian

kepada Allah SWT. Sistem pendidikan Diniyah Puteri sangat maju, di samping pendidikan agama yang mendalam, kurikulumnya mencakup mata pelajaran bahasa Inggeris dan Belanda, kemahiran, memasak, pertolongan kecemasan dan lain-lain.<sup>1</sup>

Dari sejumlah laporan kajian dan tulisan yang mengkaji mengenai Perguruan Diniyah Puteri, sebahagian di antaranya menghuraikan beberapa kehebatan perguruan dan memberikan sanjungan atas sumbangan yang telah diberikannya kepada pembangunan masyarakat. Bahkan ramai tokoh perempuan pada masa lalu dan sekarang merupakan lulusan Perguruan Diniyah Puteri.

Penilaian positif yang diberikan para penyelidik dan penulis terhadap Perguruan Diniyah Puteri bukannya penilaian yang tidak berasas, melainkan suatu kenyataan yang boleh dibuktikan. Hal ini dapat dilihat dengan memperhatikan potensi yang dimiliki perguruan, terutama sekali berkaitan dengan penyelenggaraan pendidikan bagi perempuan.

Maka untuk mengetahui peranan yang telah dilaksanakan Perguruan Diniyah Puteri semasa hidup Rahmah El Yunusiyah dalam memberikan pendidikan kepada kaum wanita di Padang Panjang, dalam bab ini penulis akan membincangkan peranannya dalam membina sistem pendidikan, melaksanakan pendidikan guru, menyediakan pendidikan kewanitaan, membasmi buta huruf dan menubuhkan pusat pengajian tinggi.

---

<sup>1</sup> *Perjuangan Wanita Indonesia, 10 Windu Setelah Kartini 1904-1984*. Jakarta: Departemen Penerangan RI 1984, Direktorat Publikasi, Direktorat Jendral PPG Departemen Penerangan RI NPD:79/08/07/1948, h. 203.

## **4.2 MEMBINA SISTEM PENDIDIKAN KHUSUS PEREMPUAN**

Secara amnya Perguruan Diniyah Puteri adalah sebagai tempat bagi para guru dalam memindahkan ilmu pengetahuan kepada pelajar dalam usaha mencapai matlamat pendidikan. Dalam hal ini Perguruan Diniyah Puteri terlihat sangat berupaya membina suatu mekanisme dan kaedah dalam memindahkan ilmu pengetahuan kepada pelajar. Jika kita lihat erti sistem itu sendiri maka sistem bermaksud cara atau kaedah yang digunakan untuk mencapai suatu tujuan tertentu. Sementara erti pendidikan ialah pemindahan pengetahuan yang berlangsung di dalam sekolah dan berbagai-bagai tempat lainnya dari orang yang memiliki pengetahuan kepada orang yang belum memiliki pengetahuan.<sup>1</sup> Maka berdasarkan definisi ini sistem pendidikan Perguruan Diniyah Puteri dapat kita ertikan dengan mekanisme dan metodologi yang digunakan oleh perguruan dalam memberikan pengetahuan kepada pelajar perempuan dalam usaha mencapai matlamat pendidikannya.

Sistem yang digunakan perguruan Diniyah Puteri adalah sistem pendidikan Diniyah School yang pernah ditubuhkan oleh Zinuddin Labay El Yunusi. Iaitu sistem klasikal dengan susunan pelajaran yang bersepadu antara ilmu-ilmu keagamaan dan ilmu-ilmu umum.<sup>2</sup> Hal ini terlihat dari kitab-kitab yang digunakannya yang tidak selalu berpedoman pada kitab-kitab klasik, tetapi memakai kitab-kitab baru yang biasa digunakan oleh sekolah-sekolah agama di Mesir.<sup>3</sup> Pelajaran tersebut diberikan kepada

---

<sup>1</sup> Hasan Lumbung (1979), *Pendidikan Islam: Suatu Analisa sosio-psycologikal*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h.3. dan Arifin H.M (1993), *Kapita Selekta Pendidikan (Islam dan Umum)*. Jakarta: Bumi Aksara, h. 257.

<sup>2</sup> Maksum (1999), *Madrasah, Sejarah dan Pertumbuhannya*. Jakarta: Logos, h. 103.

<sup>3</sup> Haidar Putra Daulay (2009), *Dinamika Pendidikan Islam di Asia Tenggara*. Jakarta: Rineka Cipta, h. 33.

murid-murid mengikut jadual dan guru yang telah ditentukan, dengan mencampurkan pelajar lelaki dan perempuan dalam kelas yang sama dan menggunakan bangku, meja serta papan tulis.

Kemunculan Diniyah School tersebut yang telah memberi inspirasi kepada pengasas Perguruan Diniyah Puteri dalam membina sistem pendidikan khusus perempuan yang diadakan di masjid Pasar Usang. Mula mulanya sistem Diniyah School yang ditirunya itu tidak dilaksanakan secara sempurna, disebabkan masjid yang digunakan tidak memungkinkan sehingga aktiviti belajar dan mengajar dilaksanakan menggunakan peralatan yang sederhana sahaja. Murid-murid hanya duduk bersila di atas lantai menghadap buku masing-masing dan menerima pelajaran dari guru yang duduk menghadap sebuah meja kecil. Kitab-kitab semuanya dalam bahasa Arab sedangkan guru menerangkan dalam bahasa Indonesia. Masa belajarnya hanya dari pukul 08.00 pagi sampai pukul 10.30 pagi. Sedangkan asrama pelajar adalah rumah Rahmah El Yunusiah sendiri yang disediakan untuk mereka yang datang dari luar bandar Padang Panjang.<sup>1</sup>

Selepas Zainuddin Labay wafat pada tahun 1924, Rahmah mengadakan pembaharuan dalam Perguruan Diniyah Puteri.<sup>2</sup> Beliau memulakan dengan mencari tempat yang baik dan sesuai bagi menjalankan sistem pendidikan dan melengkapkan peralatan dengan secukupnya seperti ruang belajar, meja, bangku serta papan tulis. Tempat yang digunakan oleh Rahmah tersebut adalah sebuah rumah dua tingkat yang

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad *et al.* (1991), *Hajjah Rahmah El Yunusiyah*, op.cit, h. 42-43.

<sup>2</sup> *Ibid.*,h. 44.

disewa. Bahagian tingkat atas bangunan dijadikan sebagai asrama pelajar kerana memang sebelumnya telah mengadakan asrama bagi pelajarnya di rumah pengasas, sedangkan tingkat bahagian bawah digunakan sebagai bilik tempat belajar.<sup>1</sup> Pada tahun 1925 gedung yang disewa tersebut sudah tidak memadai lagi karena jumlah murid yang bertambah ramai. Maka diusahakannya membina gedung sendiri dengan cara bergotong royong.<sup>2</sup> Gedung baru tersebut dibangunkan sebanyak dua buah gedung dua tingkat, berfungsi sebagai asrama di tingkat atas manakala sekolah di tingkat bawah. Gedung baru ini dikenali oleh pelajarnya dengan asrama Barat (bahagian Barat) dan asrama Timur (bahagian Timur).

Pembinaan persekitaran perguruan Diniyah Puteri yang sedemikian dapat difahami bahawa perguruan tersebut semenjak kemunculannya berusaha membina sistem pendidikan bagi perempuan dengan menggabungkan antara pendidikan sekolah dan pendidikan asrama dalam persekitaran yang sama. Kalau diteliti dengan lebih dalam, sistem ini adalah sama seperti sistem pendidikan yang biasa digunakan oleh institusi pendidikan pesantren di pulau Jawa. Di mana murid-murid tinggal dan belajar dalam persekitaran asrama dengan bimbingan kiai<sup>3</sup>. Namun hal yang membuat Diniyah Puteri berbeza dengan sistem pesantren adalah, penggunaan sistem sekolah yang beraliran moden dan pengkhususan institusinya untuk perempuan sahaja .

---

<sup>1</sup> Anas Nafis (2006), *Diniyah School Padang Panjang: Pergerakan Perempuan Minangkabau*

<sup>2</sup> Saifullah Mohd Sawi (2007), *Hj. Rahmah El-Yunusiah (1900-1969), Tokoh Pendidik, Pejuang Wanita Dari Minangkabau*. Selangor: Bandar Baru Bangi, h. 6.

<sup>3</sup> Istilah pengasuh pesantren di Jawa disebut kiai; di Minangkabau disebut buya, di Aceh disebut tengku, di Sumatera Utara di sebut syeikh, dan di Kalimantan disebut tuan guru. Lihat: Abdur rahman Wahid (1985), *Pesantren Sebagai Subkultur*, dalam M. Dawam Raharjo,(ed.), *Pesantren dan Pembaharuan*. Jakarta: LP3S, h. 39.

Dalam buku *Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia*, Mahmud Yunus mengatakan bahawa Perguruan Diniyah Puteri adalah madrasah puteri yang pertama di Indonesia, telah hidup subur serta mendapat kemajuan yang pesat semenjak ditubuhkan.<sup>1</sup> Berdasar maklumat ini, apabila kita melihat akan perkembangan pendidikan di Padang Panjang, ia sama sekali belum ada mana-mana sekolah yang mempunyai sistem pendidikan asrama dan sekolah moden seperti Diniyah Puteri. Oleh sebab itu sistem pendidikan yang dimiliki oleh Diniyah Puteri adalah menjadi ciri khas tersendiri pada masa itu.

Keunikan sistem yang dibina oleh Diniyah Puteri adalah disebabkan kerana semua pelajar puteri tidak hanya dididik dalam persekitaran sekolah sahaja namun juga dididik dalam persekitaran asrama. Di mana dalam persekitaran sekolah, pelajar Diniyah Puteri dapat menyepadan pengajaran ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu umum secara klasikal, serta mendapatkan pelajaran kemahiran.<sup>2</sup> Sedangkan dalam persekitaran asrama pelajar dapat mempraktikkan ilmu yang mereka terima dari sekolah dan mendapatkan pendidikan tambahan lainnya seperti pendidikan ‘*ubudiyah*, kemahiran, organisasi, pengakap, kesenian, sukan dan lainnya.<sup>3</sup>

Untuk menyempurnakan sistem pendidikan di Perguruan Diniyah Puteri, pengasas perguruan melakukan perjalanan pemantauan ke seluruh wilayah di Sumatera dan Jawa, terutamanya yang berkaitan dengan pendidikan dan perkembangan agama Islam. Dari kajian perbandingan ini, kemudian ia melakukan penyempurnaan sistem pendidikan

---

<sup>1</sup> Mahmud Junus (1960), *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Pustaka Mahmudiah, h. 60.

<sup>2</sup> *Ibid.*,h. 12.

<sup>3</sup> Hasniah Saleh (1996), *Dra. Hjh. Isnaniah Saleh: Pengembangan, Pelanjut Cita Cita dan Perjuangan Rahmah El Yunusiah*. Jakarta: Ghalia Indonesia, h. 358.

Diniyah Puteri sehingga ke dalam kurikulum perguruan dimasukkan mata pelajaran umum yang sesuai dengan hajat murid.<sup>1</sup> Di antaranya adalah bahasa Inggeris, bahasa Belanda, bahasa Indonesia, Ilmu Kesihatan, Ilmu Mendidik dan lainnya sehingga perguruan tidak hanya mengajarkan pelajaran agama semata-mata. Hal ini boleh dilihat pada kurikulum yang digunakan oleh Sekolah Diniyah Rendah (SDR), Sekolah Diniyah Menengah Pertama bahagian A, B, C dan Kulliyatul Mu'allimat Islamiah (KMI) pada tahun 1961. Di mana semua mata pelajaran pada tahun tersebut apabila disenaraikan akan terlihat sebagaimana berikut:

JADUAL 4.1 Senarai mata pelajaran Perguruan Diniyah Puteri tahun 1961

No.	Mata Pelajaran	Kategori
1.	Fikah	Pendidikan agama
2.	Tafsir	Pendidikan agama
3.	Hadis	Pendidikan agama
4.	Tauhid	Pendidikan agama
5.	Akhhlak	Pendidikan agama
6.	Tarikh Islam	Pendidikan agama
7.	Usul fikah	Pendidikan agama
8.	Mustalah Hadis	Pendidikan agama
9.	Al-'Adyan	Pendidikan agama
10.	Bahasa Indonesia	Pendidikan Bahasa (Indonesia)
11.	Bercakap-cakap	Pendidikan Bahasa (Indonesia)
12.	Membaca	Pendidikan Bahasa (Indonesia)

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad (1981), *Manusia Dalam Kemelut*, op.cit, h. 227-228.

13.	Pengetahuan bahasa	Pendidikan Bahasa (Indonesia)
14.	Mengarang	Pendidikan Bahasa (Indonesia)
15.	Menulis	Pendidikan Bahasa (Indonesia)
16.	Al-Qawa'id	Pendidikan Bahasa (Arab)
17.	Al-Balaghah	Pendidikan Bahasa (Arab)
18.	Muthala'ah	Pendidikan Bahasa (Arab)
19.	Muhadatsah	Pendidikan Bahasa (Arab)
20.	Imla'	Pendidikan Bahasa (Arab)
21.	Insyak	Pendidikan Bahasa (Arab)
22.	Mahfuzat	Pendidikan Bahasa (Arab)
23.	Khat	Pendidikan Bahasa (Arab)
24.	Terjamah	Pendidikan Bahasa (Arab)
25.	Matan	Pendidikan Bahasa (Arab)
26.	Bahasa Inggeris	Pendidikan Bahasa (Inggeris)
27.	Ilmu Mendidik	Pendidikan umum
28.	Ilmu Jiwa	Pendidikan umum
29.	Aljabar	Pendidikan umum
30.	Ilmu Ukur	Pendidikan umum
31.	Sopan Santun	Pendidikan umum
32.	Tata Negara	Pendidikan umum
33.	Sejarah Indonesia	Pendidikan umum
34.	Sejarah Umum	Pendidikan umum
35.	Ilmu Administrasi	Pendidikan umum
36.	Kosmografi	Pendidikan umum
37.	Berhitung	Pendidikan umum

38.	Ilmu Bumi	Pendidikan umum
39.	Ilmu Bumi Alam	Pendidikan umum
40.	Ilmu Hayat	Pendidikan umum
41.	Sejarah Tanah Air	Pendidikan umum
42.	Ilmu Kesihatan	Pendidikan umum
43.	Ilmu Alam	Pendidikan umum
44.	Menggambar	Pendidikan umum
45.	Sukan	Pendidikan umum
46.	Seni Suara	Pendidikan umum

Sumber: Kurikulum Mata Pelajaran SDR, DMP bahagian A,B,C dan KMI Tahun 1961

Dari senarai mata pelajaran di atas terdapat 9 mata pelajaran dalam kategori pendidikan agama, 17 mata pelajaran dalam kategori pendidikan bahasa dan 20 mata pelajaran dalam kategori pendidikan umum. Kalau mengikut dalam kiraan peratus, maka pendidikan agama sebanyak 20%, pendidikan bahasa sebanyak 37% dan pendidikan umum sebanyak 43%. Berdasarkan kiraan ini dapat disimpulkan bahawa dalam usaha menyempurnakan sistem pendidikan, Perguruan Diniyah Puteri telah mengubahsuai kurikulumnya sehingga mata pelajaran kategori pendidikan umum diperbanyakkan dibandingkan dengan pendidikan agama dan pendidikan bahasa.

Selain itu sistem pendidikan asrama merupakan di antara sistem pendidikan penting dalam perguruan. Ianya sistem yang tidak boleh dipisahkan dari sistem pendidikan sekolah pada waktu pembelajaran. Di persekitaran asrama semua pelajar mempraktikkan teori yang mereka terima di sekolah, seperti ibadah salat, puasa, pelajaran akhlak,

kemahiran dan lainnya. Para pelajar juga dapat membincangkan hal yang mereka tidak fahami saat belajar di sekolah. Dan biasanya perbincangan tersebut dilakukan dengan bebas dalam kelompok belajar yang kadang-kadang dihadiri oleh guru asrama sebagai pembimbing. Selain itu suasana pendidikan dalam asrama adalah sama halnya seperti suasana pendidikan rumah tangga. Di antara penjaga asrama dan pelajar diciptakan suasana seperti antara ibu dan anak. Mereka seakan-akan tidak terpisah dari orang tua sendiri. Sehingga suasana demikian melahirkan prinsip bahawa setiap pembimbing asrama adalah ibu atau famili oleh setiap pelajar.<sup>1</sup> Berkat sistem pendidikan asrama yang demikian, terjalinlah pergaulan yang harmoni antara sesama pelajar dan guru asrama. Dan memberi kesan tersendiri kepada pelajar masing-masing, sehingga cara pergaulan dalam asrama boleh tercermin dalam pergaulan mereka dikalangan masyarakat.

Melihat kepada sistem pendidikan sekolah dan sistem pendidikan asrama yang digunakan oleh perguruan. Adalah merupakan suatu sumbangsan terhadap pendidikan kaum perempuan di Padang Panjang. Perguruan Diniyah Puteri telah mampu membina sebuah sistem pendidikan agama yang sesuai dengan hasrat masyarakat dan peredaran zaman. Di mana masyarakat pada saat itu menghendaki agar kaum perempuan dapat merasakan pendidikan sebagaimana yang dirasakan oleh kaum lelaki di sekolah. Kemudian pendidikan tersebut dapat memberikan pengetahuan agama dan pengetahuan umum serta kemahiran yang boleh dirasakan manfaatnya oleh wanita dalam kehidupan berumah tangga atau dalam masyarakat.

---

<sup>1</sup> *Peringatan 55 Tahun, op.cit, h. 52*

#### **4.3 MELAKSANAKAN PENDIDIKAN GURU**

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab terdahulu, bahawa Rahmah El Yunusiyah menerima banyak permintaan dari pelbagai tempat supaya menghantar lulusan Diniyah Puteri sebagai guru di tempat mereka. Dalam menghadapi masalah ini, perguruan merasakan ketidakupayaan untuk memenuhi permintaan tersebut, kerana perguruan sendiri masih mengalami kekurangan guru. Melihat kenyataan tersebut akhirnya Rahmah mendapat sokongan dari PGAPI (Perikatan Guru-Guru Agama Puteri Islam) untuk mewujudkan keinginannya menubuhkan institusi pendidikan guru wanita Kulliyatul Mu'allimat Al-Islamiyyah (KMI).

Matlamat pendidikan di KMI adalah mendidik wanita menjadi guru agama yang berpengetahuan umum di sekolah lanjutan dan sebagai persiapan untuk melanjutkan pendidikan mereka ke peringkat yang lebih tinggi.<sup>1</sup> Untuk mencapai matlamat ini, sehingga menghasilkan wanita yang berketerampilan mengajarkan pengetahuan agama dan juga pengetahuan umum, oleh yang demikian, mata pelajaran umum dimasukkan ke dalam kurikulumnya. Sehingga perbandingan antara mata pelajaran agama dan bahasa Arab dengan mata pelajaran umum adalah 42 % berbanding 58 %.

Menurut Rahmah dengan kurikulum ini, kiranya institusi pendidikan guru ini diharapkan dapat menghasilkan guru wanita yang cekap baik di bidang agama dan

---

<sup>1</sup> Isnaniah Saleh (1971), *Sejarah Ringkas Perkembangan Perguruan Diniyah Puteri dan Kulliyatul Mu'allimat El Islamiyyah Padang Panjang 1923-1969*, dalam majalah Al Djami'ah IAIN tahun ke X 1971, Jogjakarta, h.21. dan *Buku Peringatan 15 Tahun, op.cit*, h. 26.

bahasa Arab mahupun pengetahuan umum. Atas pertimbangan demikian, maka jumlah mata pelajaran yang diajarkan sebanyak 31 buah termasuk pengetahuan ilmu keguruan.<sup>1</sup>

Hal demikian mungkin tidak bermaksud bahawa mata pelajaran agama dan bahasa Arab kurang mendapat perhatian, namun yang dimaksudkan ialah penguasaannya adalah ditahap yang lebih tinggi. Oleh sebab itu atas dasar prinsip ini boleh difahami, bahawa kurikulum KMI apabila dilihat dari segi tempoh masa mata pelajaran agama dan bahasa Arab, jumlahnya adalah lebih sedikit daripada jumlah tempoh masa yang disediakan pada peringkat pendidikan sebelumnya. Kemudian dalam bidang pelajaran pengetahuan umum, murid-murid memperolehnya lebih luas dari sebelumnya supaya mereka boleh berkemampuan dalam menganalisis dan mengajarkan pelajaran agama dan bahasa Arab. Berikut ini adalah kurikulum Kulliyatul Mu'allimat Al-Islamiyyah (KMI) yang dimaksudkan:

JADUAL 4.2 Kurikulum Kulliyatul Mu'allimat Al-Islamiyyah (KMI) 1940-1946

No.	Nama-nama Pelajaran	Berapa kali seminggu		
		Kls 1	Kls 2	Kls 3
1.	Agama :			
	Fiqh	2	2	2
	Usul Fiqah	2	2	2
	Tauhid	2	2	2
	Tafsir	2	2	2
	Ilmu Hadis/Mustalah Hadis	1	1	1
	Sejarah Islam	1	1	1
	Sejarah Agama-agama	-	-	1
		10	10	11
2.	Bahasa Arab :			
	Mutala'ah (Membaca)	2	2	2
	Insya' (Mengarang)	1	2	2

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, op.cit, h. 354.

Imla'	1	-	-
Adabu al-Lughah (Sastra Arab)	2	2	1
Balaghah	2	2	2
Mahfuzat	1	1	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	9	9	7
 3. Bahasa Indonesia	2	2	2
4. Bahasa Inggeris	2	2	2
5. Bahasa Belanda (Bahasa Jepun)	2	2	2
6. Ilmu Mendidik/Ilu Jiwa	3	3	3
7. Praktik Mengajar	-	-	3
8. Ilmu Bumi	1	1	1
9. Sejarah Umum	1	1	1
10. Sejarah Indonesia	1	1	1
11. Aljabar	1	1	1
12. Ilmu Ukur	1	1	1
13. Ilmu Alam	1	1	1
14. Ilmu Hayat	2	2	2
15. Ilmu Kesihatan	1	1	1
16. Bernyanyi	1	1	-
17. Staatsrecht	1	1	1
18. Menulis Arab	1	1	1
19. Menggambar dan Menulis	1	1	-
20. Kerajinan Tangan	1	1	1
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	23	23	24
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	42	42	42

Sumber: Buku Peringatan 55 Tahun Diniyah Puteri Padang Panjang

Dalam jadual di atas terdapat tiga kumpulan mata pelajaran yang diajarkan di KMI.

Pertama adalah pelajaran agama sebanyak 7 mata pelajaran atau 23 %. Kedua adalah pelajaran bahasa sebanyak 6 mata pelajaran atau 19 %. Ketiga adalah pelajaran umum sebanyak 18 mata pelajaran atau 58 %. Jadi peratusan untuk pelajaran umum lebih banyak dibandingkan dengan pelajaran lainnya. Di antara pelajaran umum yang sangat penting dalam mendidik pelajar menjadi sebagai guru adalah ilmu pendidikan dan pengajaran serta praktik mengajar. Di mana ilmu pendidikan dan pengajaran diajarkan

pada kelas satu dan dua sahaja, sementara praktik mengajar diberikan pada kelas tiga sahaja.

Praktik mengajar tersebut dibuat pada kelas-kelas Ibtidaiyah dan Tsanawiyah dua kali seminggu secara bergilir di bawah pengawasan guru praktik. Adapun mata pelajaran yang dipraktikkan tidak hanya mata pelajaran agama dan bahasa Arab sahaja , tapi juga mata pelajaran umum yang diajarkan di peringkat Ibtidaiyah dan Tsanawiyah. Hal ini bertujuan untuk mempersiapkan mereka menjadi seorang guru yang selalu siap dengan ke mana pun untuk mengajarkan mata pelajaran di sekolah tempat mereka bekerja.<sup>1</sup>

Pada tahun 1940, KMI meluluskan sebanyak 14 orang guru wanita yang pertama kali semenjak institusi ini ditubuhkan. Jumlah keseluruhan lulusan KMI hingga tahun 1969 adalah sebanyak 611 orang guru. Antara ratusan lulusan KMI tersebut ramai dari mereka yang mengabdikan diri dalam masyarakat sebagai guru agama, baik di sekolah kerajaan mahupun di sekolah swasta. Bahkan terdapat juga antara mereka yang melanjutkan pendidikannya ke pusat pengajian tinggi dan kemudian bekerja sebagai pensyarah di universiti.<sup>2</sup> Jadual di bawah ini menjelaskan kepada kita bahawa sebahagian dari lulusan KMI di antara tahun 1944 dan 1962 telah berjaya menjadi sebagai guru pendidik pada berbagai-bagai institusi pendidikan.

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, op.cit, h. 358.

<sup>2</sup> Fauziah Fauzan, pengurus Perguruan Diniyyah Puteri Padang Panjang. Temu bual pada 8 Disember 2010.

JADUAL 4.3 Senarai nama beberapa lulusan KMI yang menjadi guru dan pensyarah

No	Nama	Lulus	Keterangan
1.	Zahara D.B.A	1962	Guru MAN Padang
2.	Samsimar A BA	1947	Guru PGA Putri D. Mukminin Jakarta
3.	Busyra Basir	1954	Guru PGA Putri D. Mukminin Jakarta
4.	Nuraini SY	1955	Guru PP Attamriyah Jakarta
5.	Mariana Ardani	1957	Guru SDN Kayu Manis Jakarta
6.	Syamsinar Rasyid	1944	Guru sekolah Muhammadiyah
7.	Rahmah Ilyas	1951	Guru SMEP Padang
8.	Dra. Rabiah Karim	1952	Pensyarah IAIN Padang
9.	Dra. Maimanah Umar	1956	Pensyarah IAIN Pekan Baru
10.	Dra. Zahara Maskanah	1956	Pensyarah IAIN Tanjung Karang
11.	Dra. Nurlela Adnan	1953	Pensyarah IKIP Jakarta
12.	dr. Rosdiana Safar	1955	Pensyarah UNAND Padang
13.	Baedar Syarif SH	1951	Pensyarah Univ Islam Jakarta
14.	Dra. Sofia Dj.	1954	Pensyarah

Sumber: Daftar pelbagai kegiatan bekas pelajar Diniyah/KMI dalam masyarakat

Berdasarkan senarai di atas dapat disimpulkan bahawa sebahagian lulusan KMI boleh mengabdikan dirinya sebagai guru di berbagai institusi pendidikan. Mulai dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Meskipun untuk menjadi pensyarah di universiti tidak tercapai selepas tamat belajar dari KMI namun ilmu pendidikan dan teori-teori mengajar yang mereka pelajari dahulu sedikit banyaknya telah memberi kesan terhadap diri mereka. Oleh sebab itu pekerjaan mereka sebagai pensyarah di universiti mana pun tidak boleh terlepas dari pengaruh pendidikan KMI

dahulu kala yang telah mengajarkan kepada mereka tentang mendidik dan mengajar.<sup>1</sup> Selain daripada itu ada juga dari sebahagian lulusan KMI yang mengabdikan dirinya di bidang lain, iaitu tidak bekerja sebagai guru pendidik di institusi pendidikan mana pun, akan tetapi mengabdikan dirinya dalam masyarakat melalui bakat dan kemampuan yang mereka miliki. Misalnya menjadi *muballighah*, pedagang, pegawai, ibu rumah tangga, atau menjadi ahli di parlimen, parti politik dan organisasi. Berikut ini adalah senarai nama-nama lulusan KMI yang mengabdikan diri dalam masyarakat dalam bidang lainnya:

JADUAL 4.4 Senarai nama beberapa lulusan KMI yang mengabdi dalam masyarakat

No	Nama	Lulus	Keterangan
1.	Dra. Rosda MJ	1957	Pegawai Perpustakaan IKIP Jakarta
2.	Dra. Nurlela Dahlan	1955	Pegawai DEPAG RI Jakarta
3.	Rostina	1948	Pegawai DEPAG RI Jakarta
4.	Khadidjah Maris	1950	Pegawai Pengadilan Agama Kerinci
5.	Jus Arni Ilyas	1957	Sekr. Fak Tarbiah IAIN Ciputat
6.	Hj. Hilma Arma	1952	Ahli Parlimen DPR/MPR RI
7.	Nadiar	1951	Pedagang
8.	Dahniar	1956	Pedagang
9.	Hj. Zainab Ibrahim	1943	Ketua Djami'ah Wasliyah Sumut
10.	Roslaini Djadin	1957	Ketua Pertiwi Daerah Riau
11.	Husainah Nurdin	1942	Ketua Perwanida Sumbar
12.	Datin Hj. Sakinah junaid	1945	Parti Islam Malaysia

Sumber: Daftar pelbagai kegiatan bekas pelajar Diniyah/KMI dalam masyarakat

---

<sup>1</sup> Nadirman Haska, pengurus yayasan Rahmah El Yunusiah, temubual 4 Disember 2011.

#### **4.4 MENYEDIAKAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN**

Dalam pelbagai upaya yang dilakukan oleh Perguruan Diniyah Puteri dapat dilihat bahawa perguruan telah menanamkan jiwa dan sikap keusahawanan kepada muridnya. Di antara pelbagai upaya perguruan tersebut adalah menyediakan persekitaran yang boleh mendorong mereka berkarya sesuai dengan kebolehan serta kegemaran masing-masing. Bentuk pendidikan ini adalah sebagaimana yang telah kita jelaskan dalam bab sebelumnya mengenai kelompok pendidikan kewanitaan. Di mana asrama merupakan tempat utama dalam memberi pendidikan kewanitaan tersebut, dan pendidikan ini mencakupi pelbagai pendidikan kemahiran perempuan, seperti kraf tangan, kemahiran menjahit dan menenun.

Kelompok pendidikan kewanitaan ini terus berkembang dalam Perguruan Diniyah Puteri sehingga mula memasuki kurikulum sekolah dan diajarkan secara formal pada tahun 1936, walaupun satu macam pelajaran sahaja iaitu kraf tangan.<sup>1</sup> Dalam pelajaran kemahiran ini, murid-murid lebih banyak diajarkan dalam bentuk praktik seperti membuat tikar, kipas, beg atau menggunakan tangan dalam memanfaatkan benda persekitaran yang boleh diambil kegunaannya.

Jika melihat kepada pendidikan kemahiran yang disediakan dalam Perguruan Diniyah Puteri ini, jelaslah perguruan sedang menyesuaikan pendidikan kemahiran yang diajarkan kepada pelajarnya dengan keadaan zaman yang sedang berkembang. Kerana pendidikan kemahiran seperti menjahit, membuat tikar, bertenun dan lainnya yang

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, op.cit, h. 212.

merupakan kemahiran yang harus ada pada diri setiap wanita diwaktu itu. Sehingga apa yang mereka pelajari tersebut betul-betul mereka rasakan manfaatnya dalam kehidupan masing-masing.

Berdasarkan itulah Perguruan Diniyah Puteri terus berusaha mengembangkan pendidikan kemahiran ini. Sehingga perguruan membuka sekolah tenun pada tahun 1936 dengan mendirikan sebuah bangunan khusus untuk itu.<sup>1</sup>

Dibukanya sekolah tenun tersebut bagi pelajar Perguruan Diniyah Puteri, ternyata tidak sahaja mendidik mereka untuk pandai dalam menenun, namun di sana terdapat matlamat lainnya. Iaitu sebagaimana yang diyakini oleh pengasas perguruan bahawa dalam sekolah tenun dapat dilakukan dalam membentuk peribadi murid. Hal ini kerana melalui pendidikan keterampilan tenun boleh menanamkan rasa cinta kepada hasil karya sendiri dan menghargai karya bangsa sendiri, sabar dan berlapang dada menghadapi kesukaran dan berusaha menyelesaikan persoalan yang rumit sebagaimana kusutnya benang tenun.<sup>2</sup>

Demikian juga halnya dengan kemahiran menjahit, Rahmah ingin melatih murid-murid menjadi orang yang kreatif dan menggunakan fantasisnya menciptakan sesuatu yang baru dan teliti. Dengan kemahiran memasak, mereka dilatih menjadi calon ibu

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad *et al.* (1991), *Rahmah El Yunusiyah dan Zainuddin Labay El Yunusi*, *op.cit*, h.86.

<sup>2</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, *op.cit*, h. 248.

rumah tangga yang berkemahiran. Bila ia kelak membina rumah tangga, ia akan dapat memikat suaminya dengan masakannya.<sup>1</sup>

Dalam pengamatan penulis, hingga tahun 1969 jumlah jenis pendidikan kemahiran dalam perguruan terdapat sebanyak 6 jenis, iaitu sebagaimana berikut:

Jadual 4.5: Jenis-jenis Pendidikan Kemahiran Dalam Perguruan Diniyah Puteri

No.	Jenis Pendidikan Kemahiran	Tempat
1.	Menjahit	Asrama
2.	Menenun	Asrama
3.	Memasak	Asrama
4.	Menghias rumah	Asrama
5.	Kraf tangan	Sekolah
6.	Pertolongan cemas	Asrama

Berdasarkan jadual di atas hanya kraf tangan yang diajarkan di sekolah, adapun pendidikan kemahiran yang lainnya diajarkan dalam persekitaran asrama. Terutamanya ialah kemahiran menjahit dan memasak, di mana kedua pendidikan kemahiran ini diajarkan secara berterusan mengikut waktu yang telah ditetapkan dalam persekitaran asrama sebagaimana yang kita lihat dalam jadual aktiviti berikut:

---

<sup>1</sup> *Ibid.*

Jadual 4.6: Jadual aktiviti menjahit dan memasak pelajar Perguruan Diniyah Puteri

<b>Hari</b>	<b>Tiap-tiap Hari</b>		<b>Tiap Minggu</b>	
	<b>Masa</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Masa</b>	<b>Aktiviti</b>
Isnin	3.30 pm - 4.30 pm	Menjahit	-	-
Selasa	3.30 pm - 4.30 pm	Menjahit	-	-
Rabu	3.30 pm - 4.30 pm	Menjahit	-	-
Kamis	3.30 pm - 4.30 pm	Menjahit	-	-
Jumaat	-	-	1.00 pm - 5.00 pm	Menjahit & Memasak
Sabtu	3.30 pm - 4.30 pm	Menjahit	-	-
Ahad	-	-	11.00 am - 5.00 am	Menjahit & Memasak

Sumber: Peraturan internat tiap-tiap hari Diniyah Puteri Padang Panjang

Berdasarkan jadual di atas pelajaran menjahit diadakan setiap hari antara pukul 03.30 petang hingga pukul 04.30 petang. Kecuali pada setiap hari Ahad dan Jumaat pelajaran menjahit bersama dengan memasak diadakan dengan masa yang lebih panjang supaya lebih efektif. Iaitu pada setiap hari Ahad pelajaran kemahiran ini diadakan selama enam jam yang bermula dari pukul 11.00 pagi hingga pukul 05.00 petang, sedangkan setiap hari Jumaat diadakan selama empat jam yang dimulai dari pukul 01.00 tengah hari hingga pukul 05.00 petang.

#### **4.5 MEMBASMI GOLONGAN BUTA HURUF DI KALANGAN PEREMPUAN**

Tiga tahun pertama penubuhan Perguruan Diniyah Puteri ini, iaitu di antara tahun 1923-1926, perguruan telah menitikberatkan pendidikannya dalam membasmi golongan buta huruf di kalangan kaum wanita yang sudah berumah tangga dan kepada murid muridnya yang lain yang selalu bertambah. Perguruan Diniyah Puteri lebih dikenali oleh

masyarakat dengan nama Sekolah Menyesal.<sup>1</sup> Kerana pada masa itu perguruan Diniyah Puteri mengharapkan agar semua perempuan yang datang belajar ke perguruan adalah disebabkan oleh kerana menyesali kelalaian mereka kerana tidak belajar membaca dan menulis di masa lampau.

Ternyata sebutan Sekolah Menyesal ini dalam perkembangan seterusnya bukan sekadar menjadi nama yang diberikan kepada perguruan. Akan tetapi pada tahun 1924, Sekolah Menyesal benar-benar telah menjadi sebuah institusi pendidikan dalam perguruan. Iaitu jika dilihat dalam perkembangan perguruan pada tahun ajaran 1924, di sana diadakan pengasingan di antara murid-murid perguruan yang masih bujang dengan murid-murid yang sudah berkahwin.<sup>2</sup> Bagi murid yang sudah berkahwin diteruskan pelajaran menulis dan membacanya, sementara bagi murid-murid yang masih bujang disediakan kelas lain yang telah dilengkapi dengan alat-alat belajar. Semenjak itulah Sekolah Menyesal menjadi lebih digemari dan menjadi sebuah institusi pendidikan yang terus berkembang dalam persekitaran perguruan Diniyah Puteri.

Kehebatan sebahagian murid-murid dari Sekolah Menyesal yang sudah ada pandai membaca dan menulis telah menarik perhatian para ibu bapa dan gadis remaja. Sehingga Rahmah memerlukan bantuan tenaga pengajar, dan melantik seorang guru bernama Darwisah A. Mu'in<sup>3</sup> sebagai pembantunya dalam mengajarkan membaca dan menulis di

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad (1981), *Manusia Dalam Kemelut*, op.cit, h. 226.

<sup>2</sup> Buku Peringatan 55 Tahun, op.cit, h. 245.

<sup>3</sup> Isteri M. Yunus Kocek, seorang pemuda pelajar asal Aceh. Namanya terkenal sebagai salah seorang perintis kebangunan gerakan pemuda di Minangkabau tahun 20-an. Meninggal di Pematang Siantar 11 September 1963; pensiunan pegawai R.R.I. Bukittinggi.

sekolah tersebut.<sup>1</sup> Pada mulanya pengurusan Sekolah Menyesal berasingan dari perguruan, kerana sekolah ini hanya dianggap sebagai usaha pelengkap bagi kegiatan perguruan atau sebagai institusi pendidikan yang bersifat kursus. Tetapi setelah melihat kenyataannya, maka Sekolah Menyesal secara pentadbiran dan kewangannya dikendalikan bersama-sama dengan Perguruan Diniyah Puteri.<sup>2</sup>

Dalam kurikulum Sekolah Menyesal ini subjek kemampuan menulis dan membaca huruf Latin adalah merupakan subjek yang utama. Bahkan subjek tersebut sangat dititik beratkan sekali kepada murid-murid berbanding dengan subjek tambahan yang lain, seperti ilmu hisab, Ilmu Tauhid, Ilmu Fiqah, dan Akhlak.<sup>3</sup> Meskipun demikian sekurang kurangnya dengan kurikulum tersebut para murid dapat menambah pengetahuan mereka mengenai ilmu-ilmu agama walaupun sedikit disamping belajar membaca dan menulis.

Berikut ini adalah mata pelajaran Sekolah Menyesal:

Jadual 4.7: Senarai mata pelajaran Sekolah Menyesal

No.	Mata Pelajaran
1.	Membaca
2.	Menulis
3.	Berhitung
4.	Tauhid
5.	Fikah
6.	Akhlaq

Sumber: Buku Peringatan 55 Tahun Diniyah Puteri Padang Panjang

<sup>1</sup> *Buku Peringatan 55 Tahun, op.cit*, h. 245.

<sup>2</sup> Huda Hanum, setiausaha yayasan Rahmah El Yunusiah, temu bual 3 Disember 2011.

<sup>3</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri, op.cit*, h. 264.

Dalam jadual di atas terdapat tiga mata pelajaran agama yang menjadi pelajaran tambahan bagi pelajar, kerana sebagaimana disebutkan tadi bahawa sekolah menyesal menitikberatkan pendidikannya melalui membaca dan menulis. Berkennaan dengan pelajaran Tauhid, pelajar diberikan pelajaran tentang sifat-sifat dua puluh dan hal-hal yang boleh merosakkan iman. Sedangkan dalam pelajaran fikah yang lebih diutamakan adalah tentang bersuci, sembahyang, kewajipan suami isteri dalam rumah tangga, mendidik anak dan pergaulan dalam masyarakat. Sedangkan pelajaran akhlak lebih menitikberatkan kepada adab kepada Allah, kitab suci al-Quran, pergaulan, kehormatan diri dan hormat kepada ibu bapa.<sup>1</sup>

Adapun masa yang digunakan oleh Sekolah Menyesal tidak dilakukan pada pagi hari seperti halnya sekolah lain. Pada mulanya sekolah ini diadakan pada malam hari, kemudian dipindahkan ke waktu petang hari. Hal tersebut bertujuan untuk menghindari terjadinya fitnah kerana pelajar Sekolah Menyesal terdiri daripada perempuan-perempuan yang sudah berkahwin.

Dalam data yang dimiliki oleh Perguruan Diniyah Puteri, jumlah murid Sekolah Menyesal pada tahun 1925 sudah mencapai sebanyak 125 orang. Kemudian sekolah ini tidak diteruskan lagi semenjak tahun 1932, disebabkan perguruan lebih banyak memfokuskan pendidikannya kepada murid-murid yang masih gadis.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, h. 284.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 263.

#### **4.6 MENUBUHKAN PUSAT PENGAJIAN TINGGI KHUSUS WANITA**

Di kalangan pemerintah kolonial Belanda sendiri telah lama menubuhkan pelbagai pusat pengajian tinggi di Indonesia. Misalnya Sekolah Tinggi Teknik (*Technische Hogeschool*) didirikan pada tahun 1920 di Bandung, dan Sekolah Tinggi Hukum (*Rechtskundige Hogeschool*) didirikan tahun 1920 di Jakarta, Sekolah Tinggi Kedokteran (*Geneeskundige Hogeschool*) berdiri 1927 di Jakarta.<sup>1</sup> Sesuai dengan kebijakan pendidikan kolonial Belanda, maka yang menjadi pelajar pada pusat pengajian tinggi yang ditubuhkan oleh kolonial Belanda ini adalah masyarakat elit bangsa Indonesia sahaja.

Ternyata kalangan umat Islam sendiri yang berada di Sumatera Barat telah memberikan responsnya terhadap keadaan demikian, iaitu dengan menubuhkan sebuah pusat pengajian tinggi bagi masyarakat peribumi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahmud Yunus dalam hasil kajiannya bahawa Perguruan Tinggi Islam yang ditubuhkan di Padang oleh Persatuan Guru Guru Agama Islam (PGAI) pada 9 Disember 1940 merupakan pusat pengajian tinggi Islam yang pertama di seluruh Indonesia.<sup>2</sup> Dengan ditubuhkannya pusat pengajian tinggi tersebut, diharapkan boleh menghilangkan sekatan yang menghadkan rakyat peribumi untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

---

<sup>1</sup> Haidar Putra Daulay (2007), *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaruan Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Kencana, h. 119.

<sup>2</sup> Mahmud Junus (1960), *Sejarah Pendidikan Islam*, op.cit, h.103.

Kemunculan pusat pengajian tinggi tersebut juga telah ikut serta membakar semangat para tokoh pembaharu pendidikan di Sumatera Barat dalam memberikan pendidikan yang lebih baik kepada generasi muda. Antaranya adalah pengasas perguruan Diniyah Puteri Rahmah El Yunusiyah, di mana di akhir hayatnya dia berjaya melunaskan hasratnya untuk menubuhkan pusat pengajian tinggi Islam khusus wanita *al-jāmi'ah al-Dīniyah li al-banāt*, dengan satu Fakulti yakni Fakulti Tarbiah dan Dakwah, yang dirasmikan pada 22 November 1967 bertepatan dengan 20 Sya'ban 1387 Hijrah oleh Gabenor Sumatera Barat Prof. Drs. Harun Zein. Majlis Perasmian dirasmikan dengan penandatanganan piagam oleh Gabenor Sumatera Barat, disaksikan oleh Dekan Fakulti Tarbiah dan Dakwah Perguruan Tinggi Diniyah Puteri H. Izzudin Marzuki LAL, Kanwil Depag Sumatera Barat KH. Djazuli Wangsasaputra, dan tokoh Islam antarabangsa M. Natsir dan Dr. Zakiah Drajat.

Sebagaimana lazimnya suatu pusat pengajian tinggi, disamping dilengkapi dengan kelengkapan, pentadbiran serta kemudahan awam, ia juga dilengkapi dengan majlis penyantun pusat pengajian tinggi yang lazim disebut majlis kurator yang berfungsi antara lain menyantuni jalannya pusat pengajian tinggi yang bersangkutan misalnya mencari dana atau derma. Demikian pula halnya dengan pusat pengajian tinggi yang didirikan pada tahun 1967 ini. Oleh Rahmah sebagai pimpinan pusat pengajian tinggi, membentuk majlis kurator yang terdiri dari 17 orang anggota yang diketuai oleh Isnaniah Saleh. Penaung dan penasihat masing-masing adalah Moh. Natsir dan Prof. Drs. Harun Zain. Disamping majlis kurator juga dibentuk Yayasan Pusat Pengajian Tinggi yang berperanan menaunginya dan juga mencari dana pengembangannya.

Demikian juga dengan anggaran dasar pusat pengajian tinggi ini dibuat sebagai panduan penyelenggaraan dan pengembangan di masa-masa akan datang.

Adapun dalam kurikulum yang digunakan oleh Fakulti Dirasat Islamiah ini terdapat beberapa pelajaran agama, bahasa dan umum, iaitu sebagaimana berikut:

Jadual 4.8: Senarai mata pelajaran Fakulti Dirasat Islamiah

Pelajaran Agama	Pelajaran Umum	Pelajaran Bahasa
Tafsir/Illu Tafsir	Ilmu Pendidikan	Nahwu/Sharaf
Fikah/Usul Fikah	Ilmu Jiwa	Balaghah/Adab
Hadis/Musthalah	Sosiologi	Bahasa Inggeris
Tauhid/Illu Kalam	Metodik Khusus	Bahasa Indonesia
Ilmu Dakwah	Pengantar Filsafat	
Ilmu Akhlaq/Tasawuf	Praktik Mengajar	
Sejarah Kebudayaan Islam	Stadium Generale	

Sumber: Kurikulum Fakulti Tarbiah dan Dakwah tahun 1967

Berdasarkan jadual di atas pelajaran agama berjumlah sebanyak 7 mata pelajaran iaitu 39 %, begitu juga dengan pelajaran umum berjumlah sebanyak 7 mata pelajaran atau 39 %, sedangkan pelajaran bahasa sebanyak 4 mata pelajaran atau 22 %. Setiap mata pelajaran berlangsung selama 45 minit, khusus untuk mata pelajaran Studium Generale yang bertujuan menambah pengetahuan pelajar dengan berbagai-bagai ilmu di

luar bidang kursusnya yang diadakan secara berkala, tidak begitu terikat kepada masa. Biasanya ia berlangsung antara satu jam sampai dua jam yang diberikan oleh pensyarah luar, pejabat kerajaan dan tokoh masyarakat.<sup>1</sup>

Pada tahun 1969, atas keputusan pihak pengurusan pusat pengajian tinggi Diniyah Puteri setelah mengadakan rundingan dengan majlis pensyarah dan majlis kurator, maka Fakulti Tarbiah dan Dakwah diubah namanya menjadi Fakulti Dirasaat Islamiah dan disingkatkan dengan FDI. Adapun kurikulumnya tidak mengalami perubahan kerana masih menggunakan kurikulum yang lama.<sup>2</sup>

Setelah kerajaan Indonesia memperhatikan perkembangan yang dicapai oleh fakulti ini, maka dalam hal ini Departemen Agama Republik Indonesia memberi pengakuan kepada Fakulti Dirasaat Islamiah dengan meningkatkan status fakulti kepada status yang diiktiraf. Di dalam surat keputusan pemerintah itu disebutkan, bahawa ijazah sarjana muda yang dikeluarkan oleh Fakulti Dirasaat Islamiah pusat pengajian tinggi Diniyah Puteri Padang Panjang dinyatakan sama dengan ijazah sarjana muda Fakulti Usuluddin Institut Agama Islam Negeri (IAIN).<sup>3</sup> Dengan demikian fakulti ini secara tidak langsung mendapat kepercayaan dari masyarakat serta menambah keyakinan mereka terhadap perguruan Diniyah Puteri yang telah mampu menjalankan sebuah pusat pengajian tinggi di dalam institusi pendidikan yang sedang dijalankannya.

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyah Puteri*, op.cit, h. 490.

<sup>2</sup> Beni Firdaus, Pembantu Ketua II Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyah (STIT) Diniyah Puteri Rahmah El Yunusiah. Temubual pada 8 Disember 2011.

<sup>3</sup> Surat Keputusan Menteri Agama No.177 tahun 1969 tentang pemberian pengakuan ijazah bakaloreat, sarjana muda dari Fakulti Dirasaat Islamiyah Perguruan Tinggi Diniyah Puteri Padang Panjang.

Melihat persekitaran bandar Padang Panjang saat itu maka kemunculan pusat pengajian tinggi Diniyah Puteri tersebut menunjukkan semakin pesatnya perkembangan pendidikan di sana. Dapat juga dikatakan pusat pengajian tinggi tersebut selain berada dalam bandar yang memegang peranan penting dalam mempelopori pembaharuan dunia pendidikan di Sumatera Barat, dan berada di antara kurang dari 29 buah institusi pendidikan agama mahupun lembaga pendidikan yang bukan agama,<sup>1</sup> ia juga telah membuka peluang bagi pelajar wanita yang datang ke Padang Panjang untuk meneruskan pendidikan mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Sehingga peluang mereka datang ke bandar ini tidak berakhir pada peringkat sekolah tinggi (aliah) atau sejenisnya.

Menjelang maghrib, hari rabu 26 Februari 1969, bertepatan dengan 9 Zulhijah 1388 H, pengasas perguruan Rahmah El Yunusiyah kembali ke rahmatullah untuk selama lamanya. Menjelang akhir hayatnya, ada sebuah keinginannya yang belum terlaksanakan, yakni penubuhan pusat pengajian tinggi Islam khusus wanita yang mempunyai Fakulti Tarbiah, Fakulti Syariah, Fakulti Sastera, Fakulti Psikologi, Fakulti Perindustrian dan Fakulti Kebidanan/Perawatan yang menghimpun 2000 orang pelajar.<sup>2</sup>

Oleh sebab batasan kajian disertasi ini adalah hingga tahun 1969, maka pengkaji cukupkan sampai di sini saja. Dan perlu juga diketahui bahawa hingga masa ini belum ada seorang pun yang telah lulus dari pusat pengajian tinggi Diniyah Puteri. Hal ini

---

<sup>1</sup> Aminuddin Rasyad (1982), *Perguruan Diniyyah Puteri*, op.cit, h. 93-98.

<sup>2</sup> Aminuddin Rasyad et al. (1991), *Rahmah El Yunusiyah dan Zainuddin Labay El Yunusi*, op.cit, h.64.

disebabkan kerana pusat pengajian tinggi ini baru akan melahirkan lulusan yang pertamanya pada tahun 1971 sebanyak 2 orang pelajar.

#### **4.7 KESIMPULAN**

Peranan Perguruan Diniyah Puteri padang panjang dalam pendidikan wanita boleh dilihat dalam beberapa hal berikut ini. Pertama dari segi sistem pendidikan, Perguruan Diniyah Puteri berupaya membina sistem pendidikan sendiri untuk mendidik pelajar-pelajarnya. Pada mulanya sistem yang digunakan adalah sistem pendidikan Diniyah School yang ditubuhkan oleh Zainuddin Labay, kemudian pengasas Perguruan Diniyah Puteri mengubahsuai sistem tersebut sehingga menjadi sistem yang boleh mendidik kaum wanita menurut zamannya. Bentuk sistem yang di bina oleh Diniyah Puteri adalah sistem pendidikan dengan menggabungkan antara pendidikan sekolah dan pendidikan asrama dalam persekitaran yang sama, dengan erti lain semua pelajar akan mendapatkan dua macam pendidikan dalam perguruan, iaitu pendidikan sekolah dan pendidikan asrama. Oleh sebab itu semua pelajar puteri tidak hanya dididik dalam persekitaran sekolah sahaja namun juga dididik dalam persekitaran asrama. Di mana dalam persekitaran sekolah, pelajar Diniyah Puteri dapat menyepadukan pengajaran ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu umum secara klasikal, serta mendapatkan pelajaran kemahiran. Sedangkan dalam persekitaran asrama pelajar dapat mempraktikkan ilmu yang mereka terima dari sekolah dan mendapatkan pendidikan tambahan lainnya seperti pendidikan ‘*ubudiyah*, kemahiran, organisasi, pengakap, kesenian, sukan dan lainnya.

Pembinaan sistem pendidikan yang diupayakan oleh Perguruan Diniyah Puteri tidak hanya dengan cara mengembangkan sistem yang dibina oleh Zinuddin Labay, akan tetapi juga dengan cara pemantauan ke beberapa kawasan di Sumatera dan Jawa. Dari hasil pemantauan tersebut terdapatlah beberapa penyempurnaan sistem pendidikan perguruan yang lama, di antaranya adalah pengubahsuaian kurikulumnya sehingga menjadi sesuai dengan hajat masyarakat. Misalnya memasukkan pelajaran umum seperti bahasa Inggeris, bahasa Belanda, bahasa Indonesia, Ilmu Kesihatan, Ilmu Mendidik dan lainnya sehingga perguruan tidak hanya mengajarkan pelajaran agama sahaja semata-mata.

Kedua adalah melaksanakan pendidikan guru, iaitu mendidik wanita yang berketerampilan mengajarkan pengetahuan agama dan juga pengetahuan umum. Usaha ini dilaksanakan melalui jenis pendidikan yang ditubuhkan Perguruan Diniyah Puteri yang bernama Kulliyatul Muallimat Islamiah atau KMI. Dalam melaksanakan pendidikan guru ini, para pelajar dibekalkan dengan 31 mata pelajaran yang terdiri dari ilmu-ilmu agama, pelajaran umum dan bahasa. Bahkan teori-teori pendidikan dan mendidik juga mereka dapatkan dalam mata pelajaran Ilmu Mendidik/Ilu Jiwa dan praktik mengajar. Melalui dua mata pelajaran inilah para pelajar dididik dengan baik untuk menjadi guru yang dapat mengintegrasikan keilmuan yang mereka perolehi. Terutama sekali apabila para pelajar mempraktikkan teori-teori yang dipelajari dalam kelas praktik mengajar yang diadakan dua kali setiap minggu. Pada tahun 1969 KMI telah banyak melahirkan guru-guru kepada masyarakat, di antara mereka boleh dijumpai dalam berbagai-bagai institusi pendidikan bekerja sebagai guru, mulai dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Hal tersebut menandakan bahawa pendidikan

guru yang mereka peroleh sewaktu belajar di KMI boleh memberi kesan dalam diri mereka untuk menjadi guru. Meskipun ramai juga dari kalangan alumni KMI yang berkarya dalam bidang lainnya.

Ketiga adalah menyediakan pendidikan kemahiran, iaitu pendidikan kewanitaan seperti mana yang telah disebutkan oleh Perguruan Diniyah Puteri. Pendidikan kewanitaan ini bertujuan untuk mendorong pelajar agar boleh berkarya sesuai dengan kebolehan dan kegemaran masing-masing. Semua pendidikan kemahiran ini berjumlah sebanyak enam mata pelajaran kemahiran, iaitu menjahit, menenun, memasak, menghias rumah, kraf tangan dan pertolongan cemas. Hanya kraf tangan yang diajarkan di sekolah, sedangkan mata pelajaran kemahiran lainnya diberikan dalam persekitaran asrama mengikut jadual yang telah ditetapkan. Meskipun mata pelajaran ini adalah kemahiran yang diajarkan untuk kaum wanita, namun pengasas perguruan berkeyakinan bahawa pelajaran tersebut tidak semata kemahiran sahaja, akan tetapi terdapat pendidikan keperibadian bagi para pelajar. Iaitu menanamkan kepada mereka akan rasa cinta kepada hasil karya sendiri dan menghargai karya bangsa sendiri, sabar dan lapang dada menghadapi kesukaran dan berusaha menyelesaikan persoalan yang rumit.

Keempat adalah pembasmian golongan buta huruf di kalangan perempuan. Peranan Perguruan Diniyah Puteri dalam hal ini ternyata telah dimulai semenjak ditubuhkan pertama kali pada tahun 1923. Hal ini kerana pada tahun tersebut perguruan menitikberatkan pendidikannya pada pembasmian golongan buta huruf di kalangan wanita. Ramai dari kalangan perempuan yang datang ke perguruan disebabkan oleh rasa penyesalan di masa lalu atas kelalaian mereka kerana tidak belajar membaca dan

menulis. Sehingga muncul anggapan dari masyarakat mengatakan perguruan sebagai sekolah menyesal, meskipun pada akhirnya istilah sekolah menyesal ini menjadi salah satu nama institusi pendidikan dalam perguruan. Dalam perkembangannya Sekolah Menyesal dibahagi menjadi dua bahagian, pertama adalah Sekolah Menyesal yang dikhkususkan bagi pelajar yang sudah berkahwin, dan kedua adalah Sekolah Menyesal yang dikhkususkan bagi pelajar yang belum berkahwin. Adapun pengurusan Sekolah Menyesal adalah berasingan dari perguruan. Hal demikian disebabkan Sekolah Menyesal dianggap sebagai usaha pelengkap bagi kegiatan perguruan atau sebagai institusi pendidikan yang bersifat kursus. Tapi setelah melihat kenyataan serta reaksi dari masyarakat, maka Sekolah Menyesal secara pentadbiran dan kewangannya dikendalikan bersama-sama dengan Perguruan Diniyah Puteri. Pembasmian buta huruf di kalangan kaum perempuan melalui Sekolah Menyesal ini hanya beroperasi selama tujuh tahun sahaja, kerana pada tahun 1932 Sekolah menyesal ini tidak diteruskan lagi disebabkan perguruan memfokuskan pendidikannya kepada pelajar-pelajar yang masih gadis.

Kelima adalah menubuhkan pusat pengajian tinggi Islam khusus wanita. Institusi ini pada awal penubuhan tahun 1967 telah mempunyai satu buah fakulti, iaitu Fakulti Tarbiah dan Dakwah dengan beberapa mata pelajaran agama, pelajaran bahasa dan pelajaran umum. Kemudian pada tahun 1969 Fakulti Tarbiah dan Dakwah diubah menjadi Fakulti Dirasaat Islamiah serta mendapat pengiktirafan dari Departemen Agama Republik Indonesia. Dengan demikian fakulti ini secara tidak langsung mendapat kepercayaan dari masyarakat serta menambah keyakinan mereka terhadap perguruan

Diniyah Puteri yang telah mampu menjalankan sebuah pusat pengajian tinggi di dalam institusi pendidikan yang sedang dijalankannya.

Pusat pengajian tinggi khusus wanita ini berada di antara 29 buah institusi pendidikan yang terdapat di bandar Padang Panjang, oleh sebab itu ia menjadi salah satu pelopor pembaharuan dunia pendidikan di Sumatera Barat, kerana ia adalah satu satunya Pusat pengajian tinggi khusus wanita di bandar tersebut, dan membuka peluang bagi pelajar wanita yang datang ke Padang Panjang untuk meneruskan pendidikan mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Sehingga peluang mereka datang ke bandar ini tidak berakhir pada peringkat sekolah tinggi (aliyah) atau sejenisnya.

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **KESIMPULAN**

- a) Kedudukan wanita dalam masyarakat Sumatera Barat dilihat dari segi hukum adat-istiadat adalah sangat penting dan terhormat. Masyarakat Minangkabau sangat melindungi mereka dan tidak melakukannya dengan semena-mena. Hal tersebut terlihat dalam kedudukan wanita Minangkabau yang ditentukan dalam adat-istiadat itu sendiri, iaitu sebagai penentu zuriat, *limpapeh rumah gadang* dan pemilik harta pusaka. Dengan tiga keistimewaan tersebut secara tidak langsung kaum wanita mempunyai kekuasaan istimewa dalam keluarga. Kerana selain sebagai penentu dalam perkembangan zuriat, wanita juga menguasai rumah keluarga (*rumah gadang*) berserta seluruh harta pusaka yang dimiliki oleh keluarga. Namun dari segi kenyataan hidup sosial masyarakat, kaum wanita di Sumatera Barat mendapat perlakuan berlebihan dari masyarakat dalam usaha menghormati kedudukan wanita, sehingga berakibat kepada hal yang tidak baik. Seperti larangan keluar rumah, perkahwinan di usia muda dan pantangan anak gadis. Akhirnya kaum wanita menjadi terkongkong dalam rumah sendiri dan tidak ada kebebasan yang mereka dapatkan dengan mudah.

- b) Kedudukan wanita yang demikian telah menjadi hambatan besar bagi mereka untuk mendapatkan pendidikan di sekolah. Kerana gerak langkahnya sangat terhad dalam persekitaran rumah sahaja, sedangkan pendidikan sekolah itu sendiri berada di luar persekitaran rumah. Oleh sebab itu pendidikan yang mereka dapatkan hanyalah pendidikan tradisional sahaja, iaitu pendidikan yang diajarkan secara turun temurun dari generasi ke generasi yang pada amnya lebih difokuskan kepada kemahiran mengurus rumah tangga, seperti memasak, menjahit, menyulam, dan kemahiran yang patut dipunya oleh seorang isteri. Hingga pada zaman kemunculan sekolah-sekolah, masyarakat masih berpandangan bahawa pendidikan sekolah bagi perempuan itu tidak penting. Hal tersebut boleh dilihat pada saat Perguruan Diniyah Puteri ditubuhkan pada tahun 1923, di mana masyarakat telah menentang penubuhan institusi pendidikan khusus perempuan ini.
- c) Perkembangan perguruan Diniyah Puteri dari masa ke masa telah melakukan beberapa perubahan dan kemajuan dalam perguruan sendiri, iaitu sebagaimana berikut:

**Pertama** adalah perubahan sistem pembelajaran halakah menjadi sistem moden. Di mana pada masa penubuhan pertama kali perguruan menggunakan sistem halakah di masjid Pasar Usang, kemudian selepas membina bangunan sekolah sendiri sistem halakah tersebut ditukar dengan sistem pendidikan moden, iaitu menggunakan alat-alat mengajar dan belajar, menggunakan jadual pelajaran dan jadual guru pengajar.

**Kedua** adalah perubahan dalam mata pelajaran, di mana pelajaran yang diberikan tidak hanya tentang ilmu agama dan bahasa Arab sahaja sebagaimana masa penubuhan pertama kali. Akan tetapi dalam perkembangan seterusnya perguruan memberikan pelajaran umum dan kemahiran.

**Ketiga** adalah jenis pendidikan, di mana jenis pendidikan perguruan telah bertambah banyak, kerana selepas 41 tahun atau pada tahun 1964, Perguruan Diniyah Puteri telah mempunyai jenis-jenis pendidikan mulai dari sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

**Keempat** adalah jumlah lulusan pelajar, di mana lulusan perguruan menjadi bertambah banyak, iaitu 2,529 orang yang berasal dari berbagai-bagai kawasan Indonesia, termasuk Malaysia, Singapura dan Filipina

- d) Sistem yang digunakan oleh perguruan Diniyah Puteri adalah sistem pendidikan Diniyah School yang pernah dibina oleh Zainuddin Labay El Yunusi iaitu sistem klasikal dengan susunan pelajaran yang bersepadau di antara ilmu-ilmu keagamaan dan ilmu-ilmu umum. Kemudian pengasas Perguruan Diniyah Puteri mengubahsuai sistem tersebut sehingga menjadi sistem yang boleh mendidik pelajar perempuan menurut zamannya. Bentuk sistem tersebut adalah sistem pendidikan yang menggabungkan pendidikan sekolah dengan pendidikan asrama dalam persekitaran yang sama. Dengan sistem ini semua pelajar akan memperoleh dua jenis pendidikan, iaitu pendidikan sekolah dan pendidikan asrama. Oleh sebab itu semua pelajar tidak hanya dididik dalam persekitaran

sekolah sahaja namun juga dididik dalam persekitaran asrama. Di mana dalam persekitaran sekolah, pelajar Diniyah Puteri dapat menyepadukan pengajaran ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu umum secara klasikal, serta mendapatkan pelajaran kemahiran. Sedangkan dalam persekitaran asrama pelajar dapat mempraktikkan ilmu yang mereka terima dari sekolah dan mendapatkan pendidikan tambahan lainnya seperti pendidikan ‘ubudiyah, kemahiran, organisasi, kesenian, sukan dan lainnya.

- e) Peranan Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang dalam pendidikan kaum wanita telah bermula sejak perguruan ditubuhkan pada tahun 1923 dengan menjadikan masjid Pasar Usang sebagai pusat pendidikannya. Semenjak penubuhan tersebut terdapat beberapa peranan perguruan dalam pendidikan kaum wanita, iaitu sebagaimana berikut:

**Pertama** adalah membina sistem pendidikan khusus perempuan. Di mana pengasas Perguruan Diniyah Puteri mengubahsuai sistem pendidikan yang dibina oleh Zainuddin Labay bagi pelajar lelaki dan perempuan di Diniyah School menjadi sistem pendidikan yang sesuai bagi pelajar perempuan sahaja. Usaha pengubahsuaian sistem pendidikan tersebut juga ia lakukan dengan cara tinjauan ke institusi pendidikan di beberapa kawasan di pulau Sumatera dan Jawa. Sehingga kesan dari hasil tinjauan tersebut memberikan perubahan kepada kurikulum lama kemudian menjadi sesuai dengan hajat masyarakat.

**Kedua** adalah melaksanakan pendidikan guru, iaitu mendidik wanita yang berketerampilan mengajarkan pengetahuan agama dan pengetahuan umum. Usaha ini dilaksanakan melalui jenis pendidikan yang ditubuhkan Perguruan Diniyah Puteri yang bernama Kulliyatul Muallimat Islamiah atau KMI. Telah banyak pelajar wanita menamatkan pengajian mereka dari sini kemudian bekerja sebagai guru di pelbagai institusi pendidikan, mulai dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti.

**Ketiga** adalah menyediakan pendidikan kemahiran, iaitu pendidikan kewanitaan seperti mana yang telah disebutkan oleh Perguruan Diniyah Puteri. Pendidikan kewanitaan ini bertujuan untuk mendorong pelajar agar boleh berkarya sesuai dengan kebolehan dan kegemaran masing-masing. Semua pendidikan kemahiran ini berjumlah sebanyak enam mata pelajaran kemahiran, iaitu menjahit, menenun, memasak, menghias rumah, kraf tangan dan pertolongan cemas.

